

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III **Bil. 12** **Hari Isnin** **14 April 1997**

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mesyuarat Dewan Rakyat pada 17 April 1997 - Pembatalan (Ruangan 1)

Ucapan Takziah Atas Kematian Y.B. Tuan Ong Tin Kim
(Ahli Parlimen Telok Intan) (Ruangan 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan 3)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1):**

Pencerobohan Dan Pencemaran Pasukan Polis Khas Persekutuan
Terhadap Masjid Ar-Rahman, Kuala Lumpur dan Penangkapan
Para Jemaah yang Sedang Beribadah Di Dalam Masjid
- Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (*Kuala Krai*) (Ruangan 38)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan 44)

(bersambung...)

(...sambungan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997

Jawatankuasa -

Jadual Pertama

Maksud B.15 dan B.16	(Ruangan 46)
Maksud B.18	(Ruangan 49)
Maksud B.19	(Ruangan 50)
Maksud B.22, B.23 dan B.24	(Ruangan 64)
Maksud B.25	(Ruangan 70)
Maksud B.26 dan B.27	(Ruangan 82)
Maksud B.30 dan B.33	(Ruangan 104)
Maksud B.34	(Ruangan 132)
Maksud B.35, B.37 dan B.41	(Ruangan 153)
Maksud B.42 dan B.43	(Ruangan 163)
Maksud B.44	(Ruangan 175)
Maksud B.45	(Ruangan 181)
Maksud B.48	(Ruangan 191)
Maksud B.49	(Ruangan 202)

Jadual Kedua

Maksud B.34	(Ruangan 132)
-------------	---------------

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1996

Jawatankuasa-

Maksud P.23	(Ruangan 64)
Maksud P.26	(Ruangan 82)
Maksud P.28	(Ruangan 104)
Maksud P.36 dan P.40	(Ruangan 153)
Maksud P.46	(Ruangan 185)
Maksud P.47	(Ruangan 185)
Maksud P.49	(Ruangan 202)

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Mesyuarat**

Peraturan
(Ruangan 112)

PARLIMEN KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggala Yang Ketiga

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.,
D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S.,
S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok,
P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato'
(Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S.,
S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad,
P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang Berhormat Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

Yang Berhormat Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)

- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

Yang Berhormat Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 14hb. April, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan hormatnya saya maklumkan bahawa dengan persetujuan Timbalan Ketua Dewan iaitu YAB Timbalan Perdana Menteri iaitu pada hari Khamis 17hb. April 1997 ini tidak akan diadakan mesyuarat Dewan [*Tepuk*]. Ini memandangkan Hari Raya Aidil Adha jatuh pada hari esoknya 18hb. April 1997 dan untuk membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam balik ke rumah masing-masing untuk meraikan hari besar itu. Saya mengambil peluang ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada Ahli-ahli yang beragama Islam dan dengan harapan Ahli-ahli yang ke Mekah untuk menunaikan fardu Haji akan mendapat Haji Mabrur.

UCAPAN TAKZIAH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sedihnya saya memaklumkan bahawa pada 10 April 1997 rakan sejawat kita Yang Berhormat Tuan Ong Tin Kim telah meninggal dunia di Hospital Nasional Universiti, Singapura. Mendiang Yang Berhormat itu adalah seorang yang berdedikasi, menjalankan tugas-tugasnya sebagai Ahli Dewan. Oleh itu, Dewan telah kehilangan seorang ahli yang sangat disegani dan dihormati. Pada 12 April 1997 yang lepas, saya telah memaklumkan kematian ini kepada Suruhanjaya Pilihanraya seperti yang dikehendaki oleh Artikel 54(1) Perlembagaan.

Kita bersama-sama mengucapkan takziah kepada balu beliau Puan Wong Lean Tai dan anak-anak serta keluarga mendiang itu di atas kehilangan mendiang Yang Berhormat itu dan rekod prosiding ini hendaklah dihantarkan kepada balu beliau. Dengan ini saya dengan hormatnya memohon Ahli-ahli yang terhormat bangun dan bertafakur selama satu minit untuk mengenangkan roh mendiang itu. *[Semua Ahli Dewan bangun bertafakur selama satu minit]*. Terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz.

[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat) tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow

[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab) tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, sedikit pembetulan. Akta Bank Islam 1983 dan bukannya 1993. Soalan No. 3, Tuan Yang di-Pertua.

AKTA BANK ISLAM 1983 - CADANGAN KERAJAAN UNTUK MEMINDA

3. **Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk meminda Akta Bank Islam 1983 (Islamic Banking Act 1983) yang mengawal operasi dan konsep pengawalan Bank Islam di dalam melunaskan produk-produk perbankan mengikut Syariah Islam dan adakah perkara-perkara yang digariskan di dalam Akta Bank Islam 1983 seperti konsep dan aktiviti digariskan dengan jelas ataupun sekadar akta yang liberal sahaja dengan menyebut "semua aktiviti yang sehaluan dengan Syariah Islam adalah dibenarkan". Apakah Akta tersebut tidak mungkin diperincikan lagi supaya tidak timbul masalah keraguan dan kerumitan apabila berlaku kes-kes tindakan undang-undang.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini Akta Bank Islam 1983 mencakupi semua aspek operasi Bank Islam dan ia berupaya mengawal operasi Bank Islam di dalam melunaskan produk-produk perbankan mengikut syariah. Di dalam akta ini juga, konsep dan aktiviti perbankan Islam digariskan secara am di mana perniagaan perbankan Islam didefinisikan sebagai perniagaan perbankan yang tujuan dan operasinya tidak melibatkan sebarang ciri yang melanggar syariah. Oleh kerana perbankan dan kewangan adalah satu bidang yang sentiasa berkembang, adalah wajar sekiranya definisi aktiviti Bank Islam dijelaskan secara umum. Oleh yang demikian, tiada sebarang cadangan oleh kerajaan untuk meminda Akta Bank Islam pada masa ini.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Berhormat ada menyatakan bahawa Bank Rakyat akan dijadikan sebuah Bank Islam yang kedua dan ada juga bank-bank lain juga berminat ke arah itu. Adakah dengan tiadanya pindaan Akta Bank Islam ini, maka bank-bank berkenaan dibenarkan untuk jadi Bank Islam dan adakah akta Bank Rakyat itu sendiri dan bank-bank lain yang berkenaan perlu disesuaikan dengan keperluan Akta Bank Islam ini sendiri? Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk menjadikan Bank Rakyat ataupun mana-mana institusi kewangan sebagai bank ataupun institusi kewangan Islam, perlulah akta-akta bank yang berkaitan itu dipindahkan ataupun disesuaikan dengan Akta Bank Islam 1983. Jadi, apa yang termaktub di dalam Akta Bank Islam seperti yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus tadi adalah kuasa-kuasa dan peraturan-peraturan yang diberi kepada pihak kerajaan untuk menyelia dan mengawal perjalanan Bank Islam. Jadi, dari segi pertanyaan tadi, definisi tidak wujud di dalam akta, cuma garis-garis pengawalseliaan sahaja. Definisi hanya digunakan di dalam apabila kita menjalankan ataupun mempraktikkan akta ini. Mengenai Bank Rakyat, Bank Rakyat adalah sebuah bank yang boleh dikatakan dipunyai oleh seratus peratus orang-orang Islam dan usaha untuk menjadikan bank ini bank Islam dimulakan dua, tiga tahun yang lalu. Sehingga sekarang, Bank Rakyat menjalankan dasar yang mana semua cawangan barunya dijadikan cawangan Bank Islam keseluruhannya dan cawangan-

cawangan yang dahulu, yang tidak menjadi cawangan Bank Islam akan disesuaikan untuk dijadikan bank Islam mengikut jadual-jadual yang tertentu.

Jadi, dalam hal ini, Bank Rakyat perlulah dikeluarkan daripada Ordinan Syarikat Kerjasama 1949 dahulu sebelum ianya dapat dimasukkan ke bawah Akta Bank Islam dan usaha-usaha awal sedang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, Akta Bank Islam yang dibuat pada tahun 1983 dan pindaannya pada tahun 1985 menampakkan bahawa negara kita Malaysia sebagai pelopor ke arah sistem Al-Muammalah Islam yang sebenar. Saya pohon penjelasan sama ada negara kita Malaysia menggunakan model ataupun contoh-contoh negara Islam lain di dalam menggariskan ataupun mengadakan akta-akta yang kita amalkan sekarang.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memulakan Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983, kita menggunakan - bukan kesemuanya - menggunakan pengalaman dan juga model-model daripada negara yang terdahulu daripada kita yang menjalankan operasi perbankan mengikut lunas-lunas Islam. Tetapi, apa yang didapati pada hari ini ialah, kebanyakannya adalah model-model kita sendiri, inovasi-inovasi yang kita buat sendiri dan kita pada peringkat ini telah menjadi model kepada keseluruhan negara Islam di dunia ini, menjadi model Institusi Kewangan Islam yang mana diterima dan dapat digunapakai oleh seluruh masyarakat yang menggunakan pasaran kewangan antarabangsa. Malah, banyak negara-negara Islam, setakat ini, telah pun datang ke Malaysia untuk mempelajari cara-cara kita menjalankan

operasi bank Islam dan mengikut prinsip-prinsip yang kita jalankan. Malah, pada masa ini pihak Bank Islam sendiri dan juga Kementerian Kewangan sendiri menerima banyak permintaan (request) untuk diadakan seminar dan juga dihantar pegawai-pegawai ke negara-negara Islam yang lain untuk mengajar ataupun menunjuk ajar kepada mereka bagaimana hendak menjalankan sistem perbankan Islam secara progresif.

Setakat ini Indonesia dan Brunei serta juga mungkin di selatan Filipina telah pun mendapat bantuan daripada kita untuk mewujudkan, macam di Indonesia, Bank Muamalat, pegawai-pegawai Bank Islam kita sedang menolong dan membantu mereka menjalankan apa yang telah kita ciptakan dengan jayanya di Malaysia.

CAJ KE ATAS PANGGILAN TELEFON YANG TIDAK BERJAYA - SEBAB

4. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa Syarikat Telekomunikasi mengenakan caj ke atas panggilan yang tidak berjaya. Bagaimanakah pengguna dapat faedah daripada potongan tarif panggilan apabila menggunakan IDD kad fon umum (IDD public card phone).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, semua caj bagi perkhidmatan rangkaian talian telefon adalah pada kadar yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Telefon 1996 dan Peraturan-peraturan Telekomunikasi 1986 (Pindaan 1996). Tiada apa-apa caj boleh dikenakan selain daripada apa yang telah diperuntukkan.

Pengusaha-pengusaha rangkaian telefon adalah dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan yang tersebut. Tindakan boleh diambil ke atas mana-mana pengusaha sekiranya didapati bersalah dan bersabit dengan kesalahannya.

Saya sedar memang terdapat kes-kes di mana panggilan yang tidak berjaya dikenakan bayaran. Pihak kementerian saya sedang menyiasat untuk memastikan punca bagaimana keadaan ini boleh berlaku dan akan mengambil tindakan sewajarnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, pegawai-pegawai dari Jabatan Telekomunikasi Malaysia (JTM) sedang menyiasat dan meneliti setiap rangkaian bagi memastikan rangkaian mana yang terlibat.

Mengenai tarif yang dilaksanakan pada 1.6.1996, ianya turut dinikmati oleh pemanggil-pemanggil yang menggunakan telefon awam untuk panggilan antarabangsa atau IDD yang kadarnya telah diturunkan di antara 6% hingga 33%.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini kita dapati bahawa banyak terdapat kes-kes mencuri talian telefon. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah mekanisme yang digunakan untuk mengawal daripada berlakunya kes-kes kecurian ini yang mana menyebabkan pengguna-pengguna terpaksa menanggung kerugian?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, satu pasukan khas yang ditubuhkan oleh semua operator, semua pengusaha telefon termasuk telefon selular dengan kementerian saya melalui Jabatan Telekomunikasi Malaysia telah pun ditubuhkan untuk mengawasi dan mengawal keadaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Dan semua pengusaha telah pun dinasihatkan supaya memakai sistem keselamatan yang terkini supaya dapat menyelesaikan masalah ini.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jikalau kami semak dari bil telefon bimbit dan kami boleh nampak di sana ada dicatat masa yang kami panggil. Selalunya dalam bil itu ada 3 saat, 4 saat dan cajnya 10 sen. Berikutnya, dua, tiga kali kami cuba telefon itu, dia dua, tiga kali, semua caj 10 sen, 10 sen, 10 sen sehingga kami berjaya, baru dia caj pada rate yang normal. Itu menunjukkan satu panggilan yang kami cuba tidak dapat berjaya dan selepas dua, tiga kali cuba, baru dapat berjaya dan tiap-tiap kali beliau caj 10 sen, 10 sen, 10 sen. Itu maksud saya 'yang tidak berjaya', dia pun caj 10 sen.

Mungkin dalam komputer yang maklum balas, iaitu 'your call has been recorded' atau 'nombor yang anda dial tadi tidak dapat dihubungi, sila dial sebentar lagi', mungkin itu pun dapat dia caj 10 sen.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong semak akan perkara ini supaya Syarikat Telekomunikasi tidak mengenakan walaupun 10 sen bagi panggilan-panggilan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami sebagai pengguna telefon kad seperti ini untuk memanggil IDD di public phone ini dan telefon set itu telah direka bentuk untuk mengenakan caj. Jadi, selalunya pada malam atau pada hari Ahad atau pada hari raya, pihak telekom ada memberi potongan tarif tetapi bagi mereka yang memakai kad ini untuk memanggil IDD macam mana mereka boleh dapat faedah dengan potongan tarif ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan caj bagi panggilan yang tidak berkesan ataupun 'ineffective calls', kementerian telah mengarah semua pengusaha, khususnya pengusaha selular agar membayar balik secara rebat kepada pelanggan-pelanggan yang mana caj tersebut telah pun dikenakan. Mengikut Peraturan Telekomunikasi, semua pengusaha tidak seharusnya mengenakan caj kepada panggilan yang tidak berkesan. Tetapi panggilan yang telah dijawab oleh mesin jawab yang diperuntukkan oleh si penerima, ini dianggap sebagai panggilan yang telah dijawab. Ini memang ada definisinya mengikut Peraturan Telekomunikasi. Dan bayaran balik ini bukanlah diberi secara automatik kepada semua pelanggan dan hanya pelanggan yang memohon serta dapat membuktikan kesahihannya yang layak mendapat rebat.

Mengenai kad IDD digunakan untuk membuat panggilan melalui telefon awam, saya hendak menjelaskan di sini bahawa pada musim raya, potongan tarif hanya diberikan kepada fix lines dan Atur 450 sahaja. Panggilan yang dibuat melalui telefon awam memang tidak diberikan nikmat seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

KEMALANGAN MELIBATKAN MOTOSIKAL - LANGKAH MENGURANGKAN

- 5. Dr. Tan Yee Kew [Klang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-
- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya di kalangan pemandu motosikal dan sejauh manakah kejayaan langkah-langkah itu; dan
 - (b) adakah kerajaan berhasrat memperuntukkan lorong khas untuk pemandu motosikal di jalan-jalan utama dan lebuh raya supaya kemalangan di kalangan pemandu motosikal dapat dikurangkan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya di kalangan penunggang motosikal, lorong motosikal berasingan telah disediakan semasa pembinaan lebuhraya-lebuhraya seperti Lebuhraya Persekutuan II, Lebuhraya Kulim-Butterworth dan Lebuhraya Shah Alam. Selain daripada itu, sebanyak RM9.85 juta telah diperuntukkan pada tahun 1996 bagi kerja-kerja melebar dan juga menurap bahu-bahu jalan sepanjang 500 kilometer untuk kegunaan motosikal.

Pengasingan laluan motosikal daripada laluan kenderaan lain telah mengurangkan sebanyak 39% kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan motosikal. Ini merupakan kedapatan dalam kajian terperinci oleh Profesor Madya Radin Umar dari Universiti Putra Malaysia.

- (b) Daripada jawapan kepada soalan (a) tadi adalah jelas kerajaan berhasrat memperuntukkan lorong khas untuk penunggang motosikal di sebanyak mungkin jalan-jalan utama dan lebuhraya supaya kemalangan melibatkan motosikal dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun, lorong khas terpaksa dibina mengikut keutamaan jalan-jalan dan lebuhraya berasaskan kriteria-kriteria berikut:-

- peratusan motosikal yang menggunakan lebuh raya atau jalan raya;
- bilangan isipadu kenderaan;
- tahap kelajuan kenderaan;
- kelas dan lokasi jalan;
- kadar kemalangan yang melibatkan motosikal;
- kos pembinaan; dan
- perolehan tanah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, untuk Lebuhraya Utara-Selatan adakah kerajaan berhasrat untuk menjadikan Lebuhraya Utara-Selatan sebagai satu jalan raya contoh di mana ada lorong khas untuk pemandu-pemandu motosikal dan adakah satu sasaran ditetapkan bila seluruh Lebuhraya Utara-Selatan ada lorong khas?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dalam perbincangan di antara PLUS dengan kementerian saya sekarang oleh kerana PLUS sedang menimbang untuk mengadakan tambahan satu lagi lorong dalam lebuh raya yang sedia ada. Pada masa itu kita akan meminta PLUS untuk mengadakan satu lorong bagi motosikal, tetapi perbincangan belum selesai dalam perkara ini tetapi ada dalam pertimbangan Kementerian Kerja Raya berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita melihat kepada laporan kemalangan yang banyak berlaku pada tahun lepas ialah kebanyakannya

berlaku di kawasan-kawasan jalan utama di luar-luar bandar. Jadi, saya ingin tahu apakah rancangan pihak JKR atau kementerian Yang Berhormat Dato' untuk mengatasi masalah ini supaya jalan-jalan utama di kawasan luar bandar tidak menjadi sasaran ataupun tempat di mana berlakunya kemalangan. Dan saya ingin tahu, setakat hari ini adakah syarikat-syarikat yang menjalankan kerja-kerja penampalan lubang-lubang ataupun syarikat-syarikat yang menjalankan kerja-kerja telekom dan sebagainya diambil tindakan oleh pihak JKR kerana tidak mematuhi peraturan yang disenaraikan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jalan yang sedia ada dalam kuasa Jabatan Kerja Raya ialah jalan Persekutuan. Selain daripada itu, jalan luar bandar ialah dalam kuasa pegawai daerah dan juga kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya sedang menjalankan beberapa kajian untuk mendapat lebih maklumat berkenaan dengan macam manakah kita boleh membesarkan jalan-jalan yang sedia ada untuk mengatasi masalah-masalah seperti apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan Kerja Raya atau pihak-pihak yang sedang membina jalan, iaitu pihak berkuasa berkenaan dengan lubang-lubang dan juga pembetulan jalan oleh pihak-pihak dan agensi-agensi yang lain, kita sedang adakan beberapa perbincangan macam manakah masalah ini boleh diatasi. Tetapi tindakan-tindakan ke atas pihak-pihak yang mengorek jalan itu tidak boleh diambil oleh Kementerian Kerja Raya oleh kerana kita tidak mempunyai kuasa.

SURUHANJAYA PILIHANRAYA MENAIKKAN DEPOSIT

CALON - RASIONAL

6. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai] minta Perdana Menteri menjelaskan apakah rasional Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menaikkan deposit calon yang bertanding dalam pilihan raya. Cadangan ini juga akan memberi ruang yang lebih luas kepada kemenangan tanpa bertanding kepada Barisan Nasional (BN) dan menghapuskan amalan demokrasi serta menyekat mereka yang sepatutnya layak bertanding dalam pilihan raya kerana kekurangan wang.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan belum bercadang untuk menaikkan deposit bagi calon yang bertanding dalam pilihan raya di negara kita iaitu RM5,000 bagi calon Parlimen dan RM3,000 bagi calon Dewan Undangan Negeri. Oleh itu, tuduhan akan memberi ruang yang lebih luas kepada Barisan Nasional (BN) mendapat kemenangan tanpa bertanding dan menyekat mereka yang sepatutnya layak bertanding dalam pilihan raya kerana kekurangan wang serta tuduhan akan menghapuskan amalan demokrasi adalah tidak wajar dibangkitkan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan tambahan. Atas rasional apakah pihak SPR tidak bercadang untuk meminda wang pertaruhan ini?
[Ketawa]

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, atas rasional untuk memberi peluang kepada semua untuk bertanding dalam pilihan raya. *[Ketawa]*

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, apakah terjadi kepada deposit yang tidak dituntut. Berapa lamakah seorang calon itu dibenarkan untuk menuntut deposit itu? *[Ketawa]*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Kita memang memulangkan semua deposit calon-calon yang bertanding. Saya kira dia boleh tuntutan selagi sampai dia boleh sebelum bertanding semula pada pilihan raya akan datang. *[Ketawa]*

SAINTIS - 1000 NISBAH SEJUTA PENDUDUK

7. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) apakah bukti-bukti secara statistik yang menunjukkan program mewujudkan 1,000 saintis setiap sejuta penduduk menjelang tahun 1998 itu dapat dicapai; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian terhadap merangka dan mengimplimentasi-kan program komputer dan teknologi maklumat terhadap semua rakyat khususnya mereka yang kurang mampu dari segi kewangan selain usaha-usaha yang dilaksanakan oleh institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) terhadap pelajar-pelajar elit mereka yang berkemampuan dari segi kewangan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan;

- (a) Matlamat kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) ialah untuk mewujudkan bilangan saintis atau bilangan tenaga R&D kepada nisbah 1000 bagi setiap sejuta penduduk (1000: 1 juta) menjelang tahun 2000 dan bukannya menjelang tahun 1998 sepertimana yang dinyatakan di dalam pertanyaan Ahli Yang

Berhormat tersebut. Bagi mencapai nisbah ini, kerajaan sedang berusaha untuk mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) meningkatkan bilangan tenaga R&D melalui penubuhan Tabung Pembangunan Tenaga Manusia dalam bidang sains dan teknologi dengan peruntukan sebanyak RM300 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh;
 - (ii) melaksanakan Skim Perlantikan Saintis Warganegara Malaysia di luar negeri dan saintis asing; dan
 - (iii) melaksanakan program Intensification of Research In Priority Areas (IRPA), dengan izin, bagi meningkatkan bilangan dan kualiti saintis-saintis tempatan.
- (b) Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk merangka dan mengimplimentasikan program komputer dan teknologi maklumat terhadap semua rakyat adalah sepertimana yang digariskan di dalam Agenda Teknologi Maklumat Negara. Agenda tersebut mempunyai tiga komponen utama seperti berikut:-
- (i) Pembangunan Masyarakat (People Development);
 - (ii) Pembangunan Infrastruktur (Infrastructure Development);
dan
 - (iii) Pembangunan Aplikasi (Applications Development),
dengan izin.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kementerian, apakah takrif 'saintis' yang digunakan oleh kementerian supaya kita jelas apabila tiba tahun 2000 nanti kita boleh kira dengan betul, 1,000 saintis untuk tiap-tiap sejuta penduduk

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, saintis ialah orang yang bekerja dalam bidang ilmu Sains, begitulah. *[Ketawa]*

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hasrat untuk mewujudkan 1,000 saintis bagi tiap-tiap sejuta penduduk menjelang tahun 2000 adalah satu cita-cita yang memang kita alu-alukan. Tetapi persoalan saya ialah adakah kerajaan telah mengenal pasti dalam bidang apakah saintis itu akan dilatih, dan di manakah mereka akan dilatih, sama ada di dalam negara kita ataupun di luar negara?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi ada tiga langkah yang sedang diambil untuk menambahkan ahli-ahli saintis kita dalam pembangunan masyarakat, pembangunan infrastruktur, pembangunan aplikasi. Mereka ini diambil keluaran daripada universiti-universiti tempatan seperti pembinaan Universiti Telekom, Universiti Tenaga, Universiti Petroleum dan juga mereka yang dilatih di luar negara.

KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) - SEBAB PEMBINAAN TERGENDALA

8. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapakah pembinaan bangunan Kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) tergendala

dan belum dimulakan dan seterusnya bilakah pembinaan bangunan kampus tersebut dijangka siap.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) sedang dalam pembinaan. Pembinaan bangunan kampus tersebut terlewat sedikit untuk dilaksanakan kerana Kementerian Kewangan mengambil masa dalam membuat keputusan mengenai kos infrastruktur tanah itu, iaitu sebanyak RM345 juta, sidang di antara JKR, agensi pusat dan Kementerian Pendidikan mengenai kos tersebut telah diadakan sejak bulan Disember 1996.

Pembinaan tersebut telah dimulakan sejak hujung tahun 1996 lagi, dan ianya melibatkan kerja-kerja pembersihan tapak dan pembinaan pejabat kontraktor. Adalah dijangkakan pembinaan Kampus UMS ini akan dapat disiapkan pada hujung Oktober 1998.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian sedar bahawa memandangkan projek ini telah diberi pembinaan kepada dua public listed company, dengan izin, maka ada sungutan-sungutan pihak kontraktor tempatan yang tidak mendapat peluang termasuklah jadi subkontraktor bagi projek itu. Adakah pihak kementerian sedar dalam perkara ini dan apakah tindakannya supaya syarikat-syarikat kecil tempatan dapat mengambil bahagian dalam projek pembangunan ini.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dalam proses ini kerajaan telah serahkan kerja pembinaan itu kepada kontraktor-kontraktor dan terpulanglah kepada

kontraktor untuk memilih subkontraktor ataupun sesiapa yang mereka yakin. Namun demikian, Kementerian Pendidikan akan berusaha untuk berbincang dengan kontraktor tersebut supaya keutamaan akan diberi kepada kontraktor-kontraktor tempatan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya ada usaha untuk membina universiti di Sabah ini, dan saya berharap langkah-langkah dapat diambil dan dilaksanakan dengan lebih sempurna berbanding dengan sekarang. Walau bagaimanapun, dua tahun yang lepas semasa pilihan raya saya asyik membaca dan mendengar jaminan yang diberi oleh pihak kerajaan bahawa peruntukan yang besar mungkin waktu itu RM300 juta ataupun RM500 juta diperuntukkan untuk projek ini. Dua tahun selepas itu kita masih ada di peringkat awal. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan peruntukan setakat ini untuk projek ini sebab kita semua hendak menyaksikan universiti di Sabah yang dapat....nampak ada kumat-komit daripada Yang Berhormat dari Padang Terap pula? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Saya berharap beliau pun hendak menyaksikan sama-sama, menyaksikan satu universiti yang sempurna di Sabah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya harapkan beliau jangan bimbang, kerana Barisan Nasional selalunya kita tunaikan janji kita. *[Tepuk]* Dalam proses menunaikan janji kita, kita harus juga jamin bahawa segala projek yang kita laksanakan, dilaksanakan dengan cara yang berkesan, yang akan menjimatkan wang dan sebagainya. Jadi, kita ambil sedikit

masa untuk menentukan jumlah yang kita beri, iaitu tadi saya sudah sebut RM345 juta untuk projek tersebut bagi peringkat permulaan akan dilaksanakan dengan satu cara yang berkesan, jimat dan sebagainya.

Jadi, memang hasrat Kerajaan Barisan Nasional ialah untuk menunjukkan bahawa Universiti Malaysia Sabah ini akan dibina dalam satu masa yang singkat, iaitu menjelang hujung Oktober 1998, ia akan menjadi salah sebuah universiti yang cemerlang di negara kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada sesi akademik 1997/1998 dijangka seramai 1,429 orang pelajar akan memasuki universiti tersebut di peringkat matrikulasi dan ijazah.

TELEFON - KEMUDAHAN DI PEDALAMAN SARAWAK

9. **Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memberi bantuan dan kemudahan telefon ataupun telefon mudah alih kepada kampung, sekolah dan rumah panjang yang jauh di pedalaman negeri Sarawak supaya mereka ini juga berpeluang untuk menikmati kemudahan moden ini.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menentukan supaya kemudahan telefon dapat dinikmati oleh semua rakyat di seluruh pelusuk negara termasuk rakyat di negeri Sarawak. Hasrat kerajaan terbukti dalam dasar telekomunikasi negara di mana kerajaan akan meningkatkan kadar penembusan telefon kepada 30 bagi setiap 100 penduduk menjelang tahun 2005. Kadar penembusan yang disasarkan ini adalah setanding dengan negara-negara maju. Untuk kepentingan penduduk-penduduk di kawasan pedalaman di Sarawak misalnya, beberapa usaha yang sedang diambil oleh syarikat pembekal dalam meningkatkan bilangan telefon

termasuklah memperkenalkan teknologi-teknologi baru, memodenkan rangkaian infrastruktur dan memperbanyakkan telefon-telefon awam. Sehingga hujung 1996 bilangan telefon di negeri Sarawak telah meningkat ke 230,889 dari 207,713 pada tahun 1995, iaitu peningkatan sebanyak 11%.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada Syarikat Telekom Malaysia Berhad, apakah syarikat-syarikat swasta yang lain yang telah diminta untuk membantu Syarikat Telekom Malaysia Berhad ini untuk memasang talian telefon terutamanya di luar bandar?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semua pengusaha telekomunikasi, bukan sahaja Telekom Malaysia, diwajibkan untuk membekalkan perkhidmatan di kawasan luar bandar secara langsung atau secara tidak langsung.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kemudahan telefon atau ATUR sangat tinggi caj dan ongkosnya kepada pengguna yang jauh di pedalaman di negara kita yang kebanyakan mereka ini ialah petani-petani yang mempunyai pendapatan yang rendah. Adakah kerajaan berhasrat untuk memberi kegunaan kemudahan telefon ataupun ATUR ini secara free ataupun jika dicaj diberi caj yang rendah sahaja?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya katakan tadi bagi kawasan pedalaman beberapa teknologi telah pun digunakan untuk dinikmati oleh penduduk di kawasan pedalaman. Misalan kata, teknologi Multi Access Radio System (MARS) dan radio in local load (RILL), semuanya telah pun diguna untuk dinikmati oleh

penduduk di kawasan pedalaman dan caj adalah seperti biasa. Pihak kerajaan tidak bercadang untuk memberikan perkhidmatan percuma setakat ini.

PEJABAT KONSULAT DI SELATAN FILIPINA - CADANGAN PENUBUHAN

10. **Dato' Salamon bin Selamat [Shah Alam]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) sama ada pihak kerajaan bercadang untuk menubuhkan pejabat konsulat di Selatan Filipina memandangkan ramai rakyat Malaysia yang melabur di situ; dan
- (b) setakat ini berapakah bilangan syarikat-syarikat Malaysia yang telah melabur di Selatan Filipina dan berapa banyak kes pelaburan yang telah dibuat.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini bahawa semenjak kita mendapat persetujuan dari Kerajaan Filipina, Malaysia telah pun menubuhkan pejabat konsulatnya di Selatan Filipina, iaitu di Bandaraya Davao, Mindanao semenjak 4hb. Disember 1995.

- (b) Setakat ini sejauh mana yang diketahui terdapat kira-kira 47 syarikat Malaysia yang telah menunjukkan minat untuk melabur di Mindanao. Mereka telah pun menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman dengan syarikat-syarikat Selatan Filipina yang melibatkan pelbagai sektor pelaburan seperti pertanian, pengangkutan, pemasaran pelancongan.

Dato' Salamon bin Selamat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berikutan dengan masalah yang dihadapi oleh Renong Berhad dalam pembelian hotel Filipina baru-

baru ini, apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan pelabur-pelabur Malaysia tidak akan menghadapi masalah yang sama di Filipina Selatan?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara ini adalah dari luar kawasan Mindanao, tetapi untuk makluman Dewan ini bahawa kita mengambil perhatian apa yang telah berlaku seperti perkara yang telah disebutkan tadi ialah mengenai Renong dengan pembelian hotel di Manila, tetapi di sini saya mengesyorkan bahawa Kerajaan Filipina kini sedang berusaha untuk meneliti keadaan ini kerana ia perlu untuk mendapat pelaburan dari luar ke negara itu.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada jawapan tadi, bahawa ada tujuh syarikat yang terlibat setakat ini untuk melabur di situ dan beberapa MoU telah pun ditandatangani.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya daripada MoU ini berapakah yang telah dijalankan di peringkat pelaksanaan setakat ini? Ataupun ini sepertimana yang dikatakan sekadar Memorandum of Understanding (MoU) tetapi bukan memorandum of undertaking.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa MoU ini, saya tidak ada angka yang tepat di sini, tetapi di dalam bidang penubuhan 'plantation' dan sebagainya adalah usaha dalam pembinaan hotel dan sebagainya, usaha telah pun berjalan dan masa kini lebih banyak lagi pelabur-pelabur kita dari Malaysia berminat untuk melabur kerana peluang pembangunan

ekonomi di kawasan itu sejak perjanjian yang telah dibuat di Mindanao itu sangat menggalakkan kerana kawasan itu juga adalah satu pasaran yang besar dan berpotensi.

RAKAN MUDA KE KILANG - SAMBUTAN

11. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bahawa kementerian ingin memperluaskan program Rakan Muda ke kilang-kilang dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh negara:-

- (a) bagaimana sambutan program Rakan Muda di kilang-kilang sejak ia dimulakan pada tahun lepas; dan
- (b) bila program ini akan diperkenalkan di semua IPT di negara kita.

Menteri Belia dan Sukan [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah pun mengumumkan pendekatan baru pelaksanaan program Rakan Muda di bawah fasa III pada 6hb. Februari, 1997. Fasa ketiga ini dinamakan fasa pemantapan sebagai kesinambungan kepada dua fasa yang terdahulu yakni fasa pengenalan yang dilaksanakan sejak pelancaran hingga penghujung 1995 dan fasa pembangunan yang dijalankan sepanjang 1996 hingga Februari 1997.

Fasa pemantapan yang sedang dilaksanakan sekarang ini bermula daripada Mac 1997 hingga Disember 2000. Fasa ini bertujuan:-

- (i) meningkatkan keberkesanan liputan pelaksanaan program;
- (ii) meningkatkan pembudayaan gaya hidup Rakan Muda kepada peserta program; dan

(iii) meningkatkan sokongan masyarakat kepada program.

Ketiga-tiga matlamat di atas secara bersepadu bertujuan menggalakkan tanggungjawab sektor swasta dan masyarakat awam dalam pembangunan generasi muda di negara ini.

Tujuan ini adalah bertepatan dengan usaha menjadikan program Rakan Muda sebagai program yang akan dilaksanakan sepenuhnya oleh masyarakat di bawah fasa IV nanti.

Pendekatan baru fasa III ini bermaksud memberikan tumpuan pelaksanaan program mengikut sektor di mana remaja ataupun belia itu dapat dihubungi dengan lebih berkesan lagi.

Bagi tahun 1997, tiga sektor utama pelaksanaan telah pun dikenal pasti iaitu program Rakan Muda Sektor Perkilangan, program Rakan Muda Sektor Institusi Pengajian Tinggi dan program Rakan Muda Sektor Pusat Membeli-belah. Pemilihan sektor perkilangan dibuat berasaskan ramai para belia telah pun berhijrah untuk bekerja di kilang-kilang dan dengan yang demikian wajarlah golongan ini didedahkan kepada aktiviti-aktiviti pembangunan diri terutamanya di masa lapang supaya selaras dengan wawasan negara. Ia juga adalah sebagai satu langkah bagi menghindarkan daripada terjebaknya dalam gejala-gejala sosial. Sehingga hari ini projek perintis Rakan Muda di sektor perkilangan telah pun dimulakan di beberapa negeri seperti di Pulau Pinang dan juga di Pahang. Di peringkat kementerian, beberapa sesi perbincangan di peringkat

menteri dan juga pegawai telah pun dibuat di antara kementerian dan persatuan pekilang-pekilang Malaysia.

Manakala di peringkat negeri pula, jabatan-jabatan belia dan sukan negeri telah pun mengadakan perbincangan dengan 216 buah kilang. Mengikut perancangannya, program Rakan Muda Sektor Perkilangan yang akan ditumpukan kepada kawasan-kawasan perindustrian akan dimulakan pada penghujung bulan April di kawasan perindustrian Sungai Way di Selangor.

Bagi Rakan Muda sektor Institusi Pengajian Tinggi, kerajaan dan juga swasta, Kementerian Belia dan Sukan menjangka akan dapat memulakan program ini pada bulan Mei iaitu bulan hadapan ini.

Adalah dinyatakan bahawa beberapa aktiviti Rakan Muda telah pun dilaksanakan di pusat-pusat pengajian tinggi di bawah fasa I dan II yang lalu, tetapi pelaksanaannya bukanlah bercorak program khusus untuk pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi seperti yang hendak dilaksanakan di bawah fasa III ini.

Secara amnya sambutan daripada semua pihak sangatlah menggalakkan dan kementerian berharap sokongan ini akan berterusan.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah menjalankan fasa pemantapan sejak tahun ini hingga tahun 2000 khususnya di program sektor IPT ini, saya ingin tahu sama ada kerajaan menentukan peruntukan untuk program

di IPT bagi tahun ini dan apakah peruntukan yang sebenar untuk ketiga-tiga sektor ini dalam tahun ini dan tahun hadapan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada memeperuntukkan, tetapi jumlah sebenarnya belum kita ambil kira. Sebagaimana biasa pada tahun lalu sahaja, lebih RM20 juta telah pun kita belanjakan dan tentunya pada tahun ini akan lebih lagi untuk kita peruntukkan.

Bagi anggaran kasarnya pada setiap satu kegiatan lebih daripada RM1 juta disediakan, tetapi untuk program di IPT ini, kita tidak menumpukan kepada kegiatan yang biasa dibuat di peringkat akar umbi kerana di sini kita ingin mengambil mahasiswa di universiti itu sebagai role model.

Jadi, kegiatan itu tidak melibatkan kos yang terlalu tinggi mungkin dengan cara mengadakan kegiatan di kampung ataupun di kawasan luar bandar untuk membimbing anak-anak muda ataupun belia di luar bandar melibatkan diri dalam program yang kita aturkan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu usaha untuk membentuk belia-belie yang berakhlak tinggi, bermoral dan mengamalkan nilai-nilai yang sihat serta mengamalkan kehidupan yang bersih, cekap dan amanah, adakah pihak kementerian bercadang untuk memasukkan dalam program Rakan Muda, satu program untuk membanteras dan menghapuskan amalan rasuah yang kian berleluasa di negara kita supaya kita tidak menghadapi krisis rasuah sepertimana yang berlaku sekarang, kerana

rasuah adalah satu perkara yang amat serius, yang boleh menjejaskan masa depan belia-belia kita.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, program Rakan Muda ini menekankan soal aspek gaya hidup yang sihat dalam erti kata bahawa kita harus menggunakan masa yang ada di kalangan anak-anak muda kita dengan kegiatan yang bermanfaat.

Kalau dari segi tafsiran bermanfaat itu pelbagai. Ahli Yang Berhormat sendiri boleh mentafsirkan apakah maknanya, tetapi kepada usaha pertamanya, menggunakan masa yang ada itu untuk kegiatan seperti gaya hidup sukan, sudah tentu dalam soal itu kita tidak bincang soal rasuah di bidang sukan dan juga di bidang-bidang rekreasi ataupun bidang inovasi, kegiatan riadah dan sebagainya.

Jadi, setakat ini kita tidak ada satu program khusus untuk itu. Tetapi yang kita tekankan ialah nilai-nilai murni, aspek murni dari segi kegiatan, dari segi sikap, dari segi minda dan sebagainya. Tidak ada satu program yang khusus sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

RUMAH KOS RENDAH - MENENTUKAN KUALITI PEMBINAAN

12. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan kontraktor-kontraktor/pemaju-pemaju pembinaan perumahan kos rendah untuk membina rumah, rumah kos rendah dengan kualiti yang baik.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin

Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini beserta pertanyaan

mulut Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 16hb. April, 1997 yang menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan pembinaan rumah kos rendah berkualiti baik ialah dengan mewujudkan piawaian perancangan yang perlu dipatuhi di kawasan perumahan bagi menghasilkan susunatur tapak yang selesa dan selamat untuk didiami.

Begitu juga dengan piawaian rekabentuk. Penyediaan piawaian termasuk garis panduan tersebut dibuat berasaskan kepada undang-undang kecil bangunan seragam.

Di samping itu, kerajaan telah menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pembinaan berkualiti adalah matlamat utama CIDB. Beberapa langkah telah dan akan diambil oleh pihak CIDB. Antaranya ialah:-

- (i) mengawal mutu syarikat pembinaan melalui pendaftaran dan juga penggredan mengikut keupayaan dan pengalaman;
- (ii) mengawal mutu bahan-bahan pembinaan; dan
- (iii) mengawal mutu dan kemahiran pekerja pembinaan.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar projek rumah kos rendah di Sibu iaitu saya telah menerima aduan kualitinya tidak begitu baik. Adakah benar kerana projek yang dilaksanakan oleh perusahaan komersial, mereka biasanya mengutamakan mendapat keuntungan dan tidak mengira kepentingan pembeli rumah?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara yang disebutkan pertama kalinya kepada saya dan saya akan meminta pihak berkuasa iaitu Suruhanjaya

Perumahan Negeri Sarawak menyiasat dan membeik keterangan kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kadangkala sukar juga untuk membina rumah kos rendah yang bermutu tinggi jika tidak ada kos subsidi dari projek-projek dari rumah yang mewah. Jadi, saya hendak bertanya sama ada kerajaan akan mengkaji semula dasar ‘ceiling’ harga rumah kos rendah yang tidak melebihi RM25,000 itu supaya harga rumah kos rendah itu berbeza-beza mengikut kawasan, mutu, harga tanah atau bilangan bilik.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian sekarang sedang dibuat dan sebenarnya satu kertas makluman kepada Jemaah Menteri akan disampaikan tidak berapa lama lagi berdasarkan kajian itu supaya kita boleh memberi penerangan yang betul dan jelas terhadap ‘ceiling’ rumah kos rendah di sesuatu kawasan seperti di luar bandar berbanding dengan bandar. Kajian ini adalah perlu kerana implikasi daripada kos yang berbeza ini adalah luas dan kita perlu mengambil masa untuk menyelesaikan kajian ini.

PERATURAN ISLAM - PENYERAGAMAN

13. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Perdana Menteri menjelaskan apakah langkah kerajaan untuk menyeragamkan undang-undang dan peraturan Islam di negara ini. Apakah masalah yang dihadapi dan adakah kerajaan bercadang untuk meminda mana-mana fasal dalam Perlembagaan Malaysia bagi melicinkan proses ini.

Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, usaha penyeragaman undang-undang dan peraturan pentadbiran hal ehwal Islam memang telah dan sedang dilaksanakan melalui pelbagai usaha termasuk penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Sivik dan Syarak.

Walau bagaimanapun, proses penyeragaman undang-undang memakan masa yang panjang kerana mesti dijalankan secara harmoni. Setakat ini, usaha yang dijalankan mendapat sambutan yang baik dari semua pihak dan tiada masalah besar yang dihadapi.

Oleh kerana itu, Kerajaan Pusat belum bercadang membuat apa-apa pindaan dalam Perlembagaan. Namun demikian, dalam masa yang sama, kerajaan berharap dengan

meletakkan pentadbiran Mahkamah Syariah seluruh negara di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Persekutuan, proses penyeragaman akan berlaku dengan lebih segera.

Tuan Yang di-Pertua: Machang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan bidang kuasa pentadbiran Islam terletak di bawah bidang kuasa pentadbiran negeri. Dalam proses penyusunan semula ini adakah kerajaan-kerajaan negeri telahpun dihubungi dan jika telah dihubungi manakah negeri-negeri yang masih belum memberi persetujuan? Saya difahamkan ada beberapa buah negeri yang masih belum memberi persetujuan secara rasmi tentang penyusunan semula bukan sahaja undang-undang Islam tetapi penyusunan semula mahkamah-mahkamah syariah. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak peringkat, ada di antara negeri yang agak membisu, ada di antara negeri memberi persetujuan secara lisan tetapi belum secara rasmi dan ada yang agak rasmi. Jadi walau bagaimanapun dalam usaha bila membuat perjumpaan dengan pihak berkuasa negeri memanglah banyak di antara negeri itu memberikan kesanggupan bagi memberi kerjasama ini. Walau bagaimanapun kalaulah sekiranya semua negeri yang mentadbir dalam hal ehwal Islam ini ingin kepada kemajuan Islam ini lebih cemerlang di masa akan datang kita mengharapkan mestilah mereka menyambut perkara ini lebih berkesan dan lebih memberi manfaat kerana faedahnya amat besar kalau mereka memberi kerjasama yang baik bagi usaha kita menjalankan hal mengenai Islam ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Arau

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita ucapkan tahniah di atas usaha yang dijalankan oleh pusat mempengaruhi negeri supaya peraturan dan undang-undang diseragamkan bagi seluruh negara dan ini memberi manfaat kepada seluruh umat Islam di negara ini. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada, oleh kerana tidak ada masalah besar yang dihadapi oleh kerajaan untuk menyeragamkan undang-undang dan peraturan adakah kerajaan ingin mengajak negara-negara lain dalam Asia Tenggara dalam Asia dan lebih luas lagi untuk menyeragamkan peraturan-peraturan dan persefahaman bagi menyeragamkan soal-soal muamalah, soal-soal munakahah, munakahad dan lain-lain yang boleh memberi faedah kepada seluruh umat Islam termasuk di Asia Tenggara, Asia dan lebih luas lagi. Sepertimana di dalam peraturan yang ditetapkan untuk berhari raya Aidilfitri dan sebagainya diseragamkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum bahawa kebaikan Islam itu menyeluruh kepada sama ada umat yang memeluk agama Islam ataupun bukan. Memanglah menjadi hasrat kita untuk mendapat kerjasama di seluruh penganut-penganut Islam tetapi yang paling kita tekankan di sini ialah kita lebih mengutamakan bagi kebajikan dan kebaikan penyelarasan di negara kita terlebih awal, ini yang amat penting.

Mengenai dengan negara-negara di Asia misalannya, mana-mana perkara yang ada kaitan yang perlu kita selaraskan, kita sentiasa berbincang dengan negara-negara

berkenaan supaya kita mendapat kerjasama dan sepakat, mana yang patut kita laksanakan bersama bagi faedah bersama.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 1,2 dan 14 hingga 48 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Pencerobohan Dan Pencemaran Pasukan Polis Khas Persekutuan (FRU) Terhadap Masjid Ar-Rahmaniah, Kuala Lumpur Dan Penangkapan Para Jemaah Yang Sedang Beribadah Di Masjid Tersebut

3.35 ptg

Tuan Haji Ibrahim bin Mahmod [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, Usul Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membincangkan masalah pencerobohan dan pencemaran Pasukan Polis Khas Persekutuan (FRU) terhadap Masjid Ar-Rahmaniah, Kuala Lumpur dan penangkapan para jemaah yang sedang beribadah di masjid tersebut.

Di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2), saya ingin memberi pemberitahu bahawa saya ingin mendapat izin untuk menangguhkan Majlis Dewan Rakyat untuk membincangkan suatu perkara tertentu, ianya kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu masalah tindakan pencerobohan dan pencemaran pasukan polis FRU

terhadap Masjid Ar-Rahmaniah, Kuala Lumpur dan penangkapan para jemaah yang sedang beribadah dalam masjid tersebut, usul saya adalah berbunyi:

1. menyedari bahawa kedaulatan dan kesucian agama Islam terjamin kerana mengikut peruntukan yang termaktub di dalam Perkara 3 Perlembagaan bahawa agama Islam adalah agama resmi negara;
2. menyedari bahawa masjid bukan sahaja “Rumah Allah” yang perlu dihormati dan dijaga kesuciannya sebagai tempat beribadah tetapi juga merupakan institusi mempertahankan kewibawaan Islam dan pembinaan pelbagai kepentingan dan kejayaan masa depan generasi ummah kita; dan
3. menyedari bahawa pasukan polis adalah diamanahkan untuk menjaga ketenteraman awam dan termasuk rumah-rumah ibadah bagi menjamin kebebasan dan keharmonian hidup ummah dalam sistem demokrasi berparlimen.

Maka di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen Kuala Krai, Haji Ibrahim bin Mahmood menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincangkan masalah tindakan- tindakan pencerobohan dan pencemaran pasukan polis FRU terhaap Masjid Ar-Rahmaniah, Kuala Lumpur dan penangkapan pelajar-pelajar universiti dan para jemaah di masjid tersebut, oleh kerana perkara ini adalah suatu perkara tertentu, kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan.

Pada hari Jumaat dua minggu lalu, sejak awal subuh pagi lagi pasukan FRU dengan beberapa buah trak telah mengatur langkah dan berbaris dengan mengepung

Masjid Ar-Rahmaniah. Pada hari itu juga kebetulan berlaku suatu demonstrasi rakyat secara aman. Izinkanlah saya menyatakan serba sedikit secara ringkasnya berhubung dengan demonstrasi secara aman itu, bahawa tindakan kekerasan oleh pihak polis yang menangani demonstrasi rakyat secara aman itu menyebabkan jumlah kehadiran orang ramai semakin bertambah bilangannya yang datang bertumpu-tumpu di Masjid Ar-Rahmaniah. Pihak polis sekali lagi telah gagal menjalankan tugasnya untuk membezakan antara para demonstrasi dan para ahli jemaah yang datang ke Masjid Ar-Rahmaniah pada waktu sembahyang Asar, Maghrib dan Isyak. Akibat dari kegagalan mengenal pasti dan membezakan para jemaah dengan para demonstrasi itu, akhirnya pihak polis telah menceroboh masuk menangkap para jemaah yang sedang melakukan ibadah sembahyang, iktikaf, membaca Quran dan sebagainya.

Tindakan polis menceroboh dan mengganggu kesucian masjid tanpa membuka kasut berkejar-kejaran di dalam masjid itu, tidaklah keterlaluan untuk disamakan dengan kebejatan, kekerasan, keganasan, kebiadapan yang dilakukan oleh komunis di zaman ‘bintang tiga’ yang terkenal di suatu masa dulu yang telah mengancam nyawa dan kehidupan ummah. Mujurlah tidak berlaku sebarang penentangan oleh para ahli jemaah, jika itu berlaku, saya yakin sejarah hitam Memali akan berulang dan mungkin akan meragut beratus-ratus nyawa yang bakal terkorban atau terbunuh.

Tindakan pencerobohan FRU itu amatlah menyedihkan kerana di dalam tragedi itu mereka seolah-oleh begitu jahil tentang peringatan Rasulullah s.a.w. bahawa sesiapa yang masuk berdiam di masjid atau rumah Abu Sufian adalah selamat dan aman. Mereka juga

jahil tentang ajaran Islam bahawa setibanya seseorang sebelum duduk, dituntut memberi salam dan hendaklah sembahyang tahiyatul masjid sebagai penghormatan kepada ‘Rumah Allah’ itu. Kemudian apabila duduk atau beribadah, hendaklah sentiasa menunjukkan adab dengan khusuk dan tawaduk kepada Allah. Tetapi malangnya apa yang berlaku di Masjid Ar-Rahmaniah pada waktu itu seolah-oleh binatang buas seumpama ‘pasukan bersenjata atau polis Israel sedang memburu dan membelasah’ orang-orang awam Palestin.

Maka bagi mencegah dan mengatasi supaya tidak berlaku lagi tragedi pencerobohan dan penggangguan kesucian masjid yang dihormati di sisi Islam, maka sekali lagi saya mohon izin Majlis Mesyuarat ditangguhkan untuk membincangkan perkara yang tertentu, kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Kuala Krai pada 10hb. April 1997, jam 2.42 petang. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu;

Syarat yang kedua ialah ia bagi kepentingan orang ramai; dan

Syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Setelah saya meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa

- (a) Pada fikiran saya perkara ini bukan satu perkara tertentu; tidak disebut di dalam usul ini bahawa seseorang yang disyaki melakukan apa-apa kesalahan tidak boleh ditangkap jika orang itu berada di masjid atau dia mendapat taraf kebal dari penangkapan atau dia mendapat taraf sanctuary. Sebaliknya saya dimaklumkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia seseorang itu boleh ditangkap dalam sebuah masjid jika ia disyaki melakukan atau telah melakukan sesuatu jenayah. Apa yang dikatakan di dalam usul ini, sesiapa yang masuk, berdiam di dalam masjid adalah selamat dan aman adalah betul dan tidak dipertikaikan tetapi ini bukanlah bermaksud seseorang yang masuk untuk bersembunyi atau berlindung di dalam masjid setelah melakukan atau disyaki telah melakukan kesalahan. Sebaliknya mengikut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, masjid tidak seharusnya dijadikan tempat bersembunyi atau berselindung oleh seseorang pesalah undang-undang. Selain dari itu saya difahamkan oleh pihak polis mereka memasuki masjid itu dengan memakai sarung kasut khas yang dibuat daripada kain kanvas untuk digunakan semasa memasuki tempat-tempat ibadat dan mengikut kata mereka tidak ada kekerasan yang telah berlaku.

- (b) Berkenaan dengan kepentingan orang ramai; Ini adalah bagi kepentingan orang ramai, tapi walau bagaimanapun pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan, perkara ini sudah lama berlaku, masa membahaskan perkara ini sudah cukup diberi semasa Perbahasan Titah Ucapan Diraja. Bahkan ada beberapa orang ahli yang berucap berkenaan dengan tunjuk perasaan itu semasa perbahasan Titah Ucapan dan juga ketika membahas Rang Undang-Undang Perbekalan Peringkat Dasar minggu lepas. Sama ada orang-orang yang ditangkap itu terlibat di dalam tunjuk perasaan atau tidak akan diputuskan oleh mahkamah. Kedudukan perkara ini adalah subjudicial dan tidak boleh dibahaskan di dalam dewan ini. Oleh yang demikian saya menolak usul itu.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA (PENGANTIAN DAN PEMBUBARAN) 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perletakhakkan harta, hak dan liability Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan pada suatu syarikat untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan lembaga untuk memansuhkan Akta Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Perbadanan) 1966 dan bagi perkara-perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam

Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN SEWA (PEMANSUHAN) 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Kawalan Sewa 1966 dan bagi mengadakan peruntukan peralihan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN

(1996 DAN 1997) 1997

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.4)1996

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.4)1996 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” [Hari Kedua].

Tuan Yang di-Pertua: Ahl-ahli Yang Berhormat, kita ada 15 lagi Kementerian yang hendak kita habiskan pada hari ini, dan mengikut Peraturan Mesyuarat perbahasan di dalam Jawatankuasa hendaklah dihabiskan tidak terlebih daripada dua hari. Oleh yang demikian, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat menjimatkan masa supaya kita dapat menghabiskan perbahasan kita, jangan terlampau sangat jauh malam ini.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.15 dan B.16 [Jadual]-

Tuan Pengerusi: Sila Timbalan Menteri menjawab.

3.47 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sebenarnya saya sudah hampir ke penghujung penggulungan saya. Ahli Yang Berhormat dari Kepong ingin penjelasan bagaimana menarik minat remaja, belia menyertai Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah telah diambil untuk menarik minat belia dan remaja menyertai Jabatan Bomba dan Penyelamat, seperti:

- (i) mendedahkan Jabatan di peringkat kanak-kanak melalui kelab 3K, iaitu Kelab Kebakaran Kanak-kanak agar menyedari kepentingan keselamatan, kebakaran dan kerjaya bomba di peringkat paling awal;
- (ii) di peringkat sekolah menengah ditubuhkan pasukan Kadet Bomba;

- (iii) penyebaran maklumat mengenai kerjaya bomba dalam media massa dari masa ke semasa.
- (iv) mengadakan pameran kerjaya bomba dalam setiap aktiviti yang dijalankan;
- (v) menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela, dan
- (vi) mengadakan 'homepage' Jabatan Bomba dan Penyelamat melalui Internet.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga hendak tahu bagaimana Jabatan Bomba dan penyelamat menangani keselamatan kebakaran di bangunan-bangunan tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bangunan-bangunan tinggi di negara ini adalah direka bentuk dengan mengambil kira keselamatan dan perlindungan kepakaran yang diperlukan mengikut perundangan yang ada, atau secara 'engineering approach' dengan izin, di peringkat awal perancangannya. Perbincangan diadakan antara pihak arkitek dan jurutera perunding bersama pihak bomba bagi menentukan ciri-ciri keselamatan dan kepakaran dan peralatan perlindungan kebakaran yang diperlukan dari segi 'passive' dan 'active'.

Bagi bangunan-bangunan tinggi, operasi pasukan bomba adalah secara dalaman atau 'internal fire fighting', dengan izin. Bangunan-bangunan tinggi adalah direka bentuk dengan tangga dan mempunyai ketahanan api selama dua jam dan bebas dari asap bagi membolehkan penghuni-penghuni keluar dengan selamat. Untuk membolehkan operasi pasukan bomba dilakukan secara dalaman, bangunan-bangunan tinggi direka bentuk mempunyai tangga, lift dan lobby yang mempunyai ketahanan api selama dua jam dan

bebas dari asap, bagi membolehkan anggota-anggota bomba melaksanakan kerja-kerja penyelamat dan memadam kebakaran dengan selamat.

Tuan Pengerusi, akhirnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga bertanya tentang plan standard rumah kos rendah yang dimajukan oleh sektor swasta. Tuan Pengerusi, sehubungan dengan perkara ini, sukacita saya menarik perhatian kepada Ahli Yang Berhormat bahawa garis panduan standard plan rumah kos rendah telah dinyatakan di dalam garis panduan perancangan rumah kos rendah yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana keluasan minimum telah ditetapkan adalah seluas 48 meter persegi. Garis panduan ini boleh digunakan oleh sektor awam dan sektor swasta. Penyediaan garis panduan tersebut dibuat berasaskan kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam.

Tuan Pengerusi, itu sahaja penjelasan-penjelasan yang saya hendak beri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas perbincangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana berminat dalam tugas-tugas yang berkaitan dalam kementerian saya. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM191,036 untuk Maksud B.15 dan RM10,549,400 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM191,036 untuk Maksud B.15 dan RM10,549,400 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.18 [Jadual]-

Tuan Pengerusi: Bekalan B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,613,580 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM11,613,580 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.19 [Jadual] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepada B.19 di bawah Kementerian Pertanian dibuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, memandangkan dasar kerajaan ialah untuk mengekalkan sebahagian tanah yang ada di negara ini untuk padi dan di sini ada permintaan daripada B.19 untuk bayaran subsidi harga padi tahun lepas.

Tuan Pengerusi, untuk subsidi padi, bolehkah Yang Berhormat terangkan untuk tahun 1996 jumlah subsidi yang telah pun diberi kepada para petani untuk harga padi dan

juga adakah perancangan untuk menggalakkan petani-petani dengan tanah yang kecil untuk mengadakan satu rancangan dimana mereka boleh membeli traktor, boleh membeli pelbagai kemudahan untuk mengeluarkan padi dengan lebih banyak dan kalau ada, bilakah rancangan seumpama ini akan dilaksanakan? Dan kalau tidak silap saya, Tuan Pengerusi, mungkin di Tanjong Karang ada satu rancangan dengan tanaman besar-besaran sehingga pengeluaran sudah bertambah 4 atau 7 kali ganda, ini bermakna satu perkara yang sangat baik. Saya pun berharap semua tanah bendang dan padi di seluruh negara dapat menambahkan pengeluaran 4 atau 7 kali ganda, ini bermakna mungkin negara kita tidak perlu mengimpot beras lagi kalau ini berlaku. Walau bagaimanapun, apakah rancangan pihak kementerian untuk skim besar-besaran dan juga untuk membolehkan petani-petani membeli atau dengan satu koperasi dapat memberi kemudahan-kemudahan yang telah saya sebutkan tadi. Tuan Pengerusi, yang akhir sekali, kita boleh jimatkan masa malam ini kerana itu tajuk-tajuk dan maksud-maksud kita nampak tidak banyak, kita boleh habis dengan awal. Saya hendak bantu Tuan Pengerusi juga.....

Tuan Pengerusi: Ya

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, akhir sekali, mengenai usaha untuk mengkomersialkan pertanian bagi mengurangkan import makanan bagi negara kerana setiap tahun kita import hampir RM6 hingga RM7 bilion import bahan-bahan makanan. Dan kalau kita boleh mengkomersialkan setengah-setengah sektor keluaran bahan-bahan

makanan, kita boleh mengurangkan pengimportan bahan-bahan makanan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Tanjong Karang.

3.58 ptg.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya daripada Tanjong Karang, Kepong pun sebut Tanjong Karang, saya rasa tidak adil kalau saya tidak bangun untuk meluahkan perasaan petani di Tanjong Karang.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.19 iaitu Butiran 080000 MARDI. Tuan Pengerusi, kita tahu MARDI ini memainkan peranan yang penting untuk memajukan bidang pertanian di negara kita. Di tempat saya terdapat juga MARDI dan MARDI di negeri Selangor telah pun menjalankan beberapa kajian di kawasan Tanjong Karang di mana tiga kawasan telah dipilih mengikut zon pengairan Projek Barat Laut Negeri Selangor. Tiga zon tersebut dinamakan Zon I iaitu Blok R, Sawah Sempadan, Zon II Blok 9, Parit 11 Pasir Panjang dan Zon III Simpang Tiga Loji - Sungai Haji Dorani.

Kawasan-kawasan yang dipilih ini semuanya mempunyai masalah, berbagai-bagai masalah yang dihadapi seperti sistem pengairan dan saliran yang kurang memuaskan, penyediaan tanah yang kurang memuaskan, kawalan rumpai kurang berkesan dan juga kita dapati ada juga tanah-tanah yang mengandungi racun. Daripada hasil kajian yang dibuat, di mana peringkat permulaan ini bilangan peserta tidak ramai - Zon I hanya 29 orang, Zon II hanya 24 orang dan Zon III hanya 25 orang. Hasil daripada kajian yang dibuat, amat memuaskan di mana daripada Zon I kita dapati terdapat 7 peserta mampu memperolehi hasil yang melebihi 8 tan per hektar buat pertama kalinya. Begitu juga di

Zon II, kita dapati bahawa terdapat seorang peserta mendapat hasil 8 ton per lot dan 17 orang peserta mendapat hasil melebihi 6 tan. Di Zon III juga kita dapati ada petani-petani yang mampu mencapai 7 tan per hektar seperti mana yang diharapkan atau dirancangan oleh Kementerian di bawah RMK-7 ini.

Persoalan yang saya ingin timbulkan ialah pihak MARDI ini kita lihat ada kajian yang dibuat tetapi bagaimana hendak dilaksanakan? Adakah hasil-hasil kajian atau findings yang didapati ini, siapa yang patut melaksanakan hasil-hasil ini? Seandainya kita memerlukan pembangunannya, ertinya patut dilaksanakan daripada hasil-hasil yang diperolehi tadi, maka pihak kementerian hendaklah mengambil berat mengenai peruntukan kepada MARDI. Maka, di Dewan yang mulia ini, saya ingin merayu kepada pihak kementerian supaya dapat memberikan tambahan kepada MARDI Negeri Selangor melalui Projek Barat Laut Selangor khas untuk padi kerana seperti yang saya nyatakan kawasan Parlimen saya ini 95% terletak di bawah Projek Barat Laut Selangor dan telah pun digazetkan sebagai kawasan sawah padi.

Jadi, seandainya bantuan-bantuan lebihan tidak dapat diberi kepada MARDI Negeri Selangor, maka kita khuatir bahawa jurang pendapatan petani-petani akan berbeza-beza kerana purata pada hari ini hanya 4.7 tan per hektar sahaja petani-petani di Tanjong Karang boleh mendapat hasil mereka. Jadi, Tuan Pengerusi, saya juga meminta supaya pihak MARDI Negeri Selangor membuat kajian apakah benar pendapatan yang diperolehi oleh petani-petani di Tanjong Karang ini di bawah 4.7 tan per hektar ini terletak di bawah garisan kemiskinan kerana rata-rata saya dapati rungutan dari petani-

petani di mana pendapatan mereka ini kalau dikaji secara detail, kalau diambil kira kos import, kos tenaga yang dibayar, tenaga sendiri mereka, kos-kos pengeluaran yang lain, maka kita dapati bahawa kalau seorang petani itu memperolehi 4.75 tan per hektar, pendapatan bulanan mereka hanyalah RM221.34. Jadi, ini sudah tentu pendapatan ini terletak di bawah garis kemiskinan. Maka, sekali lagi kita berharap supaya MARDI dapat membuat kajian terperinci sama ada petani-petani Tanjong Karang ini benar-benar boleh dianggap sebagai petani yang telah maju atau masih lagi terletak di bawah garis kemiskinan.

[Timbalan Pengerusi *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, kita tidak nafikan, bila sebut sahaja Tanjong Karang sudah tentu pihak Kementerian Pertanian akan mengambil model Sekinchan yang merupakan kawasan yang berjaya mengeluarkan padi sebanyak 7 tan per hektar. Tetapi, saya ingin menjelaskan di Sekinchan ini bukan sahaja kerana pesawah-pesawahnya rajin tetapi kalau kita pergi Sekinchan, kita dapati bahawa sistem kemudahan pengairannya, sistem jalannya, sistem jambatannya begitu baik, tidak ada lagi jambatan-jambatan kayu yang boleh kita lihat di kawasan Sekinchan. Oleh kerana kemudahan asasnya begini baik, malah mereka juga kadang-kadang membuat sistem pengairan sendiri, mereka tidak mengikut arahan daripada Jabatan Parit dan Saliran, di mana mereka mempunyai kemudahan sendiri. Sebab itu kadang-kadang oleh kerana Sekinchan ini mempunyai sistem pengairan sendiri, maka kita dapati kawasan-kawasan yang berhampiran seperti Sungai Burung dan juga Sungai Panjang, maka kita dapati selalu menghadapi masalah

kekurangan air. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa kalau sawah padi ini diberi kemudahan-kemudahan asas yang baik seperti di Sekinchan, maka terbukti bahawa ada orang-orang di Tanjong Karang terutamanya petani-petani Melayu ini mampu mempunyai 10 tan per hektar dan juga saya amat yakin kalau kemudahan ini terus diberi, maka target ataupun matlamat kerajaan untuk melihat petani mengeluarkan 7 tan per hektar ini akan kita laksanakan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya juga meminta pihak kementerian mengkaji dengan teliti sama ada wajar ataupun tidak diteruskan dengan rancangan untuk menanam padi lima kali dua tahun kerana kalau dikaji secara teliti, seandainya rancangan lima kali dua tahun ini diteruskan sedangkan petani-petani di Tanjong Karang belum bersedia, kemudahan-kemudahan asas belum diberi dengan begitu baik, maka kita kluatir jurang pendapatan di antara petani Sekinchan dengan petani-petani di sekitarnya akan jauh lagi perbezaannya. Oleh itu, kajian untuk lima kali dua tahun ini perlu dibuat kajian dengan teliti.

Begitu juga saya ingin menyentuh mengenai bantuan subsidi padi. Kita tidak nafikan bahawa pada hari ini kerajaan memberi bantuan satu lot ataupun tiga ekar diberi dengan bantuan baja 8 beg iaitu baja campuran hanya 20 kilogram. Begitu juga petani diberi bantuan 6 beg baja urea yang seberat 20 kilogram. Tetapi, kita jangan lupa bahawa bantuan yang kerajaan beri ini tidak mencukupi. Rata-rata petani kena menambah baja lain seperti baja sebatian yang mereka kena tambah sekurang-kurangnya 10 beg untuk satu lot yang mana harganya lebih kurang RM500. Begitu juga racun. Racun ini, Tuan

Pengerusi, tidak ada subsidi daripada kerajaan sedangkan harga racun pada hari ini telah meningkat begitu cepat sekali. Maka, saya ingin mencadangkan supaya harga-harga racun ini patut diletakkan sebagai harga kawalan supaya ia tidak boleh menyebabkan petani-petani kita menderita.

Racun ini dalam tempoh dua, tiga musim sahaja, ia boleh naik sampai RM20. Jadi, kalau racun serangga ataupun racun untuk pertanian ini tidak diletakkan di bawah harga kawalan, maka saya khawatir lama kelamaan harga racun ini makin lama semakin tinggi. Jadi, Tuan Pengerusi, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat pihak kementerian, mengapa kupon petani-petani yang menjual padi-padi mereka kepada pembeli-pembeli swasta mereka ini selalu merungut kerana terlalu lambat mendapat kupon-kupon subsidi daripada pihak-pihak BERNAS.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Noh bin Omar: Ya, ini last.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masa sudah suntuk.

Tuan Noh bin Omar: Ini last. Ia, hanya untuk Lembaga Kemajuan Ikan di mana pada hari ini kita dapati nelayan-nelayan kita telah membuat kerja-kerja sambilan untuk menambah pendapatan mereka di mana mereka ini menggunakan bot-bot mereka ini untuk tujuan rekreasi di mana kalau ada pelancong-pelancong atau orang ramai yang hendak menggunakan bot mereka memancing ikan, maka mereka akan bawa dan ini memberikan hasil pendapatan yang baik kepada nelayan-nelayan ini. Tetapi, malangnya

oleh kerana ada undang-undang laut, maka kegiatan mereka ini terhalang kerana mengikut undang-undang laut, mereka yang ingin membuat aktiviti-aktiviti seperti ini mestilah mempunyai Sijil Jurumudi. Sijil Jurumudi ini bukan mudah hendak dapat, ia kena kursus tiga bulan sedangkan nelayan-nelayan ini daripada kecil sudah tahu bagaimana keadaan laut dan juga dari segi keselamatan. Dahulu, melalui perikanan mereka ini ada diberi kursus pelayaran. Sesiapa yang mengikuti kursus pelayaran ini layak untuk mengambil kursus Sijil Jurumudi tetapi hari ini kursus pelayaran itu tidak lagi diiktiraf ataupun tidak membolehkan seseorang itu mengambil Sijil Jurumudi.

Oleh itu, saya merayu bagi pihak nelayan di kawasan saya supaya pihak kementerian memberi kelonggaran berdasarkan kepada pengalaman sebagai nelayan dan supaya mereka ini tidak sangat diganggu oleh jabatan-jabatan laut kerana kalau saya - saya setuju kalau bot-bot ini mesti dipastikan keselamatannya tetapi untuk mendapat lesen sebagai nelayan, Jabatan Perikanan selalunya sudah memastikan bot ini dalam keadaan yang selamat. Jadi, hanya yang kita harap supaya kegiatan nelayan untuk menambahkan pendapatan ini tidaklah diganggu atau dikenakan untuk memperolehi Sijil Jurumudi. Sekian, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

4.09 ptg.

Menteri Pertanian [Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]:

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat daripada Kepong dan Tanjong Karang yang telah

membangkitkan banyak perkara berkenaan dengan Kementerian Pertanian. Saya hanya hendak menjawab dengan ringkas untuk menjimatkan masa dan insya-Allah, saya akan mengambil perhatian apabila mendapat *Hansard* nanti tentang teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat daripada Kepong dan juga Tanjong Karang telah membangkitkan soal subsidi harga padi. Sebenarnya, sepertimana yang kita sedia maklum, pihak kerajaan telah banyak membelanjakan wang ringgit untuk subsidi ini, satu dari segi subsidi baja dan kedua daripada price subsidy. Bagi menolong para petani kita untuk mendapat satu income yang boleh kata memuaskan, atau dengan izin, satisfactory, sungguhpun, ada orang mengatakan tidak. Sebenarnya peruntukan yang kita belanjakan pada tiap-tiap tahun lebih RM400 juta, kurang lebih kalau tidak silap saya RM400 lebih untuk bantuan kepada harga padi yang mana kita beri kalau tidak salah ingatan saya RM24.80 tiap-tiap 100 kilogram dan juga lebihannya kepada subsidi baja.

Sebagai contoh, dalam tahun 1996, pembayaran subsidi kita lebih RM430 juta dan ini merupakan satu peruntukan yang banyak. Tujuan kita mengadakan subsidi itu bukan untuk memberi bantuan sepenuhnya kepada para petani ini kerana kita mahu petani ini seharusnya berdikari kerana kadangkala apabila kita memberi bantuan, kita tidak akan menolong mereka, bahkan menyebabkan mereka bergantung sangat kepada kerajaan sehingga kita, kata orang, boleh melahirkan satu 'subsidy society'. Jadi, ini yang kita tidak mahu buat. Jadi, mengenai rancangan skim membantu petani membeli traktor, kalau tidak salah ingatan saya, yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, memang

wujudnya satu rancangan untuk membantu mereka ini oleh kerana kita rasa adalah perlu padi-padi ini ditanam dengan menggunakan mechanisation, dengan izin, kerana dengan cara begitu sahajalah boleh kita dapat hasil yang lebih dengan masa bekerja itu berkurangan.

Saya nampak, Tuan Pengerusi, satu daripada sebab mengapa penanam-penanam padi di negeri ini mendapat hasil yang sedikit sahaja oleh kerana kawasan yang dipunyai oleh mereka adalah begitu kecil sekali. Sebab itulah, terpaksa pihak kerajaan memberikan sedikit subsidi kerana kalau rancangan padi ini dibuat dengan cara besar-besaran, maka insya-Allah pendapatan mereka adalah memuaskan. Sebagai satu contoh, kalau kita lihat Rancangan Padi Felcra di Perak, umpamanya, saya difahamkan daripada padi sahaja mereka mendapat hasil lebih kurang RM600 sebulan ataupun kadar RM600 hingga RM700 daripada padi sahaja. Tetapi, kalau mereka bekerja juga, maka pendapatan mereka adalah bertambah. Jadi, kalau mereka hanya mempunyai satu bidang tanah yang kecil tentu sekalilah pendapatan mereka berkurangan. Sebab itulah cadangan kita supaya rancangan padi ini dibuat dengan cara besar-besaran dengan menggunakan mechanisation, dan lain-lain. Begitu jugalah daripada aspek menuaikan padi.

Jadi, mengenai cara mengkomersialkan pertanian ini memang menjadi tujuan kita khususnya dalam usaha kita hendak menambahkan pengeluaran makanan di negara kita, bahkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan juga dalam penggubalan dasar baru Dasar Pertanian Negara kita yang sedang kita usahakan sekarang, satu daripada tujuan kita ialah hendak mengkomersialkan pertanian kita kerana dengan cara begitu sahajalah

dapat kita meningkatkan pendapatan dan produktiviti di samping boleh kita berlawan dengan sesiapa juga. Kalau kita mengikut cara tradisional, maka kita akan ketinggalan.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah membangkitkan tentang kajian MARDI, siapakah yang melaksanakan hasil kajian MARDI. MARDI ini banyak membuat kajian, umpamanya dalam tahun 1995 atau 1996 kalau tidak salah ingatan saya, MARDI telah diberi lebih 300 projek oleh pihak kerajaan. Daripada MARDI sendiri telah dapat menjalankan lebih 280 buah projek. Hasil daripada penemuan ini adalah dibahagi-bahagikan kepada agensi-agensi, kepada pihak private sector dan kepada petani-petani untuk melaksanakannya. Banyak kajian yang dibuat oleh MARDI, umpamanya dalam pemprosesan makanan, banyak pihak private sector yang mendapat manfaat daripada hasil ini. Kalau kita lihat, saya difahamkan, banyak sos umpamanya Brahim Kari dan lain-lain lagi, makanan itu hasil daripada penemuan yang dibuat oleh MARDI. Begitu jugalah dalam bidang-bidang lain penghasilan padi yang boleh mengeluarkan hasil yang baik dan lain-lain lagi. Jadi, pelaksanaan dibuat oleh mereka yang memerlukan hasil ini.

Tentang pendapatan petani sama ada ianya RM221.34 kalau tidak salah ingatan saya disebutkan tadi, sama ada ini merupakan satu pendapatan di bawah garis kemiskinan atau sebaliknya, saya rasa ini perlulah kita buat kajian, tetapi saya yakin bahawa ini merupakan satu pendapatan daripada padi sahaja dan kemungkinannya mereka juga mendapat pendapatan daripada kerja-kerja yang lain.

Tentang cadangan untuk mengkaji tanaman 5 kali dalam masa 2 tahun, insya-Allah, ini akan kita kajikan sama ada ianya dapat mencapai matlamat yang kita hasratkan, kerana kadangkala kalau kita rasa kita tanam banyak kali dalam setahun, kita fikir tentulah hasilnya berlebihan, tetapi tidak semestinya kerana kita harus ambil kira tentang kesan-kesan lain, umpamanya bekalan air yang cukup dan lain-lain lagi. Jadi, perlulah perkara ini dikaji dengan secara mendalam supaya matlamat kita mengadakan satu rancangan lebih daripada apa yang ada sekarang, umpamanya sekarang dua kali dalam setahun, akan dapat mencapai hasil yang dikehendaki.

Tadi telah dibangkitkan juga mengenai bantuan subsidi dan saya telah pun menjawab masalah ini. Inginlah saya menekankan, bukanlah tujuan kita hendak memberi full assistant ataupun bantuan yang sepenuhnya kepada petani-petani ini. Kita hanya menolong mereka dengan amaun yang kita rasa berpatutan. Bantuan yang kita beri selain daripada baja, kita juga memberi nasihat, drainage and irrigation yang diberikan oleh kerajaan yang menelan belanja begitu banyak sekali.

Tentang mengapa pihak BERNAS ini lambat memberi kupon subsidi ini kepada petani, insya-Allah, saya akan siasat perkara ini. Tetapi baru-baru ini pihak BERNAS sepertimana kita sedia maklum, BERNAS telah diberi kuasa untuk membayar subsidi-subsidi ini kepada pihak petani bagi pihak kerajaan. Kalau dahulu tugas ini telah dijalankan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara, tetapi dengan diswastakan perkara ini kepada BERNAS, maka ianya juga mengambil alih tugas ini. Maka mengapa mereka

lambat membayar itu, saya kurang pasti. Tetapi, insya-Allah, saya akan menyasatnyanya dan meminta supaya perkara ini jangan dilambat-lambatkan.

Jadi, sekianlah, Tuan Pengerusi. Saya akan mengambil perhatian atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang membina yang telah dikemukakan tadi. Insya-Allah, kalau difikir bahawa cadangan-cadangan ini patut kita laksanakan, kita akan berbuat demikian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM37,183,760 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM37,183,760 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.22, B.23 dan B.24 [Jadual] -
Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1996] -**

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.22, B.23 dan B.24 dan Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Kepong.

4.20 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya tertarik kepada RM10.5 juta yang dikehendaki untuk membiayai penajaan pasukan lumba kereta Formula Satu.

Setakat ini, Tuan Pengerusi, kita nampak ada grandprix untuk motosikal yang sedang dilakukan sekarang di Shah Alam dan semasa itu, beberapa tahun yang lepas, saya

ada pernah menyoal pihak kerajaan negeri mengenai apakah faedah akan kita perolehi dengan penajaan grandprix motosikal. Sekarang saya pun hendak bangkitkan soal yang sama juga mengenai pasukan lumba kereta Formula Satu.

Tuan Pengerusi, kalau penceburan diri Malaysia di dalam Formula Satu ini dapat menambahkan bilangan pelancong di negara ini, dapat mengharumkan nama Malaysia dan dapat mewujudkan jurutera-jurutera yang pakar dalam teknologi kereta, maka saya tidak menafikan penceburan diri ini adalah berfaedah dan bermanfaat kepada Malaysia. Walau bagaimanapun, bagi penajaan pasukan lumba kereta Formula Satu dengan satu syarikat di United Kingdom, iaitu Syarikat Steward Ford, saya ada pernah menyaksikan Jackie Steward yang sangat termasyhur di United Kingdom pada tahun-tahun 60-an. Walaupun Yang Berhormat dari Padang Terap tidak begitu berminat kepada Formula Satu, ini memang perbelanjaan yang sangat tinggi, misalnya kos untuk pasukan Steward Ford ini ialah mungkin lebih daripada RM80 juta, mungkin RM85 juta untuk pasukan ini sahaja dan nampaknya kita sudah keluarkan RM10.5 juta. Apakah jumlah akan digunakan untuk penajaan ini?

Sekarang saya nampak perjanjian Memorandum of Understanding (MoU) sudah ditandatangani dan setiap kali ada perlumbaan akan bermula di Australia, jika tidak silap saya, hampir 360 juta orang yang akan menyaksikan nama Malaysia di belakang. Saya nampak di belakang ataupun di depan nama Malaysia dan bendera Malaysia ada di situ. Maksud pihak kerajaan ialah dengan adanya bendera dan nama Malaysia di situ, maka setiap kali ada perlumbaan, ada hampir 360 juta orang daripada mungkin 201 negara

dapat menyaksikan nama Malaysia. Kalau itu dapat dijayakan, saya tidak bantah. Cuma daripada segi kos, adakah ini padan daripada kos-kos efektif? Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin ada buat satu kajian kepada penceburan diri Malaysia di dalam Formula Satu ini.

Tuan Pengerusi, saya diberitahu bahawa di seluruh dunia 201 negara mempunyai penonton grandprix 6 bilion orang. 6 bilion bukan kecil bilangannya.

Tuan Pengerusi jangan bimbang kerana banyak Maksud itu tidak dapat dibahaskan kerana itu hanya gaji dan imbuhan sahaja, tidak banyak, dan kita boleh habis dengan awal pada hari ini, jangan bimbang.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa itu bukan kerja Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya beri galakan kepada Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, ini Timbalan Menteri bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana pula hendak bangun, Formula Satu?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya hendak tanya, Yang Berhormat tadi mengatakan audiencenya adalah 360 juta orang, tetapi baru-baru ini Yang Berhormat kata pula 6 bilion orang. Yang mana satu?

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu sekejap, tunggu sekejap. Ini satu kali.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jadi, 6 bilion orang ini keseluruhan penduduk, 201 negara, 6 bilion orang. Takkan 6 bilion orang itu lihat semua? Jadi, tadi kata 360 juta orang. Jadi, saya hendak buktikan.....

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, itu memang satu soalan.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:dalam ucapannya di Parlimen, dia banyak berkeliru dan merapu, Tuan Pengerusi. [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Patutlah di Kementerian Kewangan bercelaru tiap-tiap kali, kerana dia salah faham. Walaupun ada peminat di 201 negara, 6 bilion orang, tetapi tiap-tiap kali ada perlumbaan, takkan 6 bilion orang yang menonton? Yang menontonnya mungkin 360 juta orang dianggarkan. Itu sahaja. Tetapi mungkin di Padang Terap tidak ramailah.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, itu yang saya kata tadi ini, 6 bilion itu tidak significant, dengan izin. Jadi, yang significant ini ialah 360 juta. Jadi, Yang Berhormat sebut 6 bilion buat apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya diberitahu ada peminat-peminat bilangannya 6.1 bilion orang dan takkan 6.1 bilion orang akan menyaksikan tiap-tiap kali?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, 6.1 bilion itu ialah jumlah penduduk 201 negara. Takkan semua penduduk peminat racing motokar? Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat di mana logiknya? Adakah 6,000 juta manusia di dunia ini semuanya peminat lumba motokar Formula Satu, macam Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sepatutnya Yang Berhormat dari Padang Terap balik ke kawasan untuk menyaksikan Tomoi. Kawasan Padang Terap memang popular Tomoi - Tomoilah yang popular, takkan Formula Satu. Sebab itulah dia kurang mengerti mengenai Formula Satu.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, sebab itu saya kata tadi, dia kata peminat-peminat di 201 negara iaitu 6.1 bilion peminat Formula Satu. Jadi, apa yang dia sebutkan tadi adalah salah. Yang saya hendak tunjuk kepada dia ialah kesilapan dia. Bukan kesemua rakyat ataupun manusia di dunia ini meminati perlumbaan Formula Satu, yang meminati Tomoi pun banyak di Padang Terap. Di Kepong pun ada yang meminati Tomoi. Jadi, inilah yang saya hendak tunjuk bahawa hujah-hujah beliau banyak yang contradictory, dia tak konsisten dengan logik.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak mahu mempertikaikan, saya hendak tolong dia juga. Dengan lain perkataan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, from television coverage of Formula One Racing which attract an annual television audience of 6.1 billion viewers from 201 countries. Itulah annual, setiap tahun ada 6.1 bilion - dia bertanya rakan dia di belakang sekarang. *[Ketawa]* Mana boleh, tak adil. Sepatutnya sudah dapat taklimat daripada kementerian. Macam mana, itu tidak ikut peraturan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, dia tidak sebut 'per annum' tadi, sebab itu saya pertikaikan. Kalau dia kata 'per annum', saya tidak

pertikaikan. Sebab dia lupa perkataan 'per annum'. Kalau dia lawyer macam Yang Berhormat dari Jelutong, dia sudah lama kalah dalam mahkamah. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tadi saya kata 'an annual viewers'. Kita mesti tukarkan bahasa, baru dia faham.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tadi Yang Berhormat tidak sebut tu.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya dengar Yang Berhormat tidak sebut. Yang Berhormat, apa petikan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Walau bagaimanapun,....saya faham, tak payah bimbang, banyaklah yang kita akan mengambil bahagian seperti yang termaktub di dalamnya.

Tuan Pengerusi, cuma di sini selain daripada penajaan pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di dalam Pasukan Steward Ford, Lumba Kereta Formula Satu, ada satu pasukan lagi iaitu Petronas Red Bull Sodder Team. Pasukan Red Bull Sodder yang ditaja oleh pihak Petronas. Kita ada dua pasukan daripada Petronas, dan sekarang Steward Ford Steward oleh pihak kerajaan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan secara ringkas mengenai cost effectiveness untuk mencapai matlamat mempopularkan nama Malaysia. Saya setuju juga kerana bila saya pergi ke luar negara, bila kita sebutkan Malaysia, mereka bertanya dekat dengan Singapurakah? Mungkin saya setuju...

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya faham.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, memang masa untuk Yang Berhormat sudah suntuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu minit lagi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak ada lagi, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu minit pun tidak ada?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak ada lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini Formula Satu pun susahlah sekarang. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian diminta jawab.

4.33 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Pengerusi, bagi pihak kementerian saya ingin mengucapkan terima kasih atas usaha Yang Berhormat dari Kepong untuk menyentuh, mengambil bahagian dalam perbekalan tambahan ini. Beliau menyentuh dalam Formula Satu sahaja. Kebanyakan angka-angka itu kementerian akui benarlah. Setengah daripada kos penajaan adalah RM10.5 milion dan kes kesemuanya angka ini dikalikan dua.

Dianggarkan seramai lebih 6 bilion pasang mata akan melihat lambang 'Malaysia' yang terdapat di kereta itu di bahagian atas dan di bahagian bawah kereta Steward Ford ini yang akan mengambil bahagian dalam semua Perlumbaan Formula One di lima buah benua, lebih 30 tempat setahun. Daripada itu, kita yakin bahawa sejumlah daripada

penonton-penonton yang nampak kereta itu berlumba berminat untuk hendak tahu lebih lanjut dengan Malaysia.

Saya berasa bangga kerana ramai juga penduduk dunia sudah kenal dengan Malaysia tetapi kita cuba memperkenalkan Malaysia kepada lebih ramai orang lagi. Jadi, untuk makluman Tuan Pengerusi juga, di Argentina baru-baru ini kereta yang kita taja itu dapat nombor dua. Itu adalah perlumbaan yang ketiga. Di Australia kita tidak menang, tetapi di Argentina kita menang nombor dua. Kalau kereta ini dapat tempat yang baik dalam perlumbaan-perlumbaan di lain-lain tempat lagi, ini akan lebih dapat menarik minat dunia kepada Malaysia. Lambang yang kita pameran itu ialah 'Visit Malaysia' dengan bunga raya di situ ada di bahagian depan bawah kereta itu dan juga belakang pemandu.

Ini adalah usaha-usaha kementerian bagi sentiasa mempromosikan Malaysia kepada dunia. Kita mempunyai banyak negeri sebagai saingan untuk menarik sejumlah pelancongan-pelancong yang datang ke Timur Jauh ini. Jadi, usaha untuk menonjol ke hadapan itu dilakukan oleh kementerian dengan berbagai-bagai cara, dan salah satunya ialah dengan menaja kereta yang membawa nama Jackie Steward dan Ford. Dua nama yang telah termasyhur dan sudah dapat memberi pengetahuan yang mendalam kepada semua yang melihatnya.

Saya rasa ia adalah satu investment yang baik, kerana pendapatan daripada pelancongan pada tahun 1995 - RM9.9 bilion; pada tahun 1996 angka terbaru ialah RM11.2 bilion - meningkat lagi. Dengan usaha-usaha promosi yang berbagai-bagai,

bukan satu sahaja, mengambil bahagian dalam pertunjukan, pertandingan, exhibition, advertisement di pasaran merata dunia, saya ingin meyakinkan Yang Berhormat dari Kepong bahawa perbelanjaan ini adalah satu perbelanjaan yang berpatutan dan telah difikirkan memang baik untuk industri pelancongan negara kita.

Sekian sahajalah yang dapat saya sentuh. Soal berapa banyak bertambahnya hasil pelancongan negara dengan penajaan kereta formula itu - susah dianggarkan dengan tepat, tetapi kita yakin industri pelancongan negara akan terus meningkat dan membawa pendapatan yang banyak daripada luar negeri. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,500,000 untuk Maksud B.22; RM576,076 untuk Maksud B.23 dan RM250,000 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,500,000 untuk Maksud B.22; RM576,076 untuk Maksud B.23 dan RM250,000 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,900,000 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1996 hendaklah disetujui.

Masalahnya dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,900,000 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1996.

Maksud B.25 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas sekarang. Kubang Kerian.

4.40 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, sebelum saya memulakan, saya cadangkan eloklah persidangan Parlimen kalau sampai waktu Maghrib, kalau boleh ditangguh sekejap 15 minit kerana ada menteri dan timbalan menteri yang beragama Islam terpaksa tunggu dan pegawai-pegawai kerajaan terpaksa tunggu. Mereka yang musafir tidak mengapalah mereka boleh sembahyang Jamak dan buat Jamak Ta'akhir. Oleh itu, saya cadangkan kalau sampai waktu Maghrib, untuk faedah pegawai-pegawai kerajaan dan menteri dan timbalan menteri yang beragama Islam tangguh sekejap 15 minit, kemudian kita sambung semula selepas itu, barulah berlaku penyelesaian kepada pegawai-pegawai kerajaan dan menteri yang beragama Islam.

Tuan Pengerusi, perbelanjaan ini di antaranya termasuklah perbelanjaan tentera kita di Bosnia. Saya ingin bertanya apakah sebab-sebab yang menyebabkan keamanan di Bosnia masih tidak dapat dipulihkan lagi sampai sekarang, walaupun mereka telah mengadakan pilihan raya. Peranan Malaysia untuk membangunkan semula Bosnia itu melalui tentera kita setakat mana, dan bidang-bidang mana yang mereka cebur, yang tolong Bosnia sekarang ini? Kita juga difahamkan tentera Malaysia juga bertanggungjawab melatih tentera-tentera Bosnia. Manakah lebih baik di sudut jimat belanja, sama ada kita bawa tentera-tentera Bosnia ke Malaysia untuk dilatih di sini

daripada ia dilatih di sana dengan pegawai kita yang dihantar ke sana. Kalau tentera kita melatih tentera-tentera Bosnia, kami mengalu-alukan usaha-usaha tersebut.

Kemudian, tentera kita pergi bertugas di Bosnia lama, kadang-kadang tiga bulan, enam bulan. Apa salahnya mulai sekarang mereka dibenarkan membawa keluarga ke sana dan elaun mereka dibayar mengikut taraf kehidupan di Bosnia dan mereka juga setelah membawa keluarga di sana kita harap juga Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pertahanan, boleh membuka sekolah-sekolah untuk pendidikan anak-anak tentera kita. Kalau Malaysia hendak berpandangan jauh dan juga untuk menjadi satu kuasa yang disegani pada masa yang akan datang, saya cadangkan inilah langkah pertama untuk Malaysia membuka basenya. Kalau kita lihat Amerika ada pangkalan di merata dunia, apa salahnya Malaysia memulakan langkah membuka pangkalan tenteranya di negara Bosnia, kerana kita tahu bahawa kita tidak mahu kepada peperangan. Ini dasar Islam, bukan mahu peperangan. Tetapi peperangan selalunya dipaksakan, dan ia tetap berlaku. Kita harap bila berlaku sesuatu terutamanya di lembah Balkan yang sentiasa bergolak itu, tentera Malaysia sedia untuk membantu walaupun tidak menyertai peperangan, tetapi membantu dalam segi perkara-perkara yang lain.

Oleh itu, Malaysia hendaklah berani membuka langkah, kalau boleh menjadi pangkalannya di situ dan tentera kita membawa keluarga dan duduk di sana mengikut giliran-giliran yang lain, membuka sekolah dan sebagainya. Oleh itu, Malaysia seakan melangkah lebih jauh untuk membantu saudara-saudara Islam mereka terutama sekali pada masa akan datang dan membantu semua manusia yang dianggap tertindas di atas

muka bumi ini. Kebajikan tentera kita di Bosnia mesti diambil perhatian sungguh-sungguh, sebab ada rungutan daripada mereka, iaitu bila mereka bertugas di luar negeri memang bila balik mereka dapatlah sedikit imbuhan dan sebagainya, tetapi kadangkalanya mereka yang tidak dihantar ke luar negeri mempunyai peluang kenaikan pangkat yang cepat, sedangkan mereka yang ke luar negeri ini, menjalankan tugas yang diamanahkan oleh negara kadangkala ketinggalan di sudut kenaikan pangkat.

Sekali lagi, saya harap bahawa kebajikan mereka yang ramai berada di sana, faktor keluarga mereka perlu diambil berat dan boleh bawa keluarga dan buka sekolah di sana dengan pendidikan Malaysia dan environment di luar. Oleh itu, kita akan mengorak langkah pada masa yang akan datang supaya Malaysia ini menjadi satu kuasa yang hebat pada masa yang akan datang. Sekian.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian diminta jawab.

4.44 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab bagi pihak Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas minat yang telah ditunjuk oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian dalam soal penglibatan tentera Malaysia dan kebajikannya di Bosnia. Pertamanya Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan tugas term of reference kita di Bosnia, sebenarnya ialah untuk menjaga keamanan (peace keeping). Jadi, sebab itu kita tidak boleh membuat perkara-perkara yang luar daripada yang

dianggap sebagai 'peace keeping'. Jadi, oleh kerana ini merupakan satu perkara yang melibatkan hubungan antarabangsa dan kita berada di sana di atas permintaan Bangsa-Bangsa Bersatu, maka oleh kerana itu, kita terpaksa menghadkan aktiviti kita kepada term of reference yang telah diberikan kepada kita iaitu bahawa tentera kita ialah 'peace keeping force'.

Dan Yang Berhormat bertanya mengapa lama tidak selesai perkara ini? Kalau Yang Berhormat tahu iaitu satu tempat yang sangat hot bed for violence, dengan izin, ialah di Balkan. Jadi, perasaan benci mereka ini bukan mula wujud dalam masa tiga atau empat tahun yang lepas, tetapi sebenarnya ratusan tahun. Orang-orang Slav ini, mereka datang daripada satu stock yang sama, tetapi kebencian itu wujud daripada hasil perbezaan agama iaitu bukan sahaja di antara Islam dengan Kristian, tetapi di dalam Kristian itu sendiri, Roman Katholik, orang Croat dengan orang Serb yang Orthodox tidak juga boleh bertentang mata.

Jadi sebab itu, ini bukan satu perkara yang mudah yang boleh diselesaikan kerana kebencian itu telah wujud ratusan tahun. Maka oleh kerana itu, untuk Ahli Yang Berhormat menyatakan sama ada bilakah kita boleh selesai masalah ini, saya rasa itu satu soalan yang sukar untuk kita menjawab kerana kita hanya boleh mengharap bahawa satu sikap yang bertamadun akan wujud di kalangan mereka ini supaya akhirnya mereka akan sedar bahawa mereka tidak ada pilihan melainkan untuk duduk bersama di dalam negara Bosnia-Herzegovina, walaupun mereka datang daripada agama yang berbeza.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan iaitu apakah tidak boleh kita membenarkan mereka membawa keluarga. Sebenarnya, kosnya terlalu

tinggi, penglibatan kita daripada tahun 1993 hingga 1996 sudah pun menjangkau jumlah lebih daripada RM600 juta. Itu tidak membawa keluarga. Jadi, kalau kita cuba bayangkan, kalau kita membawa keluarga, bermakna jumlah kos itu akan bertambah. Apatah lagi ianya akan di kesampingkan dengan pelbagai masalah yang lain iaitu masalah penempatan mereka di sana, masalah persekolahan anak-anak mereka dan mereka berada di sana dalam jangka yang paling lama ialah selama enam bulan.

Jadi, untuk mereka dipindah randah dalam masa enam bulan pergi dan balik, saya ingat itu tidak akan menstabilkan keluarga dan banyak lagi lain-lain masalah yang wujud, yang tidak mungkin membolehkan mereka membawa keluarga mereka ke sana. Saya ingat ia tidak menguntungkan kita, selain daripada segi kos yang tinggi dan lain-lain, ia tidak mendatangkan keuntungan pada masa jangka panjangnya.

Ahli Yang Berhormat juga ada mencadangkan bagaimana untuk jangka masa panjang Malaysia menjadi sebuah negara, macam negara yang besar yang lain untuk mewujudkan pangkalan kita di sana.

Tuan Pengerusi, sebenarnya masalah untuk membuka pangkalan ini, pertamanya, haruslah mendapat kebenaran daripada negara tempatan iaitu negara tuan rumah. Dan untuk mendapat persetujuan negara tuan rumah, bukanlah senang, mereka terpaksa mengambil keputusan kerana dia ada tiga puak, puak Islam, puak Serb dan puak Croat.

Oleh kerana Malaysia ini dilihat sebagai sebuah negara majoriti Islam, maka sudah tentulah pihak daripada Croat dan Serb akan mempunyai rasa curiga kalau sekiranya Malaysia diberikan kesempatan untuk membuka pangkalan di sana kerana sudah tentu

sebagai contoh, mereka curiga dengan Iran, dengan Turki termasuklah kalau Malaysia dijemput untuk membuka pangkalan di sana, sudah tentu akan menghadapi masalah, tidak akan dipersetujui oleh kedua pihak yang mewakili Serb dan juga Croat ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, pangkalan ini sudah menjadi satu perkara yang saya ingat 'outdated', mana-mana negara tidak akan mengizinkan pangkalan itu diwujudkan di dalam negara mereka kerana ia dilihat sebagai tidak bebas dan tidak merdeka. Macam mana sebuah negara mengatakan dia merdeka, kalau ada di dalam negaranya, pangkalan yang diduduki oleh tentera asing? Itu satu perkara yang agak sensitif kepada mana-mana negara dan mereka tidak akan bersetuju.

Kita lihat pada hari ini pun, walaupun setengah-setengah pangkalan itu telah dipersetujui puluhan tahun yang lepas, tetapi sewaktu bila dia hendak diperbaharui leasenyanya, banyak negara yang telah menolak penempatan tentera asing untuk menduduki pangkalan di negara mereka. Sebagai contoh, Philipine, walaupun baik dengan Amerika, waktu dia hendak renew, dia tidak mahu lagi tentera Amerika. Sekarang ini kita dengar di Okinawa, orang-orang Okinawa di Jepun tidak mahu adanya pangkalan asing di negara mereka.

Jadi, 'trend' tidak mengizinkan tentera asing berada di dalam kawasan negara yang merdeka itu merupakan satu 'trend' yang dirasai pada hari ini dan saya rasa Bosnia-Herzegovina pun tidak mungkin mahu melihatkan kemerdekaannya itu sebagai tidak mutlak dengan diwujudkan satu pangkalan yang diduduki oleh tentera asing. Sebab itu,

saya rasa cadangan ini agak sukar dilaksanakan kerana ia banyak bergantung kepada negara tuan rumah itu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan elaun anggota Angkatan Tentera Malaysia di Bosnia diselaraskan dengan taraf hidup di Bosnia. Elaun yang diberi adalah sebanyak US\$988 sebulan, elaun yang kita beri kepada tentera kita. Saya rasa jumlah itu amat memadai dan bersesuaian dengan taraf kehidupan di Bosnia, apatah lagi tentera kita tidak perlu mencari makanan di luar, makanan telah disediakan dan begitu juga dari segi perumahan atau tempat tinggal juga telah diambil kira, bermakna US\$988 elaun ini adalah amat memuaskan dan sesuai dan ia tidak merugikan tentera kita di sana.

Tuan Pengerusi, itu sahaja, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM291,795,961 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM291,795,961 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.26 dan B.27 [Jadual]

Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1996] -

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.26 dan B.27 dan Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong Karang.

4.54 ptg.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu di bawah tajuk Hospital Universiti.

Tuan Pengerusi, kita percaya University Hospital ini selain daripada tempat untuk melatih pelajar-pelajar perubatan Universiti Malaya, saya amat yakin ianya juga berperanan seperti hospital-hospital lain yang bukan sahaja untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit, tetapi juga berperanan menjaga kebajikan untuk pesakit-pesakitnya.

Perkara yang ingin saya timbulkan di sini ialah untuk mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada setiap pesakit yang ingin memasuki Hospital Universiti ini diwajibkan membayar depositnya terlebih dahulu kerana saya sendiri telah ada satu kes di sini yang mana telah diminta membayar deposit sebanyak RM600 dan seandainya gagal membayar wang deposit akan menyebabkan tarikh kemasukan wad akan dibatalkan.

Jadi, pesakit ini sepatutnya masuk wad di Hospital Universiti pada 8hb. Mei, 1997. Jadi, persoalan yang saya ingin timbulkan apakah ini merupakan satu dasar kepada Hospital Universiti bahawa setiap pesakit dimestikan membayar deposit terlebih dahulu

dan jika gagal membayar deposit maka pesakit ini tidak dibenarkan mendapat rawatan di hospital ini.

Jadi, kalau ini merupakan satu dasar, saya rasa dasar ini perlu dikaji semula kerana kadang-kadang kita dapati pesakit yang bertemu dengan saya ini adalah seorang yang miskin. Apabila beliau mendapat surat ini, isterinya yang menangis. Suaminya sudah tidak boleh menangis lagi, sebab sudah sakit. Isterinya yang menangis kerana meminta pandangan, meminta bantuan di mana hendak dicari wang sebanyak RM600, sedangkan kita percaya kemudahan perubatan di negara kita ini bukan sangat mementingkan keuntungan. Lebih-lebih lagi Hospital Universiti ini di bawah Kementerian Pendidikan.

Saya percaya di samping saya bersetuju untuk dikenakan bayaran tertentu tetapi perlu juga diberi kelonggaran kepada pesakit-pesakit yang miskin, pesakit-pesakit yang memang dikategorikan di bawah PPRT ataupun seperti pesakit ini Encik Yaakub bin Hasbullah ini, dia mendapat bantuan setiap bulan daripada JAIS dan juga daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, jadi, itu sahaja yang saya ingin mendapatkan penjelasan supaya perkara ini tidak menjadi masalah kepada rakyat yang memerlukan rawatan di Hospital Universiti ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Serdang.

4.57 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, saya hanya ingin menyentuh berkenaan dengan Universiti Pertanian Malaysia. Terlebih dahulu, saya mengucapkan

terima kasih dan juga mengucapkan tahniah kepada kementerian dan juga Kerajaan Persekutuan yang telah mengisytiharkan bahawa Universiti Pertanian Malaysia telah dipanggil Universiti Putra Malaysia, UPM itu dikekalkan juga.

Selaras dengan taraf universiti antarabangsa pada masa yang akan datang dan UPM juga merupakan satu kawasan yang 'IT centre' di kawasan cyber city yang berdekatan dengannya.

Saya hanya mengutarakan satu masalah yang dihadapi di kawasan UPM ini ialah mengikut laporan UPM di mana mahasiswa mahasiswi di UPM ini menghadapi masalah untuk mendapat asrama. Tahun ini sahaja sebanyak 50% daripada mahasiswa mahasiswi di UPM ini tidak dapat mendiami asrama di UPM dan terpaksa menyewa rumah di sekitar kawasan Serdang.

Saya minta Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mahasiswa mahasiswi di mana mereka sukar untuk mendapat dan menyewa rumah di sekitar kawasan Serdang ini kerana kawasan Serdang memang sebagai kawasan yang sedang membangun dan penuh sesak dengan manusia pada waktu ini dan sukar untuk dapat menyewa rumah di kawasan itu. Jadi, ini adalah satu masalah besar yang sedang dihadapi pada bulan hadapan di masa sesi pengajian di universiti ini akan dibuka semula.

Jadi, saya minta penjelasan untuk menentukan cara mana untuk mengatasi kekurangan asrama di kawasan UPM buat waktu ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong.

4.58 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, mengenai B.26 Kod 170000 Universiti Malaya dan lain-lain universiti.

Satu isu menjadi rungutan pensyarah-pensyarah ialah mengenai bentuk korporatisasi universiti. Universiti Malaya mengikut kerajaan akan menjadi satu perintis ‘pioneer’ dalam corporatisation universiti-universiti, tetapi sehingga sekarang sungguhpun pihak kesatuan ahli-ahli akademi di Universiti Malaya ada menyampaikan beberapa memorandum sama ada kepada Vice-Canselor ataupun kepada Kementerian Pendidikan untuk diberi maklumat supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam memproses menyempurnakan butiran mengenai korporatisasi tetapi tidak dapat apa-apa balasan yang berkesan.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi butiran mengenai korporatisasi bagaimana ia akan memberi faedah kepada pensyarah-pensyarah, bagaimana ia akan mempertingkatkan kecemerlangan mutu prestasi sama ada ‘academician’ atau mahasiswa mahasiswi dan kenapa sehingga sekarang, sungguhpun bulan Mac ada disebut sebagai target date untuk corporatisation University of Malaya belum ada apa-apa perkembangan.

Di sini, saya harap bahawa oleh kerana kita mahu mencipta satu suasana di mana kita boleh lompat, ‘quantum leap information’ zaman information di mana kita perlu kreativiti di antara pelajar-pelajar kita.

Dan kalau kita mahu kreativiti-kreativiti sangat mustahak bahawa iklim, suasana di universiti-universiti boleh memupuk kreativiti dan tidak boleh dinafikan bahawa

University and University of Colleges Act (UUCA) tentulah ‘stifle’ kreativiti-kreativiti pelajar-pelajar dan adakah pihak kerajaan rela, berani menghadapi cabaran zaman baharu, kalau tak berani untuk mansuhkan UUCA tetapi sekurang-kurangnya untuk memberhentikan pelaksanaan UUCA untuk lima tahun.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa UUCA ini tak bersabit dengan butiran projek yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kita mahu projek ini berjaya iklim, suasana sudah tentulah

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ini projek pembangunan

Tuan Lim Kit Siang: Pembangunan

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cakap dasar Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Semua projek pembangunan akan gagal kalau tidak ada iklim dan suasana. *[Ketawa]* Directly affected. Tak ada iklim dan suasana tidak guna itu peruntukan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat cakap dasar.

Tuan Lim Kit Siang: Tak, saya gulung isu itu. Sekurang-kurangnya untuk gantung perlaksanaan 5 tahun. Tengoklah apa-apa perkembangan, ini untuk kebaikan anak-anak kita, masyarakat kita, untuk masa depan kita. Kalau tidak tak guna, tak ada iklim. Apa peruntukan pembangunan pun tidak membangunkan masyarakat dan negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong, selepas itu Kementerian diminta jawab.

Seorang Ahli: Kepong bukan Tanjong

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong ya, Tanjong pulak.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang pertama mengenai Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang meminta tambahan RM70 juta untuk membiayai projek Hospital UKM yang sedang dalam pembinaan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah projek yang dimaksudkan sebagai Hospital UKM ini? Sebab setahu saya, ada usaha untuk meng'corporatise', mengkorporat memang masalah mengkorporatkan ataupun penswastaaan itu sama saja

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat itu ada bezanya.

Dr. Tan Seng Giaw: Beza, istilah ada beza sikit. Ada beza sikit istilah tapi adakah perbezaan maksudnya. Ini RM70 juta untuk Hospital UKM dan sementara itu kita nampak ada permohonan untuk meng'corporatise' iaitu mengkorporatkan hospital UKM di Cheras dan saya diberitahu bahawa ada pihak iaitu Naib Canselor telah mengemukakan pada dua tahun yang lepas satu permohonan untuk mengkorporatkan hospital UKM di Cheras. Dan salah satu sebabnya yang diberikan, satu alasan ialah kerana pensyarah-pensyarah dan profesor-profesor tinggalkan hospital itu dan kalau kita tidak mengkorporatkan akan lebih ramai lagi bersara dan masuk ke sektor swasta dan apakah rancangan pihak kementerian untuk menangani masalah di Hospital UKM di Cheras. Adakah pihak Kementerian bersetuju dengan permintaan pihak UKM untuk

meng korporatkan atau menswastakan hospital tersebut dan kalau ada rancangan untuk menswastakan, bilakah pengkorporatan ini dilaksanakan. Seterusnya Tuan Pengerusi saya nampak pihak Kementerian telah mengumumkan itu kenaikan gaji 100 - 150 peratus untuk pensyarah-pensyarah dan profesor-profesor. Bolahkah Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Subsequently deny.

Dr. Tan Seng Giaw: Deny kah?

Tuan Lim Kit Siang: Subsequently deny.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah menafi atau menyangkalkan berita-berita tersebut

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kepong berucap ataupun ada suara lain yang bercakap? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan Tuan Pengerusi, nescaya saya mengambil perhatian kerana dari sebelah situ ada cadangan, sebelah sini pun ada cadangan. Tapi cadangan itu semua baik, kita nak memperbaiki keadaan-keadaan gaji, emolumen pensyarah-pensyarah dan profesor-profesor, sekarang sangat kecewa kerana layanan emolumen dan gaji dan kemudahan untuk penyelidikan dan kebebasan pensyarah-pensyarah dan profesor-profesor ini sangat dipertikaikan masa ini dan kalau pihak kementerian sudah menafikan kenaikan 150 peratus apakah peratusan yang akan dipersetujui oleh pihak kementerian untuk menarik atau menahan pihak pensyarah-pensyarah dan profesor-profesor di universiti-universiti dan hospital-hospital daripada melarikan diri ke sektor swasta.

Ini memang satu perkara yang penting, saya sudah baca kenyataan daripada Yang Berhormat kedua-dua Timbalan Menteri Pendidikan ada setuju tentang wujudnya

masalah. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga pernah menjadi seorang profesor. Kalau pernah menjadi seorang profesor memang sangat arif dalam masalah jawatan profesor. Kalau Yang Berhormat sendiri pun lari daripada Universiti Malaya, lari diri mungkin ada faktor yang besar salah satunya mungkin tidak dapat gaji yang lumayan, kebebasan terhad dan sebagainya. Apakah rancangan itu?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya kira itu boleh disifatkan sebagai sangkaan. Yang Berhormat, janganlah buat sangkaan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak ada sangkaan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Terhadap individu. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Sangkaan yang baik tak apa. Sangkaan yang jahat tak boleh. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tak ada sangkaan langsung, kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri mengakui masalah kebebasan wujud. Memang wujud, masalah penyelidikan wujud, masalah emolumen dan gaji memang wujud. Dan apakah cara-cara untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan Pengerusi sebab kita mempunyai masa yang cukup, yang banyak hari ini untuk memperbincangkan masalah pokok yang dihadapi oleh Kementerian Pendidikan yang kita sokong untuk menjadikan kementerian atau sektor pendidikan sebagai berkualiti yang lebih tinggi lagi. Sama-sama kita wujudkan suasana untuk membolehkan kecemerlangan pendidikan di Malaysia dan salah satu cara untuk membina lebih banyak sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti di Malaysia ini.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh peruntukan ialah RM8.4 bilion untuk membina sekolah-sekolah dan universiti-universiti dan setakat manakah projek ini dapat dilaksanakan kerana kita sudah lepas 2 tahun dari RMK-7. Misalnya di Wilayah Persekutuan kita kekurangan sekolah rendah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina). Saya berharap RM8.4 billion ini dapat diperuntukkan bukan sahaja untuk sekolah kebangsaan bahkan juga untuk sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Dan sekolah di Wilayah Persekutuan sekarang Tuan Pengerusi terdapat 40 buah sekolah rendah jenis kebangsaan misalnya dan bolehkah Yang Berhormat memperuntukkan sedikit wang ini untuk membina lebih banyak SRJK(T) atau SRJK(C) di Wilayah Persekutuan juga. Mungkin kalau kita bina 3 buah sekolah kebangsaan, kita bina sebuah SRJK(C), itu cara yang baik. Kita ada satu nisbah di Wilayah Persekutuan untuk mempertambahkan bilangan sekolah rendah kebangsaan berbagai jenis dan sekolah menengah sangat kurang di Wilayah Persekutuan dan di seluruh negara.

Salah satu masalahnya saya nampak pihak kementerian pendidikan tidak dapat tanah yang sesuai kerana kerajaan negeri pun pandai juga. Bila ia memperuntukkan tanah untuk sekolah, ia memilih tanah-tanah yang kurang sesuai, tanah paya, tanah padi dan sebagainya yang kalau kita nak majukan tanah itu memang perbelanjaan yang besar, kos yang tinggi. Dan kini pihak DAP juga nak tolong Kementerian Pendidikan supaya dapat tanah yang sesuai untuk membina lebih banyak sekolah dan universiti. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan setakat mana pihak kerajaan-kerajaan negeri dapat memperuntukkan tanah bagi pembinaan sekolah yang diperlukan?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Gulung, tapi ada banyak lagi Tuan Pengerusi. Mengenai

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masa tetap 10 minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Mengenai guru lagi, banyak lagilah. Itu kakitangan sokongan, additional support staff, ramai lagi. Banyak lagi masalah kerana

Seorang Ahli: Lain kalilah, Lain kali.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kita berada di dalam peringkat Jawatankuasa.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini memang Jawatankuasalah yang penting. Kita tumpu kepada projek-projek.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat menyentuh soal dasar pun saya tak tegur.

Dr. Tan Seng Giaw: Mana yang dasar Tuan Pengerusi?

Seorang Ahli: Gulunglah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, setiap orang itu memang diberi had masa 10 minit.

Seorang Ahli: Tamatkan.

Dr. Tan Seng Giaw: 8 minit sahajakah?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kerusi di sini bukan di sebelah sana. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, akhir sekalilah saya pun tahu dan patuh kepada nasihat pengerusinya. Pada tahun lepas kita dapat lebih 100 ribu pemohon untuk menjadi guru di 32 buah maktab perguruan itu dan diantaranya ada 60 peratus yang pilih bidang sains dan matematik dan ada kekurangan untuk memilih misalnya jurusan bahasa Cina dan sebagainya dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan tahun ini berapa yang memohon atau masih tidak dapat angka yang tepat untuk memasuki 32 buah maktab perguruan kita dan berapa peratus yang akan memilih jurusan-jurusan yang ada di dalam maktab itu termasuk untuk bahasa Cina. Adakah kita masih mengalami masalah untuk permohonan-permohonan bagi jurusan bahasa Cina, bahasa Tamil dan sebagainya. Kalau ada apakah masalah? Dan akhir sekalilah. Daripada *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat masa tidak mengizinkan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Daripada 32 buah maktab perguruan ini ..

Seorang Ahli: Ini lawyer buruk ...

[Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin *memengerusikan Majlis*]

Dr. Tan Seng Giaw: Kita berkali-kali ada sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini bagitu perlunya kita wujudkan universiti perguruan. Walaupun pihak kementerian sudah mengakui bahawa pihak kementerian akan membenarkan atau memilih maktab perguruan untuk menjadi universiti. Bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat manakah kita berjaya untuk mewujudkan satu universiti perguruan yang bertaraf tinggi untuk membolehkan negara ini mengeluarkan guru-guru yang bertaraf lebih tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa telah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kementerian Pendidikan jawab.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Pendidikan. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah sebutkan tentang keperluan untuk membayar deposit sebelum seorang pesakit dimasukkan ke Hospital Universiti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sungguhpun dari segi dasar kita perlukan seorang pesakit membiayai satu amaun deposit sebelum ia dimasukkan namun demikian, untuk pesakit-pesakit dari keluarga miskin, mereka boleh membuat rayuan dan mereka akan diberi kelonggaran dari pembayarannya. Dan berkaitan dengan

kes-kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat kalau dia boleh bagi saya butir-butir, saya boleh arahkan kes itu disiasat.

Ahli Yang Berhormat dari Serdang telah sebutkan tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di UPM iaitu kekurangan tempat di asrama. Memang benar bahawa dari segi dasarnya, setiap universiti hanya ada tempat untuk lebih kurang 50% pelajar sahaja diberi tempat di asrama, namun demikian sebuah asrama baru sedang dibina di UPM dan kita harap dengan adanya asrama yang baru tersebut, sebilangan pelajar tambahan boleh diberi kemudahan tersebut. Dan untuk pelajar-pelajar yang tidak boleh menikmati kemudahan asrama, universiti akan cuba memberi pertolongan untuk tolong mereka mencari tempat-tempat yang sesuai bagi menyewa.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah sebutkan tentang isu korporatasi Universiti Malaya. Untuk makluman Yang Berhormat dari Tanjong, pada prinsipnya kerajaan telah bersetuju mengkorporatkan Universiti Malaya sebagai satu model perintis. Butir-butir berkaitan pelaksanaannya akan diputuskan tidak lama lagi. Pada masa ini kementerian sedang berbincang dengan pihak UM dan agensi-agensi yang lain seperti Perbendaharaan, JPA dan sebagainya mengenai skim gaji, saranan dan sebagainya. Jadi, oleh kerana semua butir itu belum diputuskan, sungguhpun saya faham dengan masalah yang dihadapi oleh pensyarah-pensyarah dan sebagainya tetapi kita hanya boleh membuat satu pengumuman selepas semua butir-butir itu diputuskan. Dan berkaitan dengan suasana universiti..

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa perkara ini dalam perbincangan, jawapan bukan sahaja dibuat dalam mesyuarat ini, mesyuarat dahulu dan berkali-kali dan itulah mesyuarat ‘standard’, ‘stereotype’ dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan bahawa apabila butir-butiran ini ada dimuktamatkan bahawa peluang akan diberi kepada pensyarah-pensyarah untuk memberi pandangan dan bukanlah satu pakej yang final di mana pensyarah-pensyarah tidak ada pilihan yang lain untuk memberi pandangan untuk influence butir-butiran bahawa apa-apa yang dimuktamatkan akan dibentang diberi masa kepada pensyarah-pensyarah khususnya kesatuan-kesatuan, kakitangan-kakitangan, academician-academician untuk berhimpun dan pandangan-pandangan yang baik yang positif boleh diterima. Bahawa satu pakej, satu masa untuk consultation dengan academician-academician. Bolehkah satu jaminan diberi?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, perbincangan dengan pihak kakitangan sekarang sedang dilaksanakan dan memang Naib Canselor Universiti Malaya dalam beberapa dialog telah bincang isu-isu berkaitan dengan gaji, dengan isu-isu pengkorporatan dan sebagainya tentang pihak kakitangan. Jangan takutlah, kita memang akan terus mengadakan dialog-dialog dan kita haraplah melalui forum-forum tersebut, kita boleh dapat persetujuan sebelum butir-butir itu dapat diumumkan. Itulah cara kita.

Tentang isu UUCA yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, undang-undang tersebut telah dilaksanakan sejak 90-an dan kita tidak boleh

nafikan bahawa dalam masa itu universiti tempatan terus maju dan diakui sebagai sebuah universiti yang bertaraf dunia. Jadi Kementerian Pendidikan tidak bersetuju bahawa UUCA itu telah menghalang ‘creativity’ dengan izin, di kalangan pensyarah dan sebagainya sedangkan banyak ciptaannya, banyak new ideas telah timbul. Jadi apa yang penting ialah kita ada satu suasana di mana R&D digalakkan, didalam konteks ini universiti-universiti tempatan dan selalunya memberi kemudahan dan sokongan kepada pensyarah-pensyarah yang ingin menjalankan penyelidikan mereka. Sedangkan satu kriteria utama untuk kenaikan pangkat adalah hasil dari penyelidikan tersebut. Jadi saya rasa universiti tempatan itu boleh dibandingkan dengan universiti-universiti kenamaan antarabangsa dari segi kreativiti-kreativitinya.

Timbalan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjung bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar bahawa masa Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam akedemi menjadi pensyarah University of Malaya, beliau bersependapat bahawa UUCA menghalang kreativiti mengakibatkan mediocrity, kenapa apabila masuk dalam kerajaan menjadi Timbalan Menteri fikiran ubah. Sekarang menganggap bahawa UUCA baik, boleh memupuk kreativiti tidak mengakibatkan mediocrity. Adakah masalah ini Yang Berhormat Timbalan Menteri atau masalah UUCA?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, saya rasa pandangan itu tidak tepat kerana saya tidak ingat saya sendiri ada sebutkan perkara tersebut, ‘that below the belt’
[Ketawa].

Tuan Pengerusi, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya berharap dia janganlah memperkecilkan universiti-universiti tempatan kita sedangkan usaha kita bukan sahaja ingin memajukan universiti-universiti tempatan, kita juga ingin mengadakan satu suasana di mana kita hendak galakkan memasuki universiti 'branch campuses' dan sebagainya, oleh universiti-universiti kenamaan di peringkat antarabangsa ke Malaysia dan dengan adanya usaha-usaha seperti ini, kita akan berjaya menubuhkan Malaysia sebagai satu tempat, satu pusat untuk kecemerlangan dari segi pendidikan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah bangkitkan tentang masalah atau tentang RM70,000 juta yang telah diperuntukkan kepada University Hospital, UKM. Tujuan peruntukan itu ialah untuk mengemaskinikan, memperbanyakkan kemudahan di universiti tersebut dan peruntukan itu adalah berasingan dari tujuan untuk mengkorporatkan UKM termasuklah University Hospital itu. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga telah sebutkan tentang masalah gaji pensyarah-pensyarah dan kita harap dan kita yakin dengan adanya sekim mengkorporatkan universiti-universiti tempatan kita boleh atasi masalah tersebut termasuklah menyesuaikan lagi suasana pekerjaan untuk pensyarah-pensyarah universiti tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah sebutkan saya telah lari dari universiti itu, saya rasa itu tidak tepat kerana untuk makluman ..

Timbalan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan mengenai dua perkara, yang pertamanya mengenai gaji dan sebagainya, apabila kita korporatkan, masalah selesai dan saya tidak percaya masalah selesai begitu sahaja dengan pengkorporatan. Mungkin kerumitan akan timbul dengan pengkorporatan. Dan yang kedua, sama ada Yang Berhormat sendiri lari daripada hospital ataupun tidak, buktinya Yang Berhormat ada di sini, bukannya ada di Universiti Malaya, kalau tidak melarikan diri boleh digunakan istilah yang lain, dikeluarkan daripada hospital, daripada Universiti Malaya. Istilah, masalah istilah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Untuk maklumat, Yang Berhormat dari Kepong ini, pindahlah. Okay, berkaitan dengan sekolah-sekolah yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pendidikan telah bereskan skim pelaksanaan untuk sekolah-sekolah yang telah disenaraikan dan dalam senarai untuk sekolah-sekolah baru yang kita akan bina, termasuklah beberapa buah sekolah wawasan yang termasuklah sekolah-sekolah SRJ(C) dan SRJK(T) itu, kita harap dengan adanya sekolah-sekolah tersebut dan juga bangunan-bangunan baru untuk sekolah-sekolah yang sedia ada, kita bolehlah penuhi keperluan untuk semua ibu bapa. Dari segi tanah ini memang Kementerian Pendidikan, memerlukan pemaju-pemaju di peringkat negeri bagi peruntukan rezab untuk tujuan pendidikan dalam semua rancangan baru yang diluluskan dan dengan adanya tanah-tanah tersebut, Kementerian Pendidikan bolehlah membina sekolah-sekolah yang baru termasuklah sekolah menengah dan sebagainya.

Bilangan permohonan untuk memasuki Maktab Perguruan pada sesi ini adalah lebih kurang sama dengan bilangan permohonan untuk tahun yang sudah iaitu lebih kurang 100,000. Sungguhpun butir-butir yang terakhir belum ada kita jangkakan dari permohonan tersebut, kita boleh dengan jayanya memilih calon-calon untuk 9,800 tempat yang kita telah wujudkan termasuklah 980 tempat untuk aliran Bahasa Cina. Tentang Universiti...

Timbalan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin/: Kepong bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Sing Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan tadi, mengenai tapak-tapak pembinaan sekolah, bolehkah Yang Berhormat, saya hendak tolong sahaja, selain daripada jawapan tadi yang cuba hendak meminimumkan masalah, walaupun bilangan tapak tanah yang diberikan oleh pihak kerajaan negeri yang tidak sesuai untuk dibina sekolah, memang ada, banyak yang diperuntukkan daripada kerajaan negeri, bolehkah Yang Berhormat sebutkan bilangan peruntukan daripada kerajaan negeri untuk pembinaan sekolah. Bukan sahaja tapak-tapak pembinaan sekolah, projek-projek sekolah. Itu saya setuju memang kita minta projek-projek itu mengadakan tapak khas untuk sekolah. Selain daripada itu memang ada peruntukan daripada kerajaan-kerajaan negeri dan bilangan yang diberi dan yang tidak sesuai untuk dibina bangunan sekolah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, Kementerian Pendidikan memang ada butir-butir berkaitan dengan tapak-tapak yang disediakan dan tentang tapak-tapak yang tidak sesuai, Kementerian Pendidikan hanya boleh tentukan selepas kita dapat tapak-tapak tersebut dan membuat semakan dan sebagainya. Saya tidak ada butir-butir dan saya akan jawab secara bertulis berkaitan dengan soalan tersebut.

Selanjutnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Menteri Pendidikan selalunya ada dialog dengan ahli-ahli Exco yang menjaga portfolio pendidikan di peringkat negeri untuk menentukan bahawa semua tapak yang diperuntukkan untuk kegunaan pendidikan adalah sesuai.

Tentang isu universiti perguruan, memang Kementerian Pendidikan telah tentukan Maktab Perguruan Tanjong Malim untuk dijadikan sebagai sebuah universiti perguruan.

Pengumuman itu sudah dibuat dan kita dalam peringkat pelaksanaan untuk mencapai tujuan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM860,213,740 untuk Maksud B.26 dan RM1,678,300 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM860,213,740 untuk Maksud B.26 dan RM1,678,300 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM180,000,000 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM180,000,000 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1996.

**Maksud B.30 dan B.33 [Jadual] -
Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1996]**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.30 dan B.33 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

5.33 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya sebut mengenai Anggaran Belanjawan Mengurus (Tamb.)(Bil.3) 1996 Maksud B.30 khususnya mengenai tambahan sebanyak RM13 bilion yang dikehendaki untuk memenuhi keperluan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan tentu disalurkan untuk negara, setiap negeri untuk tujuan pembangunan.

Ini sangat mustahak. Ada satu mekanisme untuk menentukan bahawa tujuan pembangunan dicapai dan tidak ada apa-apa penyelewengan, penyalahgunaan kuasa atau korupsi. Adalah sangat dikesali bahawa kita tidak begitu berminat dalam perkara ini sehingga ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sama ada UMNO, MCA, macam Ahli Parlimen Tanjong Karang dan Serdang yang rela untuk membela penyelewengan, penyalahgunaan kuasa atau korupsi.

Saya tidak mahu sebut di sini kes Tan Sri Muhammad bin Muhd. Taib, bekas Menteri Besar oleh kerana saya sudah sebut perkara ini, beliau sudah resigned dan patut resign tetapi ada orang di sini yang mempertahankannya. Ini sangat malu, sangat menjatuhkan maruah Dewan yang mulia ini dan sungguhpun dia sudah resigned, dia belum resign sebagai Naib Presiden UMNO, ini tidak cukup lagi. Dia perlu resign sebagai UMNO Vice President oleh kerana kewibawaan, authority, kredibiliti kerajaan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang:peringkat nasional atau peringkat negeri [*Disorak*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Keluar dari tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya tidak mahu sebut perkara ini, saya mahu tumpukan kepada pembangunan supaya tidak ada penyalahgunaan kuasa, tidak ada penyelewengan tetapi perkara semacam itu tidak patut berlaku dan saya harap perkara ini akan diselesaikan dengan baik bahawa kita boleh, end of chapter - Muhammad Taib resigned Vice President UMNO - begitu! Sekian, terima kasih, cukup. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

5.36 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.30 di mana saya ingin bertanya tentang struktur pinjaman yang diperolehi oleh kerajaan untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang kerana pernah timbul kontroversi pada tahun lepas di mana pinjaman sebanyak RM1.74 bilion diperolehi untuk membina terminal utama KLIA dan sebahagian besar daripada pinjaman ini adalah diperolehi daripada Perspec-Tai Sei-kajima Shimizu Hazama iaitu satu kersortium Jepun di mana pinjaman sebanyak RM1.74 bilion untuk syarikat tersebut telah dibiayai oleh satu pinjaman sebanyak 61.5 bilion Yen yang diketuai oleh OECF dan dipersetujui oleh Kerajaan Jepun.

Memandangkan bahawa kita didedahkan oleh risiko naik turun pertukaran wang asing, saya hendak mendapat tahu rasional dan sebab musabab mengapa pihak kerajaan masih mendedahkan diri dari segi risiko turun naik pertukaran wang asing

memandangkan bahawa kadar Yen semakin tinggi dan kita menghadapi kemungkinan kerugian dari segi pertukaran wang asing.

Dan saya hendak tahu apakah jumlah pinjaman dari segi Yen yang kita perolehi untuk membina KLIA. Dari segi hutang yang diperolehi adalah dianggarkan sebanyak RM10.53 bilion kerana kononnya pinjaman Yen ini adalah sebanyak sekurang-kurangnya 15% keseluruhan pinjaman untuk projek ini. Kita hendak tahu apakah keseluruhan pinjaman yang akan diperolehi oleh kerajaan dari segi Yen, dengan izin, Yen denominated, Dollar denominated or Mark denominated? Bolehkah kita dapat tahu macam mana ia akan dibiayai dengan data-data yang terperinci mengenai struktur pinjaman yang dilaksanakan dan kalau kebanyakannya dari segi Yen, adakah ini bercanggah dengan arahan pihak kerajaan supaya mengurangkan pinjaman dalam bentuk Yen supaya kita tidak terdedah oleh risiko tukaran wang asing?

Di samping itu, dari segi pengurusan aset dan sebagainya, saya juga ingin bertanya kriteria pemilihan konsortium tiga pihak yang bercadang mengambil alih KTM Bhd. yang dilaporkan terdiri daripada Diversified Resources Bhd. (DRB) sebanyak 30%, Kumpulan Renong sebanyak 50% dan Bolton Property sebanyak 20%. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ada di sini hari ini. Jarang timbul tetapi hari ini ada di sini [*Ketawa*] dan saya ingin mengambil kesempatan kerana beliau adalah Menteri bertanggungjawab ke atas Kementerian Pengangkutan, sama ada Bolton Property ini boleh menimbulkan percanggahan kepentingan untuk diri sendiri kerana pada satu masa beliau ada kaitan, ada saham dalam kumpulan Bolton. Saya pun tidak tahu syarikat manalah tetapi semasa

pemilihan Presiden MCA, bila beliau berlawan dengan Datuk Lee Kim Sai, orang kuat Datuk Lee ada menimbulkan tentang percanggahan kepentingan ekoran pemilikan saham beliau dalam Kumpulan Bolton memandangkan bahawa Bolton Property dilaporkan mempunyai pegangan ekuiti sebanyak 20% dalam penswastaaan KTM Bhd.

Saya ingin bertanya sama ada beliau, saya rasa ini adalah peluang yang paling baik untuk Yang Berhormat mengisytiharkan sama ada beliau ada sebarang kepentingan dalam syarikat ini ataupun sebaliknya kerana rakyat hendak tahu dan sekarang rasuah menjadi perkara dan tajuk utama bukan sahaja di dunia, saya rasa, di dalam pandangan semua rakyat Malaysia. Ia menjadi satu perkara yang sangat penting sekali dan demi prinsip akauntabiliti dan ketelusan, adalah perlu Yang Berhormat sendiri untuk mengisytiharkan sama ada beliau ada apa-apa kepentingan dalam penswastaaan yang diberikan kepada KTM Bhd. memandangkan latar belakang dan sejarah beliau yang dikaitkan dengan Bolton Property pada 8 atau 10 tahun yang lepas sepertimana yang didedahkan oleh bekas Timbalan Presidennya semasa berlawan untuk Presiden MCA.

Adakah satu tender terbuka dijalankan? Kalau tidak, mengapa? Dan sekarang Yang Berhormat nampaknya diam sahaja. Saya tidak tahulah sama ada diam itu 'rien' atau diam itu kerana tidak tahu macam mana jawab, hanya boleh setuju dengan apa yang saya ucapkan. Masih diam lagi, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta teruskan. Menteri Kewangan akan menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya. *[Ketawa]* Sungguhpun KTM mempunyai hutang sebanyak RM1 bilion termasuk tunggakan pinjaman kepada kerajaan sebanyak RM660 juta, ia mempunyai aset sebanyak RM1.8 bilion dan 8,000 hektar tanah. Apakah, dengan izin, net tangible asset KTM Bhd.? Dan apakah harga yang akan dibayar oleh konsortium

tiga pihak ini? Adalah perlu kepentingan rakyat tidak dikorbankan dalam penswastaaan KTM ini dan harga yang paling tinggi diperolehi dan apakah kedudukan sekarang tentang pemilihan konsortium untuk KTM Bhd.? Macam manakah keseluruhan proses penswastaaan ini dijalankan dan sejauh manakah peranan Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini? Adakah dengan penswastaaan ini bermakna bahawa KTM dalam pengurusan atau dalam segi hutangnya akan ditanggung penuh oleh kerajaan seperti Perwaja?

Adakah Yang Berhormat Menteri akan mencadangkan bahawa hutang yang ditanggung oleh KTM akan diambil alih oleh pihak kerajaan kerana kalau kita lihat hutang KTM ini adalah sangat besar, satu jumlah yang melebihi RM1 bilion, bukan satu jumlah yang kecil. Kalau kita hendak menarik minat pelabur-pelabur, tidak tahu sama ada rakan baik kepada Yang Berhormat Menteri atau tidak, saya rasa rakyat akhirnya mungkin terpaksa menanggungnya dan kalau penswastaaan seperti ini dijalankan, bolehkah pihak kerajaan memastikan ia juga sama-sama ditanggung oleh pihak yang akan mendapat KTM Bhd. ini supaya rakyat tidak dibebankan?

Kalau tidak, saya rasa apa gunanya penswastaaan? Apa maknanya penswastaaan selain daripada hutang semua diambil oleh pihak kerajaan? Kita akan lihat kelak tentu tambang keretapi akan naik. Saya bercakap dari segi pengalaman, Tuan Pengerusi. Semua projek penswastaaan yang dijalankan oleh pihak kerajaan telah mengakibatkan kenaikan kadar bayaran sama ada dari segi elektrik, api, tol dan pada masa depan air pun tidak terkecuali, tarif telefon pun dinaikkan, setem pos pun dinaikkan, semua dinaikkan - hanya saham sahaja tidak naik, saham hari ini turun 40 mata - tidak tahulah macam mana ini [*Ketawa*]. Saya rasa semua pun setujulah, sakit dalam hati khususnya Ahli Parlimen Barisan Nasional yang banyak melabur dalam BSKL.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh saya gulung? Tuan Pengerusi, [*Disampuk*] tidak ada duitlah [*Ketawa*]. Tuan Pengerusi, tentang P.28 - Composite Technology Research Malaysia di mana penambahan sebanyak RM23,000 dipohon. Bolehkah saya dapat tahu apakah facts atau research atau penyelidikan ini akan dipusatkan di Melaka memandangkan Melaka ada satu industri composite technology.

Dan juga saya harap bahawa dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, pihak kerajaan boleh memberikan maklumat yang lebih lanjut lagi. Jangan setakat bahawa jumlah sebanyak RM13.9 bilion akan dipindahkan sebagai sekian, sekian, tetapi tidak berikan maklumat yang lebih lanjut dan terperinci dan RM10 juta untuk Tabung Industri Perfileman, Drama dan Penyiaran. Bolehkah kita ahli-ahli Parlimen dapat penjelasan yang lebih terang supaya kita dapat tahu apakah jumlah ini digunakan, atas sebab apa dan untuk projek apa, supaya apabila kita luluskan peruntukan yang dipohon oleh pihak kementerian, kita tahu apa yang kita luluskan, bukan hanya secara buta sahaja, kerana kami bukanlah ahli Parlimen yang buta tetapi harus boleh lihat dengan terang, khususnya mereka yang melakukan rasuah. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap, kita ada usul. Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan

Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 dan Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.4) 1996 selesai dibahas dan diputuskan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 dan Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.4) 1996 selesai dibahas dan diputuskan.

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 dan Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.4) 1996 selesai dibahas dan diputuskan.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN
(1996 DAN 1997) 1997**

DAN

USUL**ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.4) 1996**

Perbahasan disambung semula.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Balik Pulau.

5.48 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Perkara P.28 di bawah Perbendaharaan dan Composite Technology Research Malaysia yang mana sejumlah RM23,621,000 lebih telah diberi dalam bentuk pinjaman kepada badan yang saya katakan tadi iaitu CTRM. Saya ada beberapa soalan yang pendek sahaja tentang projek yang kita kira adalah satu projek yang berteknologi tinggi yang bertujuan mungkin untuk kerajaan mempelopori ataupun pembuka jalan untuk Malaysia melibatkan diri dalam teknologi komposit ini.

Saya ingin bertanya kerana pada asal perbahasan perbelanjaan tahun 1997 tempoh hari itu kita ada lihat bahawa kalau tidak silap saya keseluruhan projek ini adalah menghampiri RM100 juta daripada wang yang akan diperuntukkan untuk projek ini. Saya ingin bertanya, ini melibatkan teknologi tinggi, siapakah yang sekarang ini sedang menjalankan penyelidikan tentang composite technology ini, apakah mereka yang menjalankan penyelidikan ke arah ini daripada dalam negeri ataupun daripada luar negeri? Apakah matlamat akhir projek ini untuk menghasilkan satu composite material yang baru? Akhirnya apakah matlamat projek ini?

Dalam pada kita mewujudkan satu projek yang seperti ini, sudah tentu kerajaan tidak akan terlibat secara langsung seperti sekarang ini secara berterusan. Kita hendak tahu sampai setakat mana baru kerajaan akan melepaskan projek yang seperti ini ke pihak yang lain? Dan apakah konsep untuk perpindahan tanggungjawab untuk melanjutkan projek ini daripada tangan kerajaan kepada tangan bukan kerajaan dan akhirnya bagaimana kita hendak akaunkan segala perbelanjaan yang telah kita keluarkan menggunakan wang awam untuk menjayakan projek ini kepada pihak yang bakal akan menerimanya? Jadi, itu merupakan persoalan-persoalan yang khusus tentang Maksud P.28, Perbendaharaan.

Tentang Maksud B.30, Kumpulan Wang Pembangunan yang saya kira sejumlah hampir RM14 bilion ini, saya ingin menyentuh secara umum sebab di sini dinyatakan secara umum Kumpulan Wang Pembangunan ini kita faham adalah wang yang dipindahkan masuk ke dalam akaun ini untuk dibelanjakan secara umum. Pada dasarnya, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, apakah dalam pada kita melaksanakan dasar penswastan di negara kita ini dalam pelbagai bidang kuasa yang terdahulu daripada ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan secara langsung dan dipindahkan kuasa pelaksanaan yang diswastakan itu kepada pihak bukan swasta.

Dua persoalan tentang hal ini. Yang pertamanya, apakah sudah ada satu mekanisme yang jelas untuk kerajaan mengawasi perjalanan entiti-entiti yang diswastakan ini dari segi memelihara kepentingan awam. Kita kadang-kadang dalam konteks penswastan sekarang ini, terdapat sedikit kekaburan, kalau satu-satu cabang kerajaan,

katakanlah kerajaan tempatan, kalau dia swastakan potong rumput kepada satu badan swasta, ia tidak bermakna bahawa kerajaan tempatan itu tidak lagi bertanggungjawab. Kerajaan tempatan itu masih lagi bertanggungjawab ke atas pemeliharaan landscaping dan sebagainya, walaupun ianya diswastakan.

Walaupun kerajaan Persekutuan menswastakan pelbagai jenis perkhidmatan kepada badan-badan swasta, akhirnya kerajaan juga adalah masih lagi bertanggungjawab dalam pada memastikan pembekalan dan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut dijalankan dengan baik. Walaupun misalnya dari segi water treatment ini diswastakan kepada IWK, kerajaan menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih lagi bertanggungjawab ke atas masalah water treatment dan sebagainya. Jadi, apakah mekanisme dan cara-cara kerajaan boleh memastikan bahawa kepentingan awam terpelihara selepas proses penswastakan berlaku.

Yang keduanya, tentang perkara ini ialah satu daripada perdebatan dalam teori politik atau apa pun ialah di manakah letaknya sempadan-sempadan kerajaan? Pada satu ketika dahulu selepas perang, mungkin kerajaan meletakkan sempadan kerajaan begitu luas, merangkumi banyak perkara. Dan pada lewat tahun 70-an, tahun 80-an dengan kemunculan kerajaan-kerajaan konservatif di Amerika Syarikat dan juga di U.K. dan perubahan polisi di negara ini pada pertengahan tahun 80-an, maka sempadan-sempadan kerajaan itu dikecilkan melalui, antara lain, dasar penswastakan itu sendiri.

Tetapi saya hendak bertanya, di manakah akhirnya ada sempadan kerajaan itu hendak kita gariskan kerana kita fikir bahawa kalau apa juga kita buat, akhirnya badan

seperti Dewan Rakyat ini berperanan untuk memelihara kepentingan awam. Jadi, dalam pada kita menggariskan di mana persempadanan penglibatan kerajaan ini, apakah kriteria-kriterianya? Kita boleh melakukan sesuatu untuk meningkatkan kecekapan perjalanan jentera kerajaan tetapi tanggungjawab itu masih lagi ada pada kita, tinggal lagi kita hendak tahu misalnya sehingga ke mana kita hendak gariskan, yang mana yang akan terus berada di bawah kawalan kerajaan secara langsung dan yang mana akan diswastakan untuk dijalankan oleh orang lain, tetapi kerajaan masih lagi melakukan pengawalan dan juga memastikan bahawa kepentingan awam senantiasa dipelihara dalam proses tersebut.

Yang terakhirnya, dalam konteks kita bercakap tentang Kumpulan Wang Pembangunan B.30 ini ialah hari ini saya merasakan bahawa ini duit kerajaan Persekutuan RM13 bilion. Ada sebahagian daripadanya akan diperuntukkan kepada badan-badan berkanun, ada yang akan diberi melalui saluran tertentu kepada kerajaan-kerajaan negeri. Saya ingin bertanya, sekarang ini apabila negara semakin maju, semakin terdapat banyak kegiatan. Terdapat begitu banyak pertindihan di antara bidang-bidang kuasa kerajaan negeri, kerajaan tempatan dengan kerajaan Persekutuan walaupun jelas dalam Perlembagaan ada Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan juga Senarai Bersama tetapi kerajaan tempatan tidak ada dalam Perlembagaan Persekutuan, dia di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, tetapi kerajaan-kerajaan tempatan semakin hari semakin berperanan secara langsung untuk mencorakkan kehidupan orang.

Jadi, terdapat persempadanan antara kerajaan (intergovernmental levels of government) iaitu antara kerajaan tempatan, kerajaan negeri dan juga kerajaan

Persekutuan. Kuasa mencukai dan sebagainya memang ada pada kerajaan Persekutuan, tetapi dari segi agihan ini macam mana? Dan apakah ada satu usaha untuk kita berbincang secara serius tentang intergovernmental relationship ini untuk memastikan pertindihan-pertindihan yang semestinya akan berlaku dapat kita selesaikan dengan sebaik mungkin dan memastikan juga bahawa pembahagian wang pembangunan ini dapat disalurkan dengan lebih baik. Kadang-kadang kalau duit itu di Federal, kita salurkan di state ataupun di local government, apakah ada kuasa untuk jentera Federal mengawasi bagaimana duit yang diluluskan di dalam Dewan Rakyat ini dibelanjakan di negeri dan dibelanjakan di peringkat kerajaan tempatan.

Ini merupakan perkara-perkara yang saya harap Kementerian Kewangan dapat memberi sedikit penjelasan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Bandau dan selepas ini, kementerian menjawab.

5.58 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi saya peluang untuk memberi sumbangan, komen-komen dan buah fikiran kepada perkara-perkara khasnya di bawah Maksud B.30 bagi Kementerian Kewangan dan tumpukan khusus kepada peruntukan kepala Kumpulan Wang Terkanun di mana RM13,943,613,123 yang dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan daripada

akaun hasil disatukan. Seperti biasa wang sejumlah ini akan diagih-agihkan kepada beberapa jenis penggunaan, termasuklah pengagihan kepada peringkat negeri.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh perkara berkaitan dengan penggunaan wang ini di peringkat negeri, khasnya dari segi pembiayaan projek-projek Persekutuan. Sepertimana sedia maklum di peringkat negeri Sabah, dari segi penyelarasan projek-projek pembangunan Persekutuan ini dilakukan oleh satu jabatan iaitu Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah, berbeza dengan negeri-negeri yang lain di mana peruntukan ini diurus oleh negeri sendiri melalui Jabatan Perancangan Ekonomi Negeri, tetapi di situ masih berterusan dua badan yang mengendalikannya.

Dalam perkara ini, telah pun disentuh ada masalah-masalah yang timbul dari segi pelaksanaan projek-projek pembangunan daripada pihak Persekutuan. Kerana salah satu berlapis ganda ataupun over lapping, dengan izin, tanggungjawab jabatan ini, iaitu JPPS dengan jabatan pelaksana di peringkat negeri, iaitu Jabatan Perancang Ekonomi Negeri. Beberapa perkara dan masalah yang timbul selain daripada biasanya projek-projek ini lambat siap, tetapi juga masalah di mana projek ini biasanya diagih-agihkan, satu projek diagihkan barangkali kepada lima kontraktor. Satu kes ialah jalan raya Beaufort- Sipitang, di mana beberapa kontraktor terlibat untuk menjalankan tugas di dalam pelaksanaan projek.

Jadi, masalahnya tidak ada penyelarasan keseluruhan, dengan izin, there is no controlling contractor yang overseeing keseluruhan ataupun tugas projek keseluruhan. Akibatnya, sebahagian siap, di tengah belum, separuh lagi belum, hujungnyanya pula

kontraktor satu bekerja dan teruk Jalan Sipitang kalau selalu hujan, lebih teruk dari Jalan Inaran, Keningau ke Inaran di kawasan Yang Berhormat Tuanku Hussein. Di sana pun jalannya banyak masalah, perlukan banyak peruntukan. Tetapi sebahagian daripada masalah ini timbul dari penyelaraskan dan tugas Jabatan Pembangunan Persekutuan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, satu lagi masalah timbul daripada ini lain-lain projek diagih-agihkan tanpa controlling contractor, dengan izin, ialah masalah di mana apabila sampai masa untuk menuntut claim dan pembayaran, nampaknya JPPS tidak sanggup untuk memeriksa projek-projek yang telah siap. Maka banyak sungutan awam di mana kalau peruntukan RM50,000 tetapi apa yang kelihatan oleh pihak umum ialah sekadar barangkali RM25,000 atau RM30,000. Biasanya tidak disiasat oleh pihak pelaksana, iaitu oleh pegawai JPPS untuk memastikan projek itu telah dikendalikan dengan sempurna sebelum mengeluarkan pembayaran claim tertentu. Ini seringkali ditimbul, satunya di kawasan Bandau iaitu satu jambatan besar melintasi Sungai Ulu Bankukah yang peruntukannya dikatakan RM100,000 tetapi apa yang kelihatan ialah sekadar RM30,000. Jadi, masalahnya ialah penyelarasan di peringkat kawasan kerana bertindih tanggungjawab jabatan ini.

Telah banyak sungutan supaya Jabatan Pembangunan Persekutuan ini, Tuan Pengerusi, dimasukkan sebab kerajaan negeri pun diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional, tetapi masih juga berterusan, kecuali tidak confident, pilihan raya akan datang PBS memerintah, jadi barangkali masih lagi perlu JPPS, saya tidak tahu. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ini soalan sahaja.

Seorang Ahli: Siapa bilang bah! Tidak mungkin itu.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya mahu sentuh juga di bawah kepala ini soal pembayaran geran-geran yang ditentukan oleh Perlembagaan yang juga diambil daripada Kumpulanwang Pembangunan ini. Biasanya juga masalah masih berterusan, Tuan Pengerusi bahawa pemberian geran-geran termasuklah yang ditentukan di dalam Perlembagaan, lambat untuk dibuat. Apatah lagi tuntutan-tuntutan di bawah 'concurrent list' ataupun kuasa bersama, seperti penyelenggaraan jalan raya. Ini menyusahkan di peringkat negeri, khususnya di peringkat negeri Sabah saat ini di mana begitu banyak menghadapi masalah kewangan. Saya telah sentuh ini dalam masa-masa yang lalu, dan mereka menyatakan seolah-olah saya memalukan negeri Sabah - tidak. Tidak ada tujuan seperti itu, Tuan Pengerusi.

Sebenarnya kita bantu mereka untuk merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk membantu mereka dalam masalah ini. Satu daripadanya ialah pembayaran geran-geran yang lewat dibuat oleh Persekutuan. Seringkali sudah habis tahun tuntutan, barulah dibayar. Ini menyulitkan, mengikut maklumat-maklumat pegawai-pegawai di peringkat Kementerian Kewangan bahawa banyak geran tuntutan yang belum diselesaikan. Ini merumitkan 'management of the budget,' dengan izin, di peringkat negeri.

Tuan Pengerusi, saya rasa perkara ini sangatlah penting untuk diberi perhatian dengan secara terperinci, kerana telah banyak disentuh tetapi masalahnya masih lagi berterusan dan lewat dalam perkara ini apabila peruntukan daripada RM13 bilion

diagihkan kepada negeri-negeri, bahawa bagi negeri Sabah kita minta supaya pembahagian dilakukan dengan segera, kerana sepertimana yang kita sedia maklum masalah kewangan di peringkat negeri adalah rumit kerana harga kayu balak telah menurun, dan budget belanjawan pun berasas kepada penjualan hasil negeri seperti SLDB yang belum lagi dilakukan, maka sedia maklum bahawa masalah kewangan yang ada, maka saya sentuh untuk kebaikan semua. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta kementerian jawab.

6.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Terima kasihm Tuan Pengerusi. Mengenai soalan yang dibahaskan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai struktur pinjaman KLIA. Seperti pinjaman yang diperolehi oleh kerajaan untuk membiayai KLIA Berhad, kerajaan hanya menyediakan modal awal sebanyak RM200 juta. Walau bagaimanapun, pinjaman selebihnya diperolehi melalui pinjaman berjangka (sandicated loan). Jadi, Yang Berhormat telah minta saya kalau boleh data-data terperinci mengenai struktur pinjaman ini sama ada ia dibuat dalam Yen dominated, dengan izin, atau Dollar dominated. Jadi, saya minta izin Yang Berhormat supaya dapat saya menjawab dengan secara bertulis, kerana ini memerlukan data-data terperinci sebagaimana yang diminta.

Yang keduanya, mengenai KTM Berhad. Penswastan KTM Berhad....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Sebelum pergi ke KTM Berhad, bolehkah saya dapat tahu secara kasar apakah jumlah pinjaman yang akan diperolehi daripada pinjaman berjangka ataupun institusi-institusi kewangan secara kasar. Tadi saya tidak sempat untuk bertanya tentang kedudukan minat yang ditunjukkan oleh Khazanah Holdings untuk membeli syarikat yang membuat kapal terbang Foker. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kedudukannya sekarang tentang perkara ini, kalau bolehlah? Sekian.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Saya rasakan, Yang Berhormat, oleh kerana masa pun tidak cukup, nanti saya berikan penerangan terperinci secara bertulis, saya rasa itu lebih adil.

Mengenai penswastan KTM Berhad, Konsortium DRB, Hicom, Renong dan Voltan. Isu penswastan KTM masih lagi di peringkat perbincangan dengan pihak konsortium di unit Perancang Ekonomi di EPU, dan sebarang perkembangan lanjut masih lagi terlalu awal untuk diusahakan. Saya berharap selepas sahaja isu penswastan KTM ini sudah pun diikat dan diperkemas oleh EPU, kita akan memberitahu Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya dapat jaminan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa satu tender terbuka akan dijalankan supaya perkara ini mengikut proses yang dahulu didahulukan, iaitu 'first come first serve basis atau tender secara rundingan, iaitu 'negotiated tender', kerana kalau kita hendak memulih prinsip

ketelusan dan juga accountability, kita perlu ada tender terbuka supaya tidak ada apa-apa gambaran bahawa pihak tertentu sahaja yang mendapat manfaat. Lebih-lebih apabila Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan ahli keluarganya pernah mempunyai ekuiti saham yang dikaitkan dengan kumpulan Syarikat Bolton. Oleh sebab itu, kalau perkara ini tidak dijelaskan dengan terang, nanti ada timbul satu syak wasangka bahawa timbullah percanggahan kepentingan yang melibatkan Yang Berhormat Presiden MCA?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih atas pandangan itu, Yang Berhormat. Saya rasakan sebagaimana yang saya katakan tadi sama ada secara negotiated tender ataupun secara tender terbuka ataupun mengikut peraturan-peraturan yang tertentu, saya rasakan akan diberitahu kelak apabila konsortium ini dapat diperkembangkan.

Yang Berhormat dari Balik Pulau telah pun menanyakan mengenai P.28, iaitu projek teknologi tinggi. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, peruntukan asal CTRM ini ialah RM100 juta. Buat masa ini CTRM merupakan milik penuh 100% Menteri Kewangan diperbadankan dan biasanya perbelanjaan untuk teknologi komposit ini adalah besar. Walau bagaimanapun, bagi meyakinkan kerajaan dapat mengurangkan kos, maka kerajaan telah meluluskan pinjaman sahaja bagi membolehkan syarikat memberi komitmen sepenuhnya dalam menjayakan perihalan teknologi ini. Kerana sepertimana yang kita katakan dahulu bahawa komposit teknologi ini ialah satu teknologi yang tinggi dan ia merupakan strategik industri. Kalau kita lepaskan kepada pihak

swasta, pihak swasta belum berani lagi mencubanya. Jadi, oleh itu, komitmen diberikan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan diperbadankan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pengguna wang pinjaman setakat 31hb. Mac, 1997 adalah seperti berikut. Kita ada banyak bentuk pelaburan dalam CTRM ini. Pertamanya, Eagle Aircraft sebanyak RM9.6 juta, PAC sebanyak RM18.2 juta, Aero Composit Technology - RM4.3 juta, Erena Prima Sdn. Bhd. - RM971,000, CTDC Sdn. Bhd. - RM10 juta, Eagle Aircraft - RM1.3 juta, Autoclave NDT (peralatan) - RM827,000 dan belanja ibu pejabat sebanyak RM1.6 juta.

Kerja-kerja masih berjalan, Arena Prima Sdn. Bhd., syarikat ini bertanggungjawab menyediakan kemudahan hanger kapal terbang di Melaka. Aero Composite Technology - syarikat ini bertanggungjawab membina kilang, membuat komponen kapal terbang. Composite Development Corporation - syarikat ini bertanggungjawab membina Composite Technology City di Batu Berendam, Melaka, Phase I dan Phase II akan dilancarkan pada Jun ini. Light Flight Ltd. - syarikat ini bertujuan untuk membuat air cargo container. Composite Auto Inclusive - pelaburan dalam syarikat ini sedang diusahakan oleh CTRM. Eagle Quality Sdn. Bhd. - CTRM melabur 17.25% dalam syarikat ini. Jadi, CTRM telah berjaya mendapatkan certificate untuk kapal terbang Eagle siri 150 dari Civil Aviation Authority (CAA) Australia dengan kos yang kurang daripada yang dijangkakan. Bagaimanapun rancangan untuk membuat kapal terbang siri 200 Eagle masih memerlukan modal tambahan sejumlah RM40 juta dijangka diperlukan.

Mengenai penswastaan sama ada penswastaan itu akan melihat bahawa polisi kerajaan dijalankan dengan sepenuhnya untuk kepentingan awam, untuk pengetahuan Yang Berhormat selalunya apabila kita menswastakan satu-satu badan, kita ada golden share, iaitu polisi penentu untuk aktiviti-aktiviti penswastaan oleh syarikat-syarikat berkenaan hendaklah dikawal selia oleh kerajaan supaya pihak awam tidak teraniaya.

Mengenai persempadanan kerajaan, kalau dahulu kita lebih mementingkan law and order, iaitu house keeping, dan sekarang kita mementingkan development atau pembangunan. Pihak swasta merupakan jentera pembangunan yang paling pesat dalam ekonomi yang berkembang ini. Kita lihat bahawa dengan adanya bilateral commitment, dan dengan adanya konsep 'dunia ini kecil', dapat kita lihat bahawa dalam perkara-perkara ini diplomasi amat penting dijalankan .

Mengenai intergovernmental, kita melihatkan bahawa separuh daripada pinjaman-pinjaman kerajaan....

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Balik Pulau bangun.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Pengerusi, penjelasan. Tentang cara memastikan bahawa kepentingan awam dipelihara dikatakan tadi ialah di mana kerajaan memiliki 'golden share' di dalam entiti yang diswastakan itu. Itu satu kaedah yang mana dapat dipakai pada ketika yang tertentu sahajalah. Tetapi, proses pengawalseliaan dari sudut kerangka perundangan, dari sudut observation ataupun apa juga, itu yang

sebenarnya saya timbulkan, dari segi kerangka perundangan, kerangka peraturan yang diwujudkan selepas sesuatu entiti itu diswastakan untuk memastikan bahawa kepentingan awam adalah terpelihara menggunakan 'golden share' itu adalah satu kaedah tetapi itu bukan satu kaedah yang dapat berjalan secara berterusan, secara administrative, ianya dapat digunakan kalau kita wujudkan satu dispute ataupun apa sahaja kemudian ada board meeting baru perkara itu boleh digunakan.

Yang keduanya, tentang penswastakan tadi juga, kita tidak menafikan bahawa kita telah berubah daripada 'house keeping' kepada pembangunan dan sebagainya. Kita tidak pernah mempersoalkan dari segi siapa lebih cekap membuat apa. Pihak swasta adalah lebih cekap untuk mengeluarkan barangan swasta. Kerajaan adalah lebih layak untuk memelihara kepentingan awam dengan mengeluarkan barangan awam. Kerajaan pada satu ketika dahulu mengeluarkan juga barang-barang swasta, jadi penswastakan itu adalah satu perkara yang kita terima.

Tetapi dalam pada menentukan pengeluaran barangan awam, di manakah letaknya garis sempadan itu? Itu dua penjelasan. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, mengenai penswastakan projek adalah di bawah kawal selia kementerian berkenaan, guideline ataupun struktur seliaan melalui penubuhan jabatan-jabatan kawalan dan seliaan penswastakan di setiap jabatan dan kementerian dibentuk untuk menyelia dan untuk mengikut akta-akta yang tertentu apabila sesuatu entiti itu diswastakan.

Oleh itu setiap kementerian misalnya, Keretapi Tanah Melayu apabila diswastakan, pihak yang menyelia ialah Kementerian Pengangkutan dan begitu juga kawal seliaan yang lain.

Dan mengenai satu lagi penswastaan selain daripada 'golden share' yang dikatakan tadi, kerajaan juga ada mempunyai saham-saham yang tertentu, kadang-kadang 20% atau 30% selain daripada 'golden share' yang ditetapkan untuk memastikan selain daripada kawal seliaan, tetapi board meeting bahawa setiap board meeting itu pegawai daripada Kementerian Kewangan ada di dalam board meeting itu untuk melihat kepentingan kerajaan dan juga melihat kepentingan awam.

Mengenai hak bersama ataupun seperti dalam Perlembagaan, kita ada 'Federal list', kita ada 'State list' dan kita ada 'concurrent list', bagi local government, kebanyakannya peruntukan yang diberi boleh merupakan dengan cara 'direct' ataupun cara 'indirect'.

Jadi, selalunya apabila kita beri kepada kerajaan negeri, kita memberikan peruntukan itu kepada kerajaan negeri dan terpulang kepada kerajaan negeri dengan mekanisme yang ada untuk memberikan kepada pihak tertentu di peringkat bawah seperti local government. Dan penyeliaan akan dibuat oleh kerajaan negeri.

Kita tidak biasa melihat bahawa peruntukan yang kita beri kepada kerajaan negeri, kerajaan negeri memberikan kepada 'local government' dan kita daripada Federal pergi menyelia atau melihat kepada 'local government'. Tetapi apa yang dibuat selalu jabatan-jabatan berkenaan dan menteri-menteri yang berkenaan ada membuat perjumpaan setiap

tahun dengan portfolio-portfolio yang berkenaan, Exco-Exco berkenaan untuk membincangkan tentang peruntukan yang telah diberi dan apakah kegunaannya dan kawal selia yang telah dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah pun menyentuh mengenai Jabatan Pembangunan Persekutuan. Jabatan Pembangunan Persekutuan ini ada di Sabah dan juga ada di Kelantan. Jadi, projek-projek yang dikatakan selalunya diagih-agihkan kepada lima kontraktor tanpa memberi satu kontraktor utama dan kesudahannya projek itu pincang.

Dan kedua, saranan beliau tentang tuntutan yang lama yang tidak selesai. Jadi, saya mengambil ingatan kepada kedua-dua perkara ini dan saya akan menyusul perkara ini dengan Jabatan Pembangunan Persekutuan untuk mendapat jawapan dan saya akan berikan dengan secara bertulis.

Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM13,943,613,123 untuk Maksud B.30 dan RM1,700,000 untuk Maksud B.33 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM13,943,613,123 untuk Maksud B.30 dan RM1,700,000 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM23,621,430 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM23,631,430 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1996.

**Maksud B.34 [Jadual Pertama] -
Maksud B.34 [Jadual Kedua] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala B.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Serdang.

6.21 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh kesihatan awam. Mungkin saya akan dapat penjelasan lebih lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan berkaitan dengan bilakah pusat kesihatan akan diwujudkan di Batu 8, Puchong memandangkan pihak Kementerian Pertahanan telah memberi kelonggaran dua tahun sahaja akan menutup Hospital Kinrara, Puchong kerana Hospital Kinrara telah memberi perkhidmatan perubatan selama 50 tahun di kawasan tersebut.

Oleh kerana satu rancangan penswastaaan di kawasan tersebut, Hospital Kinrara akan terpaksa ditutup pada tempoh dua tahun di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan telah memberi tempoh selama dua tahun sahaja. Di kawasan Batu 8 Puchong

ini memang ada satu kawasan di bawah projek perumahan I & P. Tapak seluas dua ekar telah direservakan untuk pusat kesihatan dan saya telah mengemukakan tapak ini kepada Jabatan Kesihatan Daerah Petaling supaya Kementerian Kesihatan akan menimbangkan kepentingan awam untuk mendapat perkhidmatan perubatan di kawasan tersebut.

Tanpa kerjasama dan pertolongan daripada pihak Kementerian Kesihatan pada tempoh dua tahun ini, maka penduduk-penduduk di kawasan itu terutama sekali penduduk yang berpendapatan rendah akan menghadapi masalah untuk perkhidmatan perubatan di kawasan tersebut.

Maka saya minta penjelasan sama ada pihak kementerian ada menimbangkan wujudnya pusat kesihatan di Batu 8 Puchong di atas tapak reserve untuk menggantikan Hospital Kinrara tidak lama lagi.

Dan satu lagi, saya juga difahamkan bahawa pada tahun yang lalu di mana pihak kementerian telah mengumumkan satu hospital akan diwujudkan di kawasan UPM dan sehingga hari ini saya tidak tahu bilakah projek pembinaan hospital di UPM akan dilaksanakan di mana penduduk-penduduk Serdang sedang menunggu pembinaan hospital ini yang akan memberi perkhidmatan perubatan di kawasan tersebut.

Jadi, ini adalah amat penting kepada kesihatan awam di kawasan tersebut di mana penduduk-penduduk di kawasan Serdang ini memang menunggu hospital diwujudkan kerana pesakit dari Serdang akan dihantar ke Hospital Kajang yang jauh ataupun Hospital Besar Kuala Lumpur yang lebih jauh lagi. Maka dengan adanya cadangan pembinaan

hospital di UPM ini bukan sahaja merupakan teaching hospital di UPM dan juga akan terbuka kepada orang awam.

Maka saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan akan memberi satu penjelasan, bilakah projek ini akan dilaksanakan demi kepentingan kesihatan awam di situ. Dan juga saya dapat satu jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Dewan yang mulia ini pada tahun yang lalu, pusat kesihatan kecil akan dibina di Sungai Chua.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, butiran ini berkaitan dengan penyelarasan gaji dan sumbangan, bukan pembangunan ya.

Dato' Yap Pian Hon: Sorry! Saya hanya hendak mengaitkan dengan kesihatan awam.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita dalam peringkat Jawatankuasa. Kerana masa kita terhad, jadi, saya minta dikhususkan kepadanya sahaja.

Dato' Yap Pian Hon: Saya hanya ingin minta penjelasan berkenaan dengan kesihatan awam. Walaupun tidak ada kaitannya dengan pembangunan tetapi ada kaitannya dengan kesihatan awam, maka saya teruskan.

Walau bagaimanapun, saya minta maaf atas perkara ini mungkin tidak ada kaitan dengan pembangunan dan minta penjelasan lanjut berkaitan dengan kesihatan awam yang dihadapi di kawasan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila Gelang Patah.

6.25 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahar dalam peringkat Jawatankuasa Maksud B.34. Saya ingin menyentuh perkara 020300, 020400 dan 020500 sekali gus.

Tuan Pengerusi, seperti kita sedia maklum bahawa pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan iaitu ‘prevention is better than cure’. Walaupun demikian, saya minta Kementerian Kesihatan supaya dapat mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan untuk melaksanakan segala tindakan pencegahan penyakit berjangkit jenis foodborne, airborne atau waterborne.

Dengan tindakan mempertingkatkan pencegahan supaya kita dapat mengurangkan kes-kes penyakit berjangkit dan dapat mengurangkan perbelanjaan perubatan yang akan memanfaatkan rakyat jelata kita.

Tuan Pengerusi, dari segi kawalan mutu makanan, saya ingin memberitahu di Dewan yang mulia ini bahawa selama ini di kawasan luar bandar, pihak Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan kawalan mutu makanan dari segi pemeriksaan restoran-restoran, kedai makan dan gerai-gerai penjaja dengan pegawai dan kakitangan daripada pejabat kesihatan daerah dan untuk kawasan pihak berkuasa tempatan, ia dijalankan oleh pegawai-pegawai kesihatan daripada pihak berkuasa tempatan.

Dan daripada tinjauan saya, kedua-dua jabatan ini iaitu pejabat kesihatan peringkat daerah dan pejabat kesihatan di pihak berkuasa tempatan menghadapi kekurangan pegawai dan kakitangan untuk bertugas mengawal mutu makanan ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Oleh yang demikian, saya harap pihak kementerian dapat mengadakan lebih pegawai untuk Unit Kawalan Mutu Makanan ini supaya kita dapat mempertingkatkan kerja pencegahan dan mengurangkan kes-kes penyakit berjangkit kerana foodborne.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya harap bila kerja contoh makanan diambil, harap dilaksanakan bukan di tempat atau kilang pengeluaran makanan itu. Ia perlu

dijalankan di tempat-tempat lain dan bukan di kilang pengeluaran makanan itu kerana kita kluatir jika contoh makanan itu diambil di kilang yang mengeluarkan makanan itu dan kemungkinan pihak pengusaha kilang akan memberikan makanan yang cukup berkualiti dan yang tidak menyalahi penyalahgunaan undang-undang dan kita akan sia-sia sahaja menjalankan tugas itu.

Dan jika kita ambil daripada kedai atau supermarket, ia akan dapat satu hasil yang lebih baik dan dapat memastikan bahawa contoh makanan yang dianalisa dari segi analisa kimia dan kuman adalah yang benar.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin menyentuh tentang perkhidmatan pendidikan kesihatan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan. Di setiap negeri pada masa sekarang kalau saya tidak silap cuma ada seorang Pegawai Pendidikan Kesihatan sahaja. Dan bagaimanakah dengan tenaga seorang Pegawai Pendidikan Kesihatan sahaja di setiap negeri dan beliau pun menghadapi kekurangan tenaga kerja yang menolong beliau. Saya kluatir kerja pendidikan kesihatan tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Adalah sangat penting kita melaksanakan kursus pendidikan kesihatan kepada semua pengendali makanan dan minuman serta semua penjaja supaya mereka dapat mengamalkan cara mengendali makanan dan minuman dengan baik dan dengan cara itu ia akan dapat menolong mengurangkan kes-kes penyakit-penyakit berjangkit kerana foodborne atau waterborne.

Tuan Pengerusi, selain daripada kawalan mutu makanan dan pendidikan kesihatan ada yang penting iaitu untuk mencegah penyakit berjangkit kita perlu mempertingkatkan kerja kawalan vektor iaitu kawalan serangga dan tikus. Saya sendiri sentiasa mendapat aduan daripada penghuni-penghuni di kawasan saya, di kawasan Parlimen Gelang Patah

terutama di kawasan flet, yang mana penduduk-penduduk di kawasan itu sentiasa mengadu kepada saya bahawa tikus-tikus di kawasan flet besarnya macam kucing dan ini sangat merbahaya dan pihak berkuasa tempatan serta pejabat kesihatan tidak ada cukup kakitangan atau pegawai untuk menjalankan kerja ini dan ini sudah jadikan satu masalah yang sangat serius dan saya harap pihak Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan dapat mengemblengkan usaha bersama bagaimana kita dapat menghapuskan tikus-tikus.

Selain dari itu masalah gangguan lalat dan nyamuk adalah salah satu masalah yang sangat serius. Jika kita dapat menghapuskan pembiakan lalat atau nyamuk kita akan dapat mengurangkan kes-kes denggi atau kes-kes typhoid dan lain-lain kerana kita dapat menghapuskan vektor. Jika kita dapat mencapai hasil ini dengan melaksanakan program-program pencegahan serangga dan tikus, saya yakin kita akan dapat mengurangkan kes-kes penyakit berjangkit dan kita akan kurangkan kerja rawatan dan bila kerja rawatan di kurangkan pihak kerajaan memang akan mengurangkan perbelanjaan kerana perubatan rawatan itu dan ini adalah satu hal yang saya fikir kita sedang menuju kepada wawasan 2020 dari segi pembangunan ekonomi.

Dari segi perubatan dan kesihatan, kita perlu dari sekarang ambil tindakan lebih serius daripada peningkatan, langkah-langkah pencegahan supaya kita dapat mencapai tahap kesihatan dan perubatan sebagai sebuah negara yang moden. Pada tahun 2020 kita akan sampai tahap seperti di Australia dan New Zealand bahawa di mana bila kita singgah makan di restoran kita dapati tempat makan selesa, bersih, tandas pun bersih,

dapur pun bersih, semua bersih dan kita makan di sana pun kita pun rasa selamat, kita belanja duit kita pun rasa selamat, kita tak sakit kerana cirit birit kerana typhoid, kita dapat demam dan ini akan menjejaskan usaha kita dari segi pembangunan ekonomi jika kita gagal dalam usaha memperbaiki perubatan dan kesihatan di negara kita.

Dengan kata-kata demikian saya mohon menyokong dan saya harap saranan saya dapat diambil perhatian. Dan sebelum saya akhiri saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat mempercepatkan projek poliklinik di Taman Universiti di Skudai dan dengan cara memperbanyakkan poliklinik-poliklinik di kawasan taman-taman dengan cara decentralised medical services, dengan izin, kita dapat memanfaatkan rakyat jelata kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tuaran

6.35 ptg

Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa ini mengenai peruntukan Maksud B.34 kerana saya akan membahaskan khusus untuk peruntukan membiayai perbelanjaan untuk pelarasan gaji.

Tuan Pengerusi, perkara yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai gaji yang diberi kepada pegawai-pegawai perubatan yang diambil daripada luar negeri khususnya dari Bangladesh dan Pakistan. Difahamkan bahawa mereka mendapat gaji yang lebih baik daripada pegawai-pegawai perubatan yang diambil dari rakyat tempatan tetapi yang malang ialah pegawai-pegawai yang diambil dari luar negara ini bukan berpengalaman

dan baru sahaja lepas daripada universiti di tempat masing-masing. Walaupun pada waktu mereka ditemuduga untuk diambil bekerja mereka mengakui mempunyai pengetahuan tetapi bila sudah diambil dan ditugaskan di hospital-hospital ada pula yang langsung tidak mengetahui tentang tugas mereka. Ada yang tidak tahu apa fungsi sesuatu apparatus di dalam hospital itu. Yang malang pegawai-pegawai perubatan rakyat tempatan mendapat upah atau gaji yang mungkin lebih kurang daripada yang diberi kepada mereka ini dan keadaan ini telah menyebabkan pegawai-pegawai tempatan demoralised, dengan izin, dan saya harap pihak kementerian akan mengambil perhatian terhadap perkara ini. Jika ada cara untuk mengatasi ini saya harap kita beri keutamaan kepada pegawai-pegawai perubatan tempatan sendiri di dalam hal pemberian gaji.

Saya juga ingin mencadangkan supaya bila mengambil kakitangan perubatan daripada luar negeri dan kementerian haruslah memastikan benar-benar hanya mereka yang berpengalaman diambil. Oleh kerana kalau kita ambil mereka yang baru sahaja lepas daripada universiti tanpa pengalaman di negara asal masing-masing maka seolah-olah kita ini dibuat sebagai guine jug untuk mereka berlatih dan ada kemungkinan standard perkhidmatan yang diberi itu boleh memudaratkan kepada rakyat dan di samping itu pula kerajaan terpaksa membelanjakan wang untuk menggaji mereka dan bila kontrak mereka habis mereka akan balik ke negara asal masing-masing. Ini akan merugikan kepada kerajaan pada jangka masa panjang.

Untuk mengatasi masalah ini saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya memberi bantuan seberapa banyak penuntut-penuntut dalam bidang perubatan

supaya mereka dapat bantuan kewangan dalam bentuk biasiswa mungkin, yang diberi terus atau direct forward, dengan izin, oleh kementerian tanpa bergantung kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Ini penting oleh kerana kita menghadapi kekurangan pakar-pakar perubatan dan kalau kita terus bergantung kepada rakyat asing saya rasa satu hari nanti bukan saja negara kita dilanda oleh pendatang-pendatang asing yang tanpa izin tetapi jabatan perubatan ataupun perkhidmatan perubatan juga akan dilandai masalah pegawai-pegawai perubatan rakyat asing yang kemampuan atau pengalaman kita ragui.

Satu lagi cara untuk mengatasi masalah ini saya rasa, Tuan Pengerusi, ialah pihak kementerian meminta universiti-universiti yang mempunyai fakulti perubatan supaya menyediakan tempat untuk penuntut-tempatan yang lebih banyak dalam bidang perubatan. Saya harap pihak Kementerian, dan ingin mencadangkan di sini, agar minta fakulti perubatan diadakan di Universiti Malaysia Sabah. Oleh kerana kita masih memerlukan banyak tempat untuk perubatan, pelajar di dalam bidang perubatan di negara kita ini dan kita semua faham untuk menghantar penuntut belajar dalam bidang perubatan di luar negeri terlalu mahal dan adalah lebih baik jika pihak kementerian berkongsi pengalaman dan juga perancangan dengan universiti-universiti tempatan agar dapat memperbanyakkan tempat di dalam bidang pengkajian perubatan.

Di samping itu pihak kementerian seharusnya melalui perkhidmatan sosial mendedahkan keperluan-keperluan dan peluang yang ada di dalam perkhidmatan kesihatan kepada penuntut-penuntut sekolah yang masih di bangku sekolah sebab mereka akan build up, dengan izin, minat di dalam bidang perubatan. Dengan itu kita dapat

menggalakkan rakyat tempatan untuk memasuki bidang fakulti perubatan di universiti-universiti.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin menyentuh tentang bantuan oleh kerajaan kepada Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia. Saya ingin menyokong bantuan yang diberi tetapi satu perkara yang saya ingin ingatkan supaya pengawasan berterusan dilakukan oleh kerana kita tidak tahu bagaimana pihak persatuan menggunakan wang ini sama ada untuk pemulihan ataupun semata-mata untuk aktiviti mereka, tetapi saya ingin cadangkan jika pemberian diberi haruslah dikhususkan kepada penyelidikan penyakit kanser sahaja ataupun samada penyelidikan dalam bidang perubatan ataupun ‘physiotherapy’ oleh kerana jika kita beri bantuan untuk pentadbiran kepada Persatuan Kanser Malaysia maka saya rasa itu adalah terlalu longgar pengawalan ataupun penggunaan wang nanti dan tidak akan mencapai matlamat untuk memberi bantuan ini dan dengan kata-kata demikian Tan Sri Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Telok Kemang.

Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]: Tan Sri PengErusi.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sudah ramai sangat berucap. Saya ingat, lepas ini saya akan memanggil kementerian menjawab. Ramai dah tu. Telok Kemang sila.

Dr. L. Krishnan: Terima kasih Tan Sri Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.34 Butiran 020400 Pendidikan Kesihatan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah berusaha untuk pertingkatkan tahap kemudahan kesihatan yang tinggi bagi penduduk negara kita. Sepertimana kita lihat daripada kadar

kematian bayi yang baru lahir dengan kadar 11 kematian setiap 1,000 kelahiran pada masa kini, berbanding dengan 20 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran pada tahun 1990.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta berucap ya, bukan di atas dasar.

Dr. L. Krishnan: Walau bagaimanapun, apa yang memeranjatkan saya adalah hampir 65,000 ataupun 14% daripada kelahiran yang didaftarkan di negara kita pada tahun 1995 telah berlaku di rumah masing-masing. Mengapa..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berucap daripada dasar itu..

Dr. L. Krishnan: Ini ...

Tuan Pengerusi: Kita didalam Jawatankuasa Yang Berhormat, cakaplah detail, ke detail.

Dr. L. Krishnan: Okay, okay. Mengapakah keadaan seperti ini boleh berlaku. Adakah ini disebabkan oleh

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ucapan Yang Berhormat itu tidak kena tu, itu bukan dasar,

Dr. L. Krishnan: Tan Sri ini kesihatan, berkenaan dengan pendidikan kesihatan.

Tuan Pengerusi: Tetapi kita di dalam Jawatankuasa, bila dalam Jawatankuasa, kita tidak boleh berucap di atas dasar, jadi peraturan mesyuarat 67.

Dr. L. Krishnan: Ini tentang pendidikan kesihatan yang disarankan.

Tuan Pengerusi: Tentang apa pun berucap di atas detail di atas pemberian duit itu, di atas betulkah atau tidak betul, itu sahaja. Jangan cakap berkenaan dengan bayi beranak berapa orang.

Dr. L. Krishnan: Okay, tak ada, saya setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. L. Krishnan: Disebabkan. Adakah ini disebabkan oleh kekurangan kemudahan kesihatan di kawasan pedalaman dan ladang-ladang atau pendidikan kesihatan tidak sampai kepadanya atau rakyat kita belum bersedia menerima saranan kementerian tentang pendidikan kesihatan. Saya berharap kementerian akan memberi lebih tumpuan ke atas pendidikan kesihatan kepada penduduk-penduduk di pedalaman atau di ladang-ladang sebab kelahiran di rumah masing-masing dapat dikurangkan melalui pendidikan kesihatan yang dikuatkuasakan. Satu lagi perkara yang saya ingin beritahu kepada Dewan yang mulia ini ialah tentang AIDS. Kita berpendapat bahawa kebanyakan daripada pemuda-pemuda di dalam negara ini tidak mengetahui bagaimana AIDS merebak. Ini adalah kekurangan pendidikan kesihatan tentang AIDS.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap tentang dasar-dasar itu, ya. Jika tidak ada, diharap Yang Berhormat tidak usah berucap kerana salah mengikut Peraturan Mesyuarat, tidak betul. Ini bercakap di atas detail, cakap tentang AIDS, keseluruhannya itu dasar Yang Berhormat.

Dr. L. Krishnan: Okay, kalau begitu, saya ingin bertanya tentang pendidikan kesihatan sekolah. Adakah pasukan kesihatan sekolah yang sedia ada merancang tentang pendidikan kesihatan di sekolah-sekolah sebab saya ingin tahu sama ada pasukan kesihatan sekolah mengadakan aktiviti khususnya pendidikan kesihatan tentang AIDS di

sekolah-sekolah di negara kita ini. Satu lagi tentang merokok, tabiat merokok di kalangan masyarakat kita.

Tuan Pengerusi: Itu soal dasar Yang Berhormat, Yang Berhormat patut tahu apa dia dasar, apa dia bukan dasar.

Dr. L. Krishnan: Saya ingin hendak bertanya Tan Sri Pengerusi tentang pendidikan kesihatan dan tentang tabiat merokok kepada masyarakat umum, itulah Tan Sri, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, kementerian jawab ya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah Sulaiman]: Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan berkenaan dengan permohonan daripada Ahli Yang Berhormat dari Serdang berkenaan dengan permohonan untuk membina klinik kesihatan di Batu 8, Puchong, oleh kerana Hospital Kinrara akan ditutup. Pembinaan klinik tidak dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, walau bagaimanapun sebuah klinik kesihatan sedang dibina di Seri Kembangan, Petaling dan klinik kesihatan di Puchong boleh dipohon di bawah kajian separuh penggal RMK-7 tetapi perlu diperolehi tapak dahulu. Permohonan projek hospital di Serdang, Hospital Serdang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Kementerian Kesihatan telah memohon kepada pihak UPM bagi mendapat sebidang tanah untuk membina hospital ini seawal mungkin. UPM yang mempunyai tanah sedang mengenalpasti tapak tanah ini.

Berkenaan dengan soalan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah mengenai kekurangan 4 pegawai bagi menguatkuasa kawalan mutu makanan, Kementerian Kesihatan sentiasa berkerjasama dengan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk menguatkuasakan undang-undang Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 di kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan. Bagaimanapun, peranan pengendali makanan adalah sangat penting untuk memperbaiki tempat perniagaan mereka supaya tidak berlaku keracunan makanan. Pensampelan tidak perlu di kilang tetapi di pasaran. Sampel makanan dilakukan oleh inspektor-inspektor kesihatan yang terlatih dan pensampelan diambil di kilang dan juga di pasaran bagi memastikan makanan itu selamat dari punca lagi. Sampel ini diambil secara melawat di kilang dan di pasaran dan ini juga akan membantu pekilang mengkaji dan mengenalpasti masalah di punca sebelum makanan dilepaskan di pasaran.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah juga bertanya tentang status pendidikan kesihatan di mana terdapat seorang pegawai katanya, tetapi di setiap negeri terdapat lebih dari 2 jawatan Pegawai Pendidikan Kesihatan yang disediakan bagi menjalankan aktiviti pendidikan dan pencegahan penyakit. Dari segi kursus dan usaha yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dengan pelbagai kementerian termasuk Kementerian Pendidikan. Kursus dilaksanakan dari masa ke semasa dan satu modul kursus pengendalian makanan telah pun disediakan oleh pihak kementerian di mana kursus ini telah dijalankan kepada para penjaja dan para pengendali makanan yang bertujuan untuk meningkatkan mutu dan kebersihan makanan. Dengan cara ini diharap dapat dikurangkan penyakit-penyakit

seperti, penyakit tifoid (typhoid), taun dan ceret-beret. Kementerian juga telah mempertingkatkan program kawalan bakteria bagi mengawal penyakit bawaan bakteria dengan terlaksananya beberapa program khusus seperti program sekolah, bebas denggi, program lilati (lipas, lalat dan tikus) dan program ini telah pun dilaksanakan sejak tahun lalu iaitu 1996 lagi.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Tuaran bertanya tentang pengambilan pegawai-pegawai perubatan yang berpengalaman atau dikatakan tidak berpengalaman, sebenarnya pengambilan pegawai perubatan dan pakar kontrak diuruskan oleh PANAU yang terdiri daripada pakar perubatan ataupun pakar pembedahan selain dari pegawai dari KKM dan Jabatan Perkhidmatan Awam mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan iaitu satu kelayakan yang diiktiraf, kedua pengalaman yang mesti tidak kurang dari 5 tahun dan ketiga dapat berhubung dengan bahasa yang baik terutamanya Bahasa Inggeris.

Dan berkenaan dengan pendidikan AIDS di sekolah yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang, pendidikan kesihatan AIDS di sekolah telah dilaksanakan melalui pendidikan berkeluarga family life education dengan izin, serta program kokurikulum yang dimasukkan dalam program 'PROSTA' yang dianjurkan oleh kementerian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM119,880,987 untuk Maksud B.34 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama

dan RM362,745,000 untuk Maksud B.34 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Kesihatan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM119,880,987 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama dan RM362,745,000 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua

**Maksud B.35, B.37 dan B.41 [Jadual] -
Maksud P.36 dan P.40 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4)1996]**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.35, B.37 dan B.41 dan Kepala Pembangunan P.36 dan P.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Bagan.

6.53 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.35, P.36 dan B.37 sekaligus.

Tuan Pengerusi, beberapa hari yang lepas sejumlah 200 hingga 300 orang asing atau pekerja asing telah ditangkap di Bukit Mertajam dan dihantar ke Kem Juru oleh pasukan bertugas dalam satu operasi dan selepas dua atau tiga hari sahaja mereka telah dilepaskan oleh pihak imigresen. Ini telah menimbulkan satu selisih faham antara polis dengan imigresen dan saya ingin bertanya di sini sama ada dalam operasi ini adakah 'coordination' telah dijalankan dan siapa yang sepatutnya memberi arahan atau memimpin dalam operasi ini?

Tuan Pengerusi, satu lagi iaitu berkenaan dengan Jabatan Imigresen juga. Pada satu masa yang dahulu, lebih kurang pada tahun 1994 atau 1995, apabila memohon seorang pekerja asing atau pembantu rumah dari negara asing - malangnya saya tidak membawa butir-butir ini - ada seorang yang mengadu kepada saya bahawa beliau telah membayar sejumlah RM500 wang cagaran (deposit) untuk memohon seorang pekerja asing datang ke rumahnya sebagai seorang pembantu rumah dan selepas tamat tempoh pekerja asing ini telah balik ke negeri asalnya dan orang yang memohon pekerja ini telah menghantar sepucuk surat berserta dengan satu resit fotostat supaya meminta Jabatan Imigresen mengembalikan, membayar balik RM500 wang cagaran itu tetapi sehingga sekarang beliau belum lagi mendapat wang ini dan tidak ada jawapan rasmi dari kementerian juga dan beliau meminta saya membantu beliau dalam kes ini dan sampai sekarang saya pun belum lagi ada peluang untuk pergi ke Damansara untuk berbuat demikian.

Di sini, saya mengambil kesempatan ini bertanya sama ada wang ini boleh dituntut balik dan jikalau boleh, perlu dituntut dari bahagian mana ataupun siapa yang bertanggungjawab untuk membayar balik wang sejumlah itu? Dengan ini sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bandau.

7.01 mlm.

Dr. Maximun Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan perkara di atas meja mesyuarat. Saya

ingin tumpukan kepada Maksud B.35, P.36 dan juga B.37 sekaligus. Saya melihat bahawa di bawah Maksud ini kebanyakannya kewangan, misalnya RM4.4 juta ini untuk membiayai peningkatan aktiviti yang dijalankan oleh Pasukan Polis DiRaja Malaysia dan juga bagi Jabatan Imigresen pun bagi membiayai bayaran imbuhan kakitangan bagi tahun yang lalu.

Tuan Pengerusi, saya sentuh soal penggunaan tenaga dan kakitangan dari Jabatan Imigresen dan juga Jabatan Polis dan kementerian keseluruhan dari segi penglibatan dan penggunaan mereka di dalam perkara pemutihan (regularisation exercise) dari segi orang-orang asing yang sedang bekerja di negara kita ataupun yang tidak bekerja khasnya di peringkat negeri Sabah sebab regularisation exercise ini, dengan izin, sedang berjalan dan melibatkan kakitangan-kakitangan dari jabatan-jabatan yang saya telah sentuhkan iaitu Pasukan Polis dan Jabatan Imigresen.

Apa yang ingin saya sentuhkan di sini ialah memang usaha ini kita sokong dan kita berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana tindakan yang sepatutnya dijalankan dan menggunakan kakitangan yang ramai. Namun demikian, ada beberapa persoalan yang perlu dijelaskan oleh pihak kementerian dengan adanya regularisasi ini, dengan izin, we are really in the second best world. Saya rasa masalah ini telah lama dibiarkan dan terpaksa menyelesaikannya di peringkat kita, when they are illegal in the first place, dengan izin. Namun demikian, memandangkan masalah yang sudah merebak seperti ini iaitu kita mahu bertanya beberapa solan iaitu nombor satu, misalnya, pada masa pemutihan ini, pada masa kakitangan kewangan kerajaan digunakan, kakitangan jabatan-

jabatan terlibat, apakah yang kita lakukan bagi mereka yang baru mahu datang? - the new comers, - adakah strategi dan program supaya pendatang tanpa izin ini tidak menggunakan peluang untuk masuk ramai-ramai dan minta dimasukkan dalam kumpulan yang diputihkan pada masa program pemutihan ini dijalankan.

Kita difahamkan bahawa walaupun ramai kakitangan polis dan imigresen digunakan dalam program ini, masih ramai juga yang baru masuk - menambahkan beban yang ada - kerana susah hendak mengalihkan screening, dengan izin, siapa yang baru, siapa yang lama kerana mereka memberi laporan secara peribadi sahaja - Juga pada masa yang sama, Kementerian Luar Negeri khususnya negeri Filipina dan Indonesia mengeluarkan pasport dan kita difahamkan ramai di antara mereka ini datang minta pasport dalam negara kita kerana negara kita lebih senang dapat pasport di sini daripada negara mereka masing-masing. Jadi menambahkan flow, menambahkan tambahan orang pula yang masuk daripada mengurangkan dan semuanya ini menggunakan tambahan pekerjaan yang perlu dibuat oleh Jabatan Imigresen, Polis dan seterusnya.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, ialah dari segi perjalanan program pemutihan ini ialah di mana mereka diberi peluang yang tidak kerja, enam bulan cari kerja dan lepas itu dapat pas. Saya rasa dalam perkara ini pihak kementerian hendaklah mengambil langkah-langkah tertentu supaya ini tidak menjadi pula satu amalan di mana semua peluang pekerjaan orang-orang tempatan kita dibolot dan dihabiskan oleh mereka yang diputihkan dalam negeri kita sebab mereka diberi peluang enam bulan cari kerja, lepas itu balik minta pas permit dan pada masa yang sama kita lihat mereka sudah masuk dalam

perhotelan - housekeeping dalam hotel - kerana mereka boleh bercakap bahasa Inggeris walhal ini untuk orang-orang kita dan orang-orang tempatan. Mereka harus dikhususkan kepada bidang-bidang pekerjaan atau sektor yang tidak disukai oleh orang-orang muda ataupun masyarakat kita, dengan izin, I think there is no harm leaving on a sweat of other people.

Negara-negara yang lain maju kerana they depend on this sort of people but for goodness sake, dengan izin, I think beberapa bidang yang boleh dijalankan oleh masyarakat kita, we should, like perhotelan, restoran, tetapi saya difahamkan mereka juga boleh mendapatkan kerja di dalam bidang-bidang ini. Jadi, saya minta penjelasan dari pihak kementerian memandangkan program ini menggunakan kewangan yang banyak, melibatkan kakitangan kerajaan yang banyak supaya pada akhirnya bukan sahaja ia menjamin keselamatan negara kita tetapi juga tidak pula membawa masalah tambahan dan membolot peluang-peluang anak-anak negeri di negara kita dalam soal pekerjaan dan sekaligus urus betul-betul supaya masalah ini khususnya negeri Sabah dapat diselesaikan, once and for all. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.06 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Pengerusi, saya hendak ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat daripada Bagan menyentuh tentang penguatkuasaan terhadap pendatang tanpa izin. Pada masa kini, Kementerian Dalam Negeri memang menggalakkan operasi menangkap

pendatang tanpa izin ini dibuat secara bersepadu antara Pasukan Polis DiRaja dengan Jabatan Imigresen kerana masing-masing ada kemahiran mereka dan ada bidang kuasa mereka. Kita perlukan pasukan di mana ada wakil daripada kedua-dua jabatan ini.

Kadangkala kerana operasi ini begitu besar, begitu kerap dijalankan di seluruh negara, mungkin ada sedikit kelemahan di mana kadang-kadang timbul masalah komunikasi antara kedua-dua jabatan. Walau bagaimanapun, supaya tidak bertindih ataupun sebarang kelakuan yang menimbulkan salah faham, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil perhatian tentang apa yang telah berlaku terutamanya di kawasan Yang Berhormat dari Bagan telah sebut tadi. Saya sendiri ada baca dalam surat khabar dan saya rasa itu mungkin ada masalah komunikasi sedikit di situ.

Mengenai wang cagaran, memang kalau sekiranya seseorang pekerja asing itu sudah pulang ke negaranya secara sah, iaitu ada rekod menunjukkan bahawa seseorang pekerja itu sudah berhenti kerja dan dia sudah balik, seperti ada check out memo dan sebagainya, kalau imigresen sudah sah, maka wang cagaran itu tetap boleh dituntut balik. Jadi, saya kena mengakui di sini kadangkala ada sedikit prosedur wang itu imigresen kutip tetapi wang itu tidak disimpan oleh imigresen, kita kena salurkan kepada agensi yang lain yang lebih mahir menguruskan wang, maka dalam proses mengembalikan itu, ia mengambil masa sedikit iaitu.....

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Jelebu, bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak minta penjelasan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan kuasa yang dibekalkan kepada pegawai-pegawai imigresen. Apakah kementerian berpuas hati dengan kuasa yang dibekalkan kepada pegawai-pegawai imigresen sehinggakan dalam usaha untuk menjalankan operasi pemutihan baru-baru ini pegawai-pegawai imigresen menghadapi masalah untuk mendapatkan kuasa geledah dan kuasa memasuki rumah orang-orang yang disyaki. Jadi, sekiranya kementerian tidak berpuas hati dan mahukan kuasa itu dapat diberikan kepada pegawai Imigresen, adakah kementerian bercadang untuk meminda Akta Imigresen untuk masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, kita baru sahaja pinda Akta Imigresen. Sebenarnya kita baru sahaja berikan kuasa lebih kepada pegawai Imigresen. Kementerian memang rasa perlu ada kuasa tertentu diberi kepada pegawai-pegawai yang berpangkat tertentu supaya menjadikan tugasnya itu lebih berkesan. Kuasa itu memang kementerian berpuas hati dari segi struktur dan tujuan kuasa itu diberi di bawah akta akan tetapi kalau sekiranya ada kelemahan manusia, ini berlaku di mana-mana sekiranya ada seseorang individu itu menyeleweng atau salah guna kuasa, maka itu bukan silap kuasa ataupun akta, itu silap manusia, kita akan ambil tindakan ikut saluran atau undang-undang yang tertentu untuk membetulkan kelemahan itu.

Yang Berhormat daripada Bandau telah menyentuh tentang regularisation, dengan izin, iaitu pemutihan di Sabah. Di Sabah, dasar regularisasi, garis panduannya dan juga langkah-langkah yang dirancang, sebenarnya semuanya dikendalikan oleh Pasukan

Petugas Khas Persekutuan di bawah Majlis Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri. Apa yang pihak polis dan imigresen buat ialah kita ikut arahan dan juga mengamalkan apa-apa dasar ditetapkan.

Jadi, kalau sekiranya hendak sentuh dasar itu saya cadangkan Yang Berhormat tujukan soalan itu secara lebih spesifik kepada Jabatan Perdana Menteri iaitu Majlis Keselamatan Negara tetapi dari segi sama ada pekerja itu masuk lebih senang dapat pasport di sini, di sini memang kalau banding pendatang atau pekerja asing yang ada pasport sah daripada kedutaannya ataupun dari pihak berkuasa negara yang berkenaan, ada pasport itu jauh lebih baik daripada tidak ada pasport. Kalau tidak ada pasport kita tidak boleh tentu sah siapa mereka itu. Kalau sekiranya kedutaan dia sudah sah bahawa orang itu adalah warganya dan pasport telah dikeluarkan dan identiti sudah dikenal pasti saya rasa walaupun kita kadang-kadang tidak puas hati sama ada orang itu masuk bila tetapi sekurang-kurangnya selepas regularisasi ini kita ada kawalan terhadap orang itu dan kalau ada apa-apa yang tidak betul, kita boleh bertindak dengan lebih berkesan jauh lebih baik daripada mereka yang tidak ada dokumen langsung.

Dari segi regularisasi itu kita gunakan prosedur yang sama walupun dasarnya berlainan sedikit. Itu pun setahu saya, Majlis Keselamatan Negara telah bermesyuarat dengan wakil kerajaan negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sabah yang lebih mahir tentang keadaan di situ, cadangan-cadangan mereka itu memang kebanyakan diambil kira dan apa yang kita lakukan sekarang ialah kita ada satu persetujuan bersama antara Kerajaan

Negeri Sabah dengan Kerajaan Persekutuan. Itu sahaja dapat saya jawab di sini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa wang sejumlah RM4,400,000 untuk Maksud B.35; RM3,500,000 untuk Maksud B.37 dan RM758,300 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,400,000 untuk Maksud B.35; RM3,500,000 untuk Maksud B.37 dan RM758,3000 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM44,900,000 untuk Maksud P.36 dan RM2,173,000 untuk Maksud P.40 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1996 hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM44,900,000 untuk Maksud P.36 dan RM2,173,000 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4)1996.

Maksud B.42 dan B.43 [Jadual]-

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B.42 dan B.43 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Jelebu.

7.14 mlm.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Tuan Pengerusi, suka saya hendak bersama dengan rakan-rakan bagi membahaskan peruntukan tambahan ini bagi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat iaitu Maksud B.42 dan B.43 secara sekaligus.

Tuan Pengerusi, kita mengucapkan tahniah dan syabaslah kepada kementerian ini yang telah banyak mengatur strategi dan juga perancangan ke arah kebaikan masyarakat di bawah pimpinan kementerian ini dan kita berharap kakitangan-kakitangan yang telah menerima gaji dan elaun serta imbuhan-imbuhan ini akan dapat benar-benar memanfaatkan sumbangan kerajaan kepada mereka yang berkenaan.

Kita berharap seluruh kakitangan yang ada di kementerian ini akan dapat melipatgandakan usaha ke arah untuk mempertingkatkan lagi tugas dan tanggungjawab kepada masyarakat yang akan dibela.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan kekurangan kakitangan, saya berharap mana-mana pejabat yang masih tidak dilengkapi dengan kakitangan yang sewajarnya sebagaimana yang tercatat di dalam carta organisasi dan perjawatan di kementerian-kementerian berkenaan, baik di peringkat negeri dan daerah, haruslah diambil kira. Kita berharap tidak ada permasalahan di kalangan pejabat-pejabat di peringkat negeri dan daerah yang menghadapi kekurangan kakitangan bagi melaksanakan dasar-dasar dan perancangan kementerian.

[Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Di samping itu, Tuan Pengerusi, mengenai dengan Jabatan Orang Asli, kita juga mengucapkan syabas dan tahniah di atas perancangan yang telah dibuat. Kita berharap supaya Orang-orang Asli ini yang rata-ratanya begitu daif kehidupan mereka akan dapat benar-benar dibela. Masih terdapat lagi kakitangan yang tidak dapat menjalankan tugas dengan sebaiknya bagi membela dan mengatasi masalah-masalah yang berlaku di persekitaran masyarakat Orang-orang Asli. Orang-orang Asli ini, sebagaimana yang kita tahu, tinggal di kawasan-kawasan pedalaman dan di dalam satu daerah itu lebih daripada 10 kawasan Orang-orang Asli yang bertaburan di kawasan-kawasan luar bandar.

Kita tidak mahu melihat ada di antara kakitangan yang jarang melihat dan menjenguk mereka, mengaturkan program-program ke arah kebaikan dan permuafakatan Orang-orang Asli, masalah-masalah perselisihan faham antara anak-anak buah dengan datuk-datuk batin. Kita dengar banyak masalah yang berlaku di kalangan Orang Asli yang mereka tidak percayakan pemimpin mereka, iaitu batin-batin yang telah dilantik secara adatnya yang memimpin mereka, sampai 1,000 orang ke-2,000 orang bagi satu ketua masyarakat dan sebagainya.

Di samping itu, kita mahu supaya kakitangan kerajaan, pegawai-pegawai di Jabatan Orang Asli ini benar-benar dapat menghayati cara kehidupan Orang Asli ini. Jangan kita merasa jijik ataupun kita merasa malu, kita merasakan Orang Asli ini merupakan satu kaum yang begitu asing kepada kita sehinggakan kita tidak dapat menyelami perasaan mereka. Masalah-masalah mereka masih berterusan; kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kita berharap pegawai-pegawai di jabatan ini

lebih kreatif, lebih supportive dan sebagainya supaya tidak menjadi masalah untuk Orang Asli ini memberikan sokongan kepada kerajaan. Mereka tahu bahawa kerajaan membela mereka tetapi kadang-kadang permasalahan prasarana masih lagi berkekalan. Di kampung-kampung mereka masih terdapat lagi bekalan air dan api yang tidak sampai, masalah tandas, masalah bekalan air yang bersih, masalah pengangkutan, masalah kemudahan-kemudahan untuk berbelanja dan sebagainya.

Apa yang penting, saya mencadangkan supaya pegawai-pegawai di Jabatan Orang Asli ini membimbing masyarakat Orang Asli dengan cara yang betul-betul. Mereka diajar cara berekonomi, cara menyimpan dan menabung hasil pendapatan di dalam kehidupan mereka sehari-hari. Kebanyakan masyarakat Orang Asli pada waktu ini tidak lagi macam dahulu, mencari rotan manau dan sebagainya. Mereka telah pandai bekerja di kilang, masih boleh menoreh getah dan bertanam sayur-sayuran, boleh berjual dan sebagainya, makanya perlukan bimbingan. Kita tidak mahu Orang Asli dapat duit, dia joli katak, dia minum arak dan sebagainya sehinggakan pengsan sampai pagi, besoknya tidak lagi bekerja. Ini berlaku, Tuan Pengerusi. Jadi, kadang-kadang kita laporkan kepada pegawai Orang Asli, mereka pun tidak percaya. Ini berlaku di dalam kawasan Parlimen saya sehinggakan kita terpaksa buat spot check kepada kampung-kampung mereka. Ini berlaku.

Saya berharaplah pengurusan di peringkat negeri, kementerian dan daerah akan dapat menumpukan sebenar-benar tugas kepada pembangunan masyarakat Orang Asli itu sendiri, di samping pembangunan ke arah melengkapkan lagi prasarana kepada

masyarakat mereka. Kita dapat lihat lagi Orang Asli yang tidak pakai baju, hanya pakai sarung ataupun kain di bahagian bawah, di atasnya terbuka kepada masyarakat wanita dan lelaki itu masih ada yang bercawat. Ini berlaku lagi. Saya melihat perkara ini.

Kita mahu supaya masyarakat Orang Asli ini akan benar-benar diberikan tumpuan dan perhatian. Di samping itu, kebajikan di sekolah-sekolah, kemungkinan pegawai-pegawai di Jabatan Orang Asli sekarang ini agak ringan tugas mereka. Masalah pendidikan di sekolah-sekolah ini tidak lagi terletak di bahu Jabatan Orang Asli, telah diambil oleh Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, kepimpinan di peringkat masyarakat Orang Asli ini haruslah diambil tahu. Pegawai-pegawai hendaklah memainkan peranan yang sewajarnya dan apa juga program-program pembangunan, pertanian dan juga prasarana ini haruslah diambil kira.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Gelang Patah.

7.20 mlm.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas Maksud Butiran B.42 dan B.43, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Di sini saya ingin sentuh tentang Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Tuan Pengerusi, di kawasan Parlimen Gelang Patah saya ada tiga tempat Orang Asli iaitu Kampun Arang, Kampung Sungai Timun dan Kampung Bakar Batu Sungai Danga. Di dua kawasan, Kampung Sungai Timun dan Kampung Arang memang sudah

ada bekalan air, tetapi malangnya di Kampung Bakar Batu Sungai Danga hingga masa sekarang tidak mempunyai bekalan air dan saya sendiri telah melawat kawasan itu beberapa kali dan sudah bawa kes ini kepada Jabatan Bekalan Air iaitu sekarang adalah Syarikat Air Johor supaya mengadakan bekalan air di kawasan Kampung Bakar Batu itu supaya dapat penduduk-penduduk di kampung Orang Asli itu dijaga kesihatan mereka.

Di kawasan itu pada tahun 1995 semasa saya melawat, saya dapati kerana tiada bekalan air, saya berikan peruntukan kerajaan RM3,000 untuk membina sebuah perigi dan beritahu mereka supaya air dari perigi perlu dimasak dan lain-lain tentang kepentingan menjaga kesihatan. Tetapi baru-baru ini saya melawat kawasan itu mendapati air di perigi itu memang tidak boleh digunakan, kotor dan hitam. Adalah sangat penting Jabatan Orang Asli perlu ambil tindakan secepat mungkin dapatkan kerjasama daripada Syarikat Air Johor supaya membekalkan air paip ke kawasan itu kerana kampung Orang Asli ini dekat dengan sebuah taman perumahan, iaitu Taman Sutera. Taman perumahan itu memang ada bekalan air dan api, apa salahnya kalau belanjakan sedikit daripada peruntukan Jabatan Orang Asli untuk mengadakan bekalan air dan bekalan elektrik ke kawasan itu.

Kita perlu memberikan perhatian berat kepada kebajikan Orang Asli. Saya ada satu kali pergi ke sebuah kampung Orang Asli yang mana orang asing yang ada melawat kampung Orang Asli, dia nampak keadaan sosio-ekonomi kawasan kampung Orang Asli itu dan dia tulis atas satu papan, 'Malu Malaysia'. Sebab itu, saya tengok kepada kata-kata

itu, saya fikir kita perlu ambil tindakan yang sempurna untuk mempertingkatkan sosio-ekonomi Orang Asli.

Di kawasan Sungai Timun yang mana saya sebutkan tadi bahawa pada masa sekarang ada diwujudkan tiga buah restoran makanan laut. Saya harap pihak Jabatan Orang Asli dapat memberikan kerjasama kepada mereka dan mendapatkan kerjasama daripada jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Kesihatan, pihak berkuasa tempatan untuk sama-sama menolong memberikan pendidikan kepada mereka untuk jaga kepentingan mereka.

Saya ada dapat satu maklumat daripada seorang pegawai kerajaan dan saya harap pihak kerajaan timbang sama ada apa yang disarankan oleh pegawai itu adalah bijak atau tidak patut diadakan pertimbangan seperti ini, iaitu di suatu kawasan kampung Orang Asli itu, iaitu Kampung Sungai Timun ada didapati sebuah keluarga orang Cina yang duduk bersama dengan 34 keluarga Orang Asli di Kampung Sungai Timun itu, tetapi pegawai yang berkenaan dalam mesyuarat ada beritahu bahawa tidak baik untuk kaum lain yang ada duduk bersama dengan penduduk-penduduk Orang Asli. Dalam mesyuarat itu saya katakan bahawa adalah baik orang Melayu, orang Cina atau orang India kalau mereka sedia duduk bersama, tinggal bersama dengan penduduk-penduduk Orang Asli. Adalah baik dari segi mempertingkatkan perpaduan negara.

Apa salahnya kalau mereka duduk bersama dan dapat memberi tunjuk ajar kepada Orang-orang Asli dari segi perniagaan? Jika tiada orang Cina di kawasan itu pada masa sekarang, bagaimana mereka dapat tahu bahawa ada kebaikan untuk mengadakan

perniagaan restoran makanan laut? Mereka kongsi bersama untuk mengadakan perniagaan dan dapat mempertingkatkan ekonomi penduduk Orang Asli itu dan tuan punya restoran itu adalah salah seorang tok batin kampung Orang Asli itu dan kedua-dua adik mereka mengadakan restoran makanan laut di kawasan itu. Oleh yang demikian, saya harap adakah tidak baik ada penduduk-penduduk yang bukan Orang Asli duduk bersama dengan Orang Asli? Pada pandangan saya ialah kita perlu galakkan, bukan tidak menggalakkan.

Dengan kata-kata yang demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan.

7.28 mlm.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, sejajar dengan persetujuan yang telah dicapai di Persidangan Wanita di Beijing, saya ingin bertanya kepada kerajaan bilakah akta Guardianship of Infant Act 1961 akan dipinda dalam Dewan yang mulia ini? Akta ini implikasinya tidak perlu saya membangkitkan di sini, cuma bertanya bilakah akta ini akan dibawa ke dalam Parlimen ini dan apa halangan sebenarnya telah dihadapi oleh kerajaan kerana lambat, tidak mahu membawa akta ini ke Parlimen ini? Sekian, sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Serdang, selepas ini kementerian menjawab.

7.29 mlm.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentuh berkenaan dengan Maksud B.43, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Berkenaan pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk meningkatkan lagi pembangunan sosio-ekonomi di kampung-kampung Orang Asli, tetapi saya tidak tahu apa sebabnya kampung Orang Asli Sungai Rasah, Puchong masih tidak ada apa-apa rancangan atau program-program untuk meningkatkan lagi sosio-ekonomi setakat ini.

Walaupun kawasan ini tidak jauh daripada Putrajaya, pusat pentadbiran Persekutuan dan juga Lebuhraya Damansara-Puchong melalui kawasan tersebut, tetapi kawasan kampung Orang Asli Sungai Rasah, Puchong masih ketinggalan, masih tidak ada apa-apa tanda daripada pentadbiran Jabatan Orang Asli untuk meningkatkan lagi pembangunan sosio-ekonomi di kawasan tersebut.

Saya memang sentiasa melawat ke kawasan itu dan terdapat rayuan atau aduan daripada Tok Batin, Encik Kandaui terhadap kelemahan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, di mana pegawai-pegawai atau kakitangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli kurang memberi bantuan, memberi galakan cara mana untuk atasi kekurangan sosio-ekonomi di kawasan tersebut. Saya juga hairan apa sebabnya pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli melambatkan untukewartakan kawasan Orang Asli Sungai Rasah, Puchong ini. Kawasan ini telah diarahkan Orang Asli ditempatkan di kawasan ini sejak tahun 1960. Jadi, sudah 37 tahun sampai hari ini pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli masih belum dapat diwartakan kawasan ini sebagai kawasan Kampung Orang Asli Sungai Rasah, Puchong.

Saya mintalah penjelasan apa sebab lambatnya diwartakan kampung Orang Asli Sungai Rasah ini, walaupun Orang Asli telah tinggal di sini begitu lama. Kampung Orang Asli Sungai Rasah ini sepatutnya ada satu rancangan untuk meningkatkan sosio-ekonomi di situ. Jadi, saya mintalah penjelasan lebih lanjut berkaitan kawasan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian diminta jawab.

7.32 mlm.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat dari Jelevu, Gelang Patah dan Serdang kerana memberi segala pandangan dan meminta Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mengadakan lebih lagi dari yang telah sudah untuk memberi pembangunan ataupun segala bimbingan dan segala yang patut diberi kepada Orang Asli di kawasan Yang Berhormat masing-masing.

Jadi, inilah perkara yang saya fikir memang patut dibuat oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri jikalau sudah tahu keadaan seperti berikut yang disentuh tadi eloklah menulis kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ataupun menulis kepada menteri, iaitu Y.B Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya Orang Asli di dalam kawasan Yang Berhormat masing-masing dapat diteliti oleh Kementerian. Sekiranya kalau dalam masa yang lepas belum ada tindakan yang patut diberi dengan sewajarnya kepada Orang Asli, apabila Kementerian menerima surat rayuan dari Yang Berhormat, tentu sekali Kementerian akan mengambil tindakan. Kerana yang dihuraikan oleh Ahli Yang Berhormat masing-masing, memang mempunyai banyak kerja bukan hanya dari pegawai, tetapi dari keperluan peruntukan kerajaan.

Begitu juga bagi pihak Orang Asli, kita tahu bahawa ada Orang Asli yang masih tinggal di pedalaman dan berkenaan pembangunan Orang Asli ini, saya pun telah mendengar memang jauh ketinggalan. Jadi, masalahnya pun memang banyak. Tetapi apabila saya bertugas di Kementerian ini, saya telah mendengar berkenaan dengan hal-hal Orang Asli ini yang perlu diberi bimbingan. Bagi pihak kerajaan, itu sebabnya Jabatan

Hal Ehwal Orang Asli diwujudkan Tetapi mengikut apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Jelebu, iaitu pegawai yang patut menjalankan tugas tetapi tidak menjalankan tugas dengan betul. Jadi, dengan ini saya minta Yang Berhormat menulis surat kepada Y.B Menteri, supaya Y.B Menteri dapat mengambil tindakan sewajarnya.

Saya memberi cadangan begini kerana ini adalah bukan pertama kali saya dengar dari Yang Berhormat dari Jelebu. Jadi, ini sekali lagi saya dengar, jadi saya dapat tahu Yang Berhormat dari Jelebu memang telah kenal Orang Asli di kawasan Yang Berhormat itu. Ertinya, dalam masa yang lepas pegawai yang sepatutnya menjalankan tugas telah tidak menjalankan tugas dengan betul. Jadi, saya menyebut ini kerana dalam peringkat Jawatankuasa ini ialah minta peruntukan iaitu bukan imbuhan gaji sahaja kepada pegawai, tetapi pelarasan gaji. Untuk makluman Y.B ramai juga pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Orang yang menjalankan tugas yang cemerlang. Bilangan pegawai yang akan menerima gaji yang dinamakan SSB di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah seperti berikut:- bilangan gaji melintang - 16 orang. Bilangan menegak - 47 orang. Saya harap pegawai ini bukan dari kawasan Yang Berhormat dari Jelebu.

Jadi, oleh kerana itu, saya menyeru Yang Berhormat tuliskan surat kepada Y.B Menteri supaya Y.B Menteri dapat mengambil tindakan. Kalau kita memberi penjelasan di dalam Dewan Rakyat sahaja, saya rasa tidak cukup. Sebab hal-hal Orang Asli ini memang memerlukan kerjasama bukan saja kementerian, dan pegawai jabatan, tetapi Yang Berhormat ataupun yang lain-lain, seperti pegawai daerah. Saya datang dari negeri Sarawak. Negeri Sarawak memang ada macam-macam etnik. Etnik ada dalam kawasan

pedalaman, mungkin macam Orang Asli iaitu Penan. Sesudah itu ada lagi yang lain, dan ada lagi macam-macam etnik di negeri Sarawak. Jadi, ini menggunakan pegawai dari Pejabat Pegawai Daerah dan jabatan lain-lain yang terlibat untuk mengambil tindakan yang betul-betul mengikut apa yang selalu disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sendiri, iaitu semua rakyat Malaysia merangkumi Orang Asli memang kita kira macam kita semua. Kerana saya tahu Orang Asli ini macam-macam masa ini ada saya menerima, saya telah difahamkan mereka ini kalau ada orang melawat dia tidak mahu dengar. Jadi, apa sebab dia tidak mahu dengar, tentu ada sebab-sebab yang perlu. Jadi, oleh kerana itu, saya menyeru kepada ketiga-tiga Yang Berhormat tulis surat kepada Menteri.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Jelebu bangun, hendak beri jalankah?

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan berkenaan. Sebenarnya Yang Berhormat, kalau kita hendak tulis surat sampai kepada menteri, itu sudah tidak sedap. Kadang-kadang yang bertugas itu rakan-rakan. Apa yang kita harapkan kesedaran itu sendiri. Sebab selaku kakitangan kerajaan, saya juga bekas kakitangan kerajaan, saya tahu apakah tugas kita sebenarnya. Kalau ada mesyuarat pembangunan daerah, sepatutnya pegawai itu hadir, tetapi tidak datang. Jadi, apa juga tindakan yang berkaitan dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak dapat kita bincangkan, tidak dapat diambil

keputusan. Bukan sekali, bukan dua kali, malah banyak kali. Sekali datang, dua kali tidak datang. Jadi, macam mana?

Jadi, kalau kita hendak mengemukakan sampai ke peringkat atas, itu tidak berapa sedaplah. Bermakna mereka tidak mempunyai kesedaran. Sebagai kakitangan kerajaan, kita ada etika masing-masing. Ada sasaran tugas tahunan kerja kita. Kita terikat dengan GO, kita terikat dengan pelbagai peraturan dan piagam pelanggannya ada. Jadi, kenapakah ini menjadi perkara yang tidak diambil keutamaan dalam perkhidmatan kita?

Yang lebih mengecewakan ialah sikap, kerana ada di antara sikap kakitangan di jabatan berkenaan yang langsung tidak ambil peduli soal kebersihan masyarakat Orang Asli, soal pendidikan anak-anak Orang Asli, seolah-olah pegawai tidak ada tanggungjawab kepada mutu pendidikan anak-anak Orang Asli. Sepatutnya pegawai ini merancang sesuatu bersama masyarakat Orang Asli, sama ada hendak mengelolakan kelas tambahankah, memberikan pelajaran yang baikkah, cara mana anak-anak sekolah ini dapat meneruskan pendidikan di sekolah tanpa gangguan, kalau tidak ada kereta, ambil mereka, tak dapatlah anak-anak mereka pergi ke sekolah. Jadi, ini masih berlaku. Kadang-kadang perkara ini dikemukakan kepada jabatan, tetapi jabatan mungkin terlepas pandang dan sebagainya.

Yang saya suarakan itu adalah merupakan pengalaman saya. Jadi, saya mintalah, saya tidak mahu hendak membuat aduan sampai ke peringkat atas, sebab merosakkan periuk nasi mereka. Cuma kadang-kadang sebagai pentadbir di peringkat atas, kemungkinan melalui spot check dan sebagainya, maklumat yang boleh diterima, mungkin kementerian ataupun jabatan di peringkat negeri boleh mengambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang menyebut tentang cadangan saya untuk menulis surat kepada Y.B Menteri. Saya memberi cadangan ini kerana dalam tahun yang lepas, dalam mesyuarat Dewan Rakyat begini, Yang Berhormat dari Jelebu pun memberi macam-macam cadangan berkenaan Orang Asli di dalam kawasan beliau.

Jadi, perkara ini pun saya sudah beritahu dengan pegawai ataupun Ketua Pengarah tetapi mereka masih lagi timbul, jadi, itu sebab saya memberi cadangan supaya perkara ini dapat difikirkan dengan mendalam, dan dengan cukup serius kerana saya tahu Yang Berhormat tidak puas hati, jadi, kalau begitu, kalau tidak mahu tulis surat - baiklah. Sekali lagi saya akan bawa perkara ini kepada Y.B. Menteri dan kepada Kementerian. Mungkin pada kali ini, saya harap perkara ini akan dapat dijalankan oleh Kementerian menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Jadi, begitu juga dengan Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah dan Bagan, saya rasa apabila saya melihat cadangan berkenaan Infant Act akan dibubar, saya belum lagi mendengar adanya cadangan yang sebegini, jadi, oleh kerana itu saya akan memberi jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan.

Jadi, sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah dan dari Serdang, keluhan dari kedua-dua Ahli Yang Berhormat dan berkenaan dengan Orang Asli di Puchong, ini belum lagi diwartakan saya akan menyiasat. Berkenaan dengan Orang Asli di Kampung Arang, Sungai Timun, Kampung Bakar Batu, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah mengambil perhatian di atas cadangan ini dan masalah yang dibangkitkan akan

diambil tindakan melalui tindakan bersepadu bersama KPLB untuk menyalurkan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air, api dan jalan seperti yang dibangkitkan.

Tuan Pengerusi, beginilah yang saya dapat memberi penjelasan dan berkenaan dengan perkara Orang Asli ini, saya memang mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana Orang Asli ini memang memerlukan bimbingan, bantuan dan segala-gala infrastruktur yang patut diberikan kepada Orang Asli. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,200,000 untuk Maksud B.42 dan RM1,074,961 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,200,000 untuk Maksud B.42 dan RM1,074,961 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.44 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas. Sipitang.

7.48 mlm.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di bawah Kepala B.44 Kementerian Penerangan khususnya di bawah perkhidmatan penerangan iaitu Butiran 30000 mengenai dengan perkhidmatan luar, sivik dan masyarakat.

Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan dan kerajaan, apakah kedudukan pegawai-pegawai seranta daerah pada masa ini kerana saya melihat kekesanan pegawai-pegawai seranta ini tidak begitu ditonjolkan. Banyak pegawai-pegawai tidak begitu aktif dan ada yang cuma saya rasa mengambil gaji atau elaun bulanan sahaja.

Memandangkan negara kita ingin bergerak maju untuk mencapai negara menjelang tahun 2020 dan persediaan kita untuk memberi maklumat kepada penduduk-penduduk di luar bandar, saya ingin merasakan bahawa kementerian perlu mengkaji bahawa keperluan pegawai-pegawai seranta ini perlu ditekankan terutama sekali bahawa daerah-daerah yang mempunyai banyak kawasan luar bandar yang perlu penerangan khususnya dasar-dasar kerajaan.

Apa yang saya lihat pada masa ini banyak kampung yang terpencil khususnya seperti di kawasan Parlimen saya ada banyak kelompok kampung kecil yang tidak begitu diambil perhatian ataupun sukar untuk mendapat maklumat, apatah lagi bila kawasan itu tidak ada elektrik, tidak ada siaran radio dan juga televisyen.

Saya ingat begitu juga dengan daerah-daerah lain di kawasan di Sarawak dan juga di Semenanjung Malaysia bahawa kawasan-kawasan terpencil ini perlu pegawai-pegawai seranta. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pegawai-pegawai seranta ini dapat diperbanyakkan mengikut zon-zon ataupun daerah dan juga kampung-kampung yang terpencil.

Terdapat beberapa kesukaran mungkin untuk mengenal pasti pegawai-pegawai, ada baiknya pegawai-pegawai seranta ini biarlah mereka yang datang daripada kawasan-kawasan terpencil itu supaya mereka ini dapat diberi bahan-bahan untuk memberi ceramah dan penerangan kepada masyarakat mereka sendiri.

Jadi, ini dijangkakan dapat mempercepatkan proses penyampaian maklumat. Tetapi jangan dibiarkan pegawai seranta ini bergerak bebas begitu sahaja tanpa dimonitor ataupun dikawal selia oleh pegawai penerangan daerah. Jangan dilepas sesuka hati mereka untuk bertugas dan tidak memberi apa-apa maklum balas. Sebaiknya pegawai-pegawai ini diberi tugas-tugas khas dan matlamat apakah yang hendak dicapai dan setelah mereka masuk ke kampung sekian lama misalnya dalam masa seminggu mereka ini perlu dipanggil balik dan diminta apakah yang mereka dapat dan apakah yang mereka telah sampaikan.

Jadi, mereka ini akan sentiasa bekerja, bukan cuma lepas sahaja. Dan juga ada baiknya bahawa Ahli-ahli Dewan Rakyat diberi maklumat ataupun pegawai-pegawai ini dapat berhubung rapat dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun pemimpin-pemimpin khususnya pemimpin Barisan Nasional dan yang lain-lain supaya mereka ini dapat bekerjasama untuk menyampaikan maklumat dasar-dasar kerajaan.

Tuan Pengerusi, satu lagi mengenai latihan yang dibuat oleh Kementerian Penerangan di bawah pendidikan perkhidmatan luar ini, apakah yang telah dibuat mengenai dengan latihan kepada pemimpin-pemimpin masyarakat? Ada baiknya juga saya ingat bahawa ketua-ketua masyarakat diberi latihan cara menyampaikan maklumat

secara berkesan. Kerana apa yang kita lihat banyak pemimpin masyarakat ini memang mempunyai pengaruh di kawasan itu, mungkin jadi ketua kampung, pengerusi JKKK, mungkin juga pemimpin politik yang lain kerana mereka ini disegani tetapi mereka ini tidak dapat menyampaikan maklumat secara berkesan ataupun ada bahan-bahan dan dasar-dasar kerajaan yang perlu disampaikan kepada pengikut-pengikut mereka.

Mereka tidak dapat menyampaikan secara berkesan dan difahami oleh ahli-ahli mereka. Jadi, kalau ini dapat dibuat, saya ingat dapat mengurangkan beban kerajaan. Tetapi soalnya, latihan ini perlu dibanyakkan dan dibuat program-program di peringkat daerah.

Tuan Pengerusi, satu lagi mengenai dengan perkhidmatan Filem Negara, kita di sini ada butiran gaji kita bayar lebih kurang RM325,000, apakah peranan Filem Negara terkini kerana yang kita lihat sekarang ini Filem-filem Negara ini tidak begitu banyak dikeluarkan, tidak seperti dahulu peranan Filem Negara ini adalah membuat filem-filem dan akan disiarkan di kampung-kampung.

Oleh kerana sekarang ini filem-filem ini tidak lagi begitu digemari ramai, saya ingat perkhidmatan Filem Negara patut mengkaji ataupun membuat pembaharuan supaya cara mana yang lebih berkesan untuk menyampaikan maklumat kepada orang awam, orang ramai, tidak cuma mungkin sekarang ini menyimpan filem-filem untuk simpanan Arkib Negara ataupun Muzium, kita perlu cara pendekatan yang baru.

Jadi, saya minta penjelasan daripada kementerian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kementerian menjawab.

7.55 mlm.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sipitang yang telah mengambil bahagian dan membahas Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tamb.) bagi Maksud B.44.

Saya sepenuhnya bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat bahawa pegawai-pegawai penerangan khas (BHEK) mesti diberi kursus dan latihan agar mereka menjadi penyampai maklumat yang lebih berkesan terutama sekali di daerah-daerah apatah lagi dalam usaha kita untuk memasuki satu era baru tahun 2000 dengan teknologi maklumat super koridor yang sedang diusahakan oleh kerajaan tentulah kementerian sendiri mahu bahawa pegawai-pegawai penerangan khas sama ada di daerah terpencil ataupun di seluruh negara termasuk di bandar mesti mempunyai kemampuan yang lebih untuk menjalankan tugas mereka.

Suka saya maklumkan bahawa pegawai penerangan khas ini mempunyai tanggungjawab untuk menjadi 'gate keeper' untuk membentuk pemikiran dan keperibadian masyarakat dan mereka juga telah diperingatkan agar bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin tempatan terutama Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Mereka juga dari semasa ke semasa dimonitor tugas-tugas, di peringkat negeri-negeri, pengarah-pengarah negeri sentiasa mendapat laporan daripada pegawai-pegawai yang saya sebut ini.

Saya kira Ahli Yang Berhormat dari Sipitang tidak perlu memberi confident, dengan izin, keyakinan kepada pegawai-pegawai ini dan mereka saya yakin telah dapat memainkan peranan dari masa ke semasa.

Berkaitan dengan peranan Filem Negara, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa walaupun peranan ini berkurangan tetapi tuntutan terhadap Filem Negara masih diperlukan, fungsi dan penglibatan mereka di dalam menjalankan tugas-tugas menerusi Kementerian Penerangan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM7,000,000 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,000,000 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadua.

Maksud B.45 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas. Bagan.

7.59 mlm.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, negara kita mungkin kini telah menghadapi kemerosotan di bidang elektronik baik pun di lain-lain bidang dan akibatnya banyak kilang telah ditutup dan dalam satu kes penutupan kilang, faedah pekerja-pekerja perlu diambil keutamaan. Kerajaan perlu mengawasi langkah laku yang dilakukan oleh tauke-tauke kilang.

Biasanya mereka akan menutup sebuah kilang dan pada satu masa pula mereka akan membuka balik kilang itu tetapi atas nama yang lain, atas pendaftaran yang lain seperti satu syarikat di Pulau Pinang iaitu Aventag Electronics Malaysia Sendirian Berhad pada masa ini masih berhutang kepada pekerja-pekerjanya sebanyak RM682,995.97. Aventag Electronics ini telah beroperasi semula atas nama Perak International, tetapi tunggakan yang dihutang kepada pekerja walaupun satu perintah telah dikeluarkan oleh Pejabat Buruh di Butterworth masih belum ditunaikan lagi.

Satu lagi kilang Formula Electronics Sendirian Berhad juga ada hutang kepada pekerja-pekerja iaitu gaji dan faedah-faedah penamatan pekerja sebanyak RM465,000. Kedua-dua kes ini sampai sekarang belum lagi diselesaikan dan saya mengambil kesempatan ini bertanya kepada kementerian ada apa-apa hasil dari tuntutan gaji dan faedah penamatan pekerja ini?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, menteri juga ada berkata pada bulan Ogos, 1996 iaitu tahun lepas bahawa Kabinet telah bersetuju tentang satu cadangan iaitu garis panduan sistem rombakan gaji kepada pekerja-pekerja. Saya ingin bertanya di sini sama ada garis

panduan ini telah diumumkan dan bolehkah memberi sedikit sebanyak berkenaan dengan isi kandungannya. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kementerian menjawab.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bagan, Aventag Limited Company Sdn. Bhd ialah satu syarikat dan sebab-sebab pembayaran yang tidak dapat dilaksanakan;

Pertama, syarikat itu muflis. Kedua, harta syarikat yang dilelong tidak cukup untuk membuat pembayaran terhadap dengan izin, unsecured claims, kerana mengikut keutamaan Akta Syarikat 1965, keutamaan pembayaran hutang diberi kepada secured claims, dengan izin, terlebih dahulu. Saman terhadap penghutang dan penghakiman (JDS) tidak dapat diserahkan kepada syarikat-syarikat yang tidak wujud lagi.

Satu tuntutan di bawah seksyen 69, Akta Kerja 1965 telah difailkan pada 4.12.1995. Harta mereka adalah seperti berikut:

Sebanyak RM592, 45.01 - satu perintah persetujuan telah dikeluarkan oleh Mahkamah Butterworth pada 25.1.1996, di mana kedua-dua pihak telah bersetuju sebagai penyelesaian penuh dan muktamad, jumlahnya ialah RM680,975.97 sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi.

Setelah satu salinan perintah Mahkamah Buruh, Borang C dihantar kepada pihak penerima pada 27.1.1996, pihak penerima telah memberi jawapan terhadap keupayaan pihaknya membayar hutang seperti dalam perintah. Mereka memberitahu mengikut peruntukan Akta Syarikat 1965, dengan izin:

“‘Unsecured claims’ hanya boleh dikeluarkan kepada pekerja selepas preferential creditors or secured creditors that the debentures holders, dengan izin, telah dibayar sepenuhnya.”

Walau bagaimanapun mengikut perkiraan mereka harta Aventag hanya cukup untuk membayar ‘secured claims’ sahaja. Oleh itu, untuk ‘unsecured claims’ seperti gaji, ganti notis, faedah penamatan kerja dan sebagainya tidak dapat dibuat pembayaran, kerana mengikut susunan keutamaan seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Syarikat 1965.

Mengenai Sistem Reformasi Gaji, ini sudah dijalankan dan dilaksanakan dan dipersetujui oleh semua pihak majikan dan juga pekerja. Satu garis panduan tersebut akan diserahkan kepada Majlis menggunakannya kepada majikan yang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM16,141,600 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM16,141,600 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1996] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan P.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

[Tiada Pebahasan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM69,741,000 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1996 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM69,741,000 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1996.

Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1996] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

8.05 mlm.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan P.47. Saya ingin tahu secara spesifik mengapakah MAS tidak menyokong penubuhan Akademi Pelatih Kadet Penerbangan tempatan, tetapi menyumbang kepada defisit akaun semasa dengan menghantar kadetnya ke Australia dan

United Kingdom dengan kos sebanyak RM7.2 juta. Dalam tahun 1996 kadet juruterbang MAS dihantar ke Australia dan tidak ada seorang kadet yang dihantar untuk kursus penerbangan di Malaysian Flying Academy (MFA) dan MOFAS Flying Academy.

Saya difahamkan daripada 48 kadet ini 36 orang kadet dihantar ke Presvic, Scotland dan 16 orang kadet ke 'Tamworth', Australia untuk menjalankan latihan memandu kapal terbang dengan kos RM7.2 juta ataupun RM150,000 seorang. Sebagai perbandingan Akademi Latihan Penerbangan tempatan adalah setakat RM120,000 seorang penuntut. Mengapa akademi latihan tempatan yang lebih murah tidak dipilih, sungguhpun mutunya adalah serupa ataupun lebih baik daripada luar negeri.

Seperti yang sedia dimaklumkan oleh pihak kementerian, akademi penerbangan tempatan telah melatih kadet juruterbang dari Sri Lanka, Singapura, Maldives dan Mauritius serta negara-negara asing yang lain. Kalau mutunya tidak baik, macam mana negara-negara asing yakin akan datang ke negara kita di mana jurulatih terdiri daripada bekas pegawai tertinggi dan juga pemandu kapal terbang TUDM. Macam mana negara kita akan mengatasi masalah akaun defisit semasa kalau kita lebih berminat membelanjakannya di luar negara. Langkah sedemikian juga tidak akan menggalakkan perkembangan kepakaran latihan kadet juruterbang tempatan dan menjejaskan kedua-dua akademi penerbangan tempatan yang sedia ada.

Saya ingin tahu mengapa pihak kementerian dan Jabatan Penerbangan Awam meluluskan permohonan MAS menghantarkan kadetnya ke luar negara. Saya juga ingin tahu sebab di belakang peningkatan sewa tanah oleh Malaysia Airport Berhad daripada

RM1,000 sebulan kepada RM5,000 sebulan pada tahun 1996 kepada Malaysian Flying Academy. Apakah rasional pihak kementerian meluluskan penghantaran kadet ini ke luar negara ataupun adakah pihak kementerian tidak tahu tentang perkara ini langsung.

Tuan Pengerusi: Dipersilakan kementerian menjawab.

8.09 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai soalan-soalan yang ditanya di atas penghantaran dua badge juruterbang untuk kadet-kadet juruterbang mendapat latihan di luar negeri.

Pertama sekali ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini, iaitu memang kita mempunyai akademi latihan penerbangan sendiri dan akademi latihan ini telah wujud bukan begitu lama dan mengikut tradisi, kita menghantar kadet juruterbang untuk menjalani latihan di negara-negara tradisi yang kita hantar adalah Scotland dan juga Australia.

Saya memang bersetuju bahawa dua badge yang dihantar ke Scotland dan Australia untuk menerima latihan. Ini tidak bermaksud kita tidak mempunyai keyakinan terhadap akademi latihan penerbangan. Oleh kerana akademi latihan penerbangan di negara kita mula berfungsi dengan baik dan dua kumpulan juruterbang yang dihantar ke negara lain memang mempunyai latihan yang khas supaya mereka dapat menerima latihan yang lebih canggih dari segi memandu pesawat B-747 dan juga B-777. Buat

masa ini kita telah menjalankan segala latihan bagi kadet-kadet kumpulan baru di akademi negara kita. Ini adalah serba sedikit jawapan mengenai perkara ini.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin tahu memandangkan bahawa mutu flight trainers atau aeroplane flight trainers, dengan izin, yang dipakai oleh akademi latihan di Presvic, Scotland adakah sama dengan apa yang dipakai di negara kita. Jadi, saya rasa tidak ada rasional mengapa kita perlu membelanjakan wang yang lebih untuk menghantarkan kadet-kadet kita ke luar negara, sedangkan kita boleh memupuk, menggalakkan dan memberikan insentif supaya wang untuk national carrier, juru-juruterbang akan dilatih oleh akademi latihan. Tuan Pengerusi, ini adalah satu perkara yang amat penting. Kita tidak boleh bergantung kepada national carrier line yang tidak akan menyokong akademi latihan di negara kita. Oleh sebab itu saya rasa tentu ada satu sebab kerana mengapa kementerian meluluskan permohonan mereka untuk menghantarkan kadet ke luar negeri? Kerana di sini B-747 dan B-777 ini tidak berbangkit langsung.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya percaya kita semua setuju iaitu kita mempunyai penuh keyakinan terhadap akademi latihan penerbangan kita. Tetapi jangan kita lupa iaitu juru-juruterbang kita kadang-kadang bukan sahaja dilatih di negara kita, ada pula sesetengahnya dapat diberikan peluang untuk dilatih di luar negeri supaya pengalaman yang diperolehi di luar negeri dapat dicampuraduk, supaya kumpulan-kumpulan yang mendapat latihan di negara kita dan di luar negeri dapat bersama-sama berkongsi pengalaman. Ini adalah maksudnya dan saya percaya tidak ada kerajaan ataupun kementerian yang begitu bodoh untuk menghantar kadet juruterbang ke luar negeri untuk menerima latihan tanpa satu sebab yang munasabah.

Saya ingin memberi jaminan di sini iaitu apa yang kita hantar memang mempunyai faedah dari segi pengalaman, dari segi kecanggihan training sama ada di Scotland ataupun di Australia.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat setuju bahawa kerana keenganan MAS untuk menyokong Akademi Pelatih Kadet Penerbangan

tempatan iaitu MOFAZ yang beroperasi di Langkawi dan MFA yang beroperasi di Melaka telah mengakibatkan MOFAZ Flying Academy mungkin sudah menghadapi kesulitan kewangan dan mungkin ditutup. Bukankah ini merupakan satu tamparan oleh tangan kita sendiri ke atas satu projek tempatan yang saya rasa sangat penting untuk membentuk satu 'core' juruterbang tempatan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, memang saya tidak setuju pandangan oleh Yang Berhormat, cuma saya saya ingin memberitahu di sini iaitu ketidakyakinan terhadap MOFAZ Training Academi di Langkawi, memang tidak timbul langsung. Buat masa ini MAS dengan beberapa organisasi di bawah kementerian sedang mencari jalan macam mana kita hendak meng'upgrade'kan atau meningkatkan keupayaan supaya MOFAZ Training School di Langkawi dapat berfungsi balik. Tetapi buat sementara, mengikut pakar-pakar ataupun mengikut pendapat kementerian, MAS kita harus juga mempunyai kadet juruterbang buat masa ini, kemungkinan lama kelamaan kita akan mempunyai juruterbang yang dilatih dalam negara kita. Tetapi buat masa ini kita dapat menghantar satu-dua atau setengah-setengah ke luar negeri dan ada pula setengah-setengahnya dapat menerima latihan dalam negeri. Ini adalah jawapan saya yang tepat sekali. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM140,881,351 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1996 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM140,881,351 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1996.

Maksud B.48 [Jadual]-

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Kuala Nerus.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]:

Tuan Pengerusi: Jerantua, minta maaf.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed. Baria: Terima kasih Tan Sri Pengerusi, saya ingin membahaskan maksud B.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar khususnya dari segi 030000 FELCRA.

Tan Sri Pengerusi, di kawasan saya kita ada lebih kurang 25,000 ekar kawasan FELCRA dan telah beberapa tahun kawasan-kawasan Felcra ataupun peserta-peserta FELCRA ini ditemuduga. Selepas beberapa tahun maka satu ataupun dua kawasan FELCRA telah pun diambil pesertanya. Malangnya dari segi pemilihan peserta-peserta FELCRA ini ada berlaku ketidakadilan. Kita dapati ada juga peserta di mana suami-isteri dapat menjadi peserta sesuatu kawasan FELCRA. Ada juga di tempat lain saya diberitahu peneroka-peneroka Felda yang telah pun mendapat tanah kawasan Felda telahpun diterima sebagai peserta-peserta FELCRA. Begitu juga dengan peserta-peserta rancangan tanah yang lain yang diusahakan di peringkat persekutuan mahupun di peringkat negeri Pahang yang telahpun dapat menjadi peserta di kawasan-kawasan tertentu diterima juga sebagai peserta-peserta FELCRA. Saya sudah cakap kepada pegawai Felca daerah dan juga satu perjumpaan dengan pegawai FELCRA negeri Pahang, sebelum peserta-peserta ini diumumkan menjadi peserta FELCRA, kalau boleh saya hendak tengok senarai itu dahulu. Oleh kerana kita mendapat maklumbalas daripada ramai pihak sama ada daripada penghulu, ketua UMNO Cawangan, Ketua Kampung dan sebagainya, dan kita dapati ada

di antara mereka yang dapat menjadi peserta-peserta FELCRA ini tidak menyatakan sebetul-betulnya apa yang seharusnya dinyatakan di dalam borang FELCRA.

Jadi, saya sebagai Ahli Parlimen dapat feedback ini daripada pihak-pihak yang lain yang ditemuduga ataupun lain-lain dapat maklumat. Maka kita dapat screen, kita dapat tengok senarai tersebut dan kita boleh nyatakan bahawa sipolan, sipolan ini telahpun mendapat rancangan Felda iaitu suami kepada yang ini dan sebagainya. Jadi kita boleh bagi maklumat secara terperinci, saya berharap pada FELCRA dengan adanya pegawai-pegawai di peringkat bawahan supaya lebih terperinci dari segi menemuduga dan seterusnya menentukan senarai peserta-peserta FELCRA, sebab ia menjadi bahan politik di kawasan saya, oleh kerana banyak sekali kawasan-kawasan FELCRA di Jerantut.

Selain daripada itu Tan Sri Pengerusi, dari segi pembangunan sumber manusia - dewasa. Saya berharap juga kepada Kementerian khususnya di rancangan-rancangan seperti rancangan tanah berkelompok Risda, FELCRA, saya berharap mereka ini seperti yang saya sebutkan dalam tahun 1995 semasa debat belanjawan supaya peserta-peserta rancangan tanah ini dapat diberikan kemahiran selain daripada hanya mengusahakan tanah. Dia seharusnya diberikan kemahiran supaya anak mereka, generasi yang kedua di rancangan tersebut tidak menumpukan segala mata pencariannya kepada tanah yang ada. Kita dapati bahawa, apabila anak mereka besar, menjadi dewasa, mereka juga hendak mencari pendapatan daripada tanah 5, 6 ekar, 7, 8 ekar yang ada, oleh kerana mereka tidak mempunyai kemahiran yang lain. Jadi saya berharap kepada kementerian memikirkan dari segi pembangunan sumber manusia ini dan lebih penting pada saya

mempastikan pengagihan tanah-tanah FELCRA ataupun kawasan-kawasan FELCRA dan lot-lot FELCRA ini dapat dijalankan dengan seadil-adilnya. Terima kasih Tan Sri Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Jelebu.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Terima kasih Tan Sri Pengerusi, suka saya menyentuh Maksud B.48 - 020000 dan juga 030000 secara sekali gus. Tan Sri Pengerusi, saya hendak menyentuh tentang peranan Kemas. Terlebih dahulu kita hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah memberikan satu skim yang baru kepada kakitangan Kemas ini dan apa yang kita harapkan ialah kakitangan Kemas yang telah diberikan tugas dan tanggungjawab ini akan dapat menjalankan tugas dengan sebaik mungkin dan pihak kementerian, jabatan peringkat negeri haruslah sekali-sekali mengambil sikap ingin tahu apa yang dibuat oleh kakitangan diperingkata bawahan kerana Tan Sri Pengerusi, terdapat pemasalah-pemasalah dalaman di dalam pejabat Kemas ini di antara sesama kakitangan. Yang kanannya orang kata tidak joint dengan kakitangan di tingkatan biasa dan sebagainya.

Suka juga saya menyatakan bahawa kekosongan yang ada di kalangan penyelia-penyelia Kemas ini hendaklah diisi. Kita telah menyuarakan banyak kali di dalam Dewan ini tetapi mengapakah benda ini berlarutan sampai dua tiga tahun masih tidak diisi sedangkan tugas dan tanggungjawab itu banyak yang perlu dibuat. Terdapat di antara penyelia-penyelia Kemas dikawasan-kawasan tidak juga diisi menjelang beberapa tahun sedangkan tugas dan tanggungjawab itu banyak perkara yang harus dilaksanakan. Kita

dalam proses mewujudkan kampung tradisional, sebagai kampung yang menarik, maju dan menguntungkan atau gerakan desa wawasan.

Ada di antara penyelia itu tidak ada di kawasan ataupun kampung yang dikenalpasti. Bagaimanakah hasrat ini dapat kita laksanakan, di samping itu Tan Sri Pengerusi, peranan ketua kepada penyelia ini haruslah lebih menyeluruh, jangan mereka ini seolah-olah sebagai pemecah kepada perpaduan yang ada. Kena diteliti apakah sebenarnya tugas mereka. Saya berkeyakinan, apabila mereka ini telah diberikan kursus, latihan, pengetahuan dan sebagainya tentunya akan boleh menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cara yang betul berdasarkan kepada senarai tugas masing-masing selaras dengan sasaran kerja tahunan mereka, kepada piagam pelanggan mereka kepada objektif penubuhan bahagian mereka. Jadi kalaulah tugas mereka lebih menumpukan kepada soal-soal kepentingan peribadi, kepada soal-soal pertubuhan belia yang mereka duduki kepada soal-soal perjawatan di dalam parti yang mereka duduki, jadi ini sudah tidak betul, maknanya mengutamakan kepentingan peribadi daripada tugas hakiki yang sebenarnya.

Jadi saya memohon dengan imbuhan pembayaran gaji yang melintang, menegak ini yang masing-masing perolehi akan dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Jangan pula dengan kejayaan yang telah diberikan di atas penilaian yang dibuat itu untuk kita hendak menganiya orang lain. Jadi Tan Sri Pengerusi, saya mahu supaya sekurang-kurangnya mereka ini akan lebih menghormati arahan daripada peringkat atas. Kalau Pengarah memberikan arahan itu, kena ikutlah, janganlah buat cerita sendiri sahaja yang

lebih mementing kepada soal peribadi, soal masing-masing dan melihat kepada seseorang tokoh sahaja dalam satu kawasan itu sedangkan mereka sepatutnya melayani semua golongan, semua pemimpin ataupun semua pihak termasuk ketua-ketua jabatan yang ada. Dan janganlah mereka mengambil sikap yang tidak mahu bercampur orang, hanya bercampur puak-puak atau golongan yang tertentu sahaja. Kita kena 'flexible' sedikit, kita kena rasional dan kita kena mengambil sikap terbuka, jangan mudah untuk dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Di samping itu Tan Sri Pengerusi, peranan penyelia-penyelia ini juga haruslah memberikan nasihat dan juga tunjuk ajar kepada kakitangan di bawah, mengenalpasti program-program yang boleh dibuat. Kalau program itu, ataupun sesuatu projek itu telah dibuat, haruslah diteruskan, bukan yang telah berjaya ataupun yang telah ada dibekalkan mesin dan sebagainya, ada kakitangan, ada pelajarnya macam kelas menjahit dan sebagainya, ditutup dan dipindah ke tempat lain tanpa dirundingkan dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab, ketua kampung ataupun wakil-wakil rakyat yang ada umpamanya. Jadi keputusan ini haruslah dibuat secara kolektif, jangan ikut kepala sendiri sahaja, kena rujuk kepada mereka yang berkenaan. Inilah yang saya nyatakan supaya etika kakitangan itu harus diikuti, kita terikat dengan GO dan sebagainya dan di samping itu Tan Sri Pengerusi, saya berterima kasih setakat ini nampaknya kakitangan Kemas ini dapat menjalankan tugas dengan cara yang baik walaupun ada beberapa golongan ataupun pihak yang tidak dapat menyesuaikan tugas dengan keadaan.

Tan Sri Pengerusi, satu perkara lagi saya ingin menyentuh tentang peranan FELCRA di bawah 030000 dan kita berterima kasih di atas peruntukan yang disalurkan kepada FELCRA-FELCRA yang ada di Jelevu umpamanya dan di Negeri Sembilan. Tanpa sokongan daripada kementerian, saya tidak yakin masalah prasarana yang telah dirancangkan itu akan dapat dibuat. Di samping itu saya ingin menyentuh tentang program pembangunan infrasarana yang sepatutnya dibuat di FELCRA Kampung Esuk itu sepatutnya telah lama siap tetapi ada di antaranya mengambil masa 3 bulan, 4 bulan, 5 bulan satu jambatan pun tidak boleh buat, peruntukannya telah ada, tender sudah dipanggil tetapi sudah dibuka, dipanggil pula balik. Jadi saya pun tidak tahu apa silapnya FELCRA ini dan saya merayu supaya jambatan yang dimaksudkan dengan peruntukan yang telah ada itu dapat dilaksanakan dengan segera kerana ini menjadi faktor penghubung antara masyarakat yang menjadi petugas untuk mengusahakan torehan getah di kawasan FELCRA itu dapat membawa hasil mereka keluar. Jadi saya tidak tahulah macam mana kerana di samping itu jambatan itu juga menjadikan penghubung dan laluan utama kepada masyarakat Orang Asli yang tinggal di dalam kawasan FELCRA itu sebagai kakitangan dan juga penoreh getah, disamping kakitangan-kakitangan yang lain ataupun pekerja-pekerja yang lain yang dibawa oleh kontrak-kontrak yang berkenaan.

Saya berharap, oleh kerana getah-getah ini telah diberikan secara sahamnya kepada peserta, tetapi kadang-kadang peserta itu tidak kenal mana satu getah dia, mana satu hak dia, tetapi apa yang terlihat ialah torehan itu terlalu buruk kualitinya, mutunya, sehinggakan dalam tempoh yang terdekat, sepatutnya pokok itu tidak ditebang semula

sudah hampir ditebang semula, sepatutnya mengikut perancangannya tidak begitu, masih banyak pelan yang boleh ditoreh ataupun kulit yang boleh digunakan, tetapi dengan kualiti torehan yang tidak begitu baik, oleh pekerja-pekerja yang didatangkan secara kontrak ini mungkin tanpa latihan dan bimbingan yang sebetulnya maka pokok-pokok ini sudah terlalu buruk keadaannya.

Di samping itu Tan Sri Pengerusi seperkara lagi ialah tentang sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut tadi, saya bersetuju dan saya memohon supaya FELCRA ini mengutamakan calon-calon peserta yang telah ditemuduga yang berdasarkan kepada masyarakat yang dikenalpasti oleh pemimpin. Kalau sesuatu FELCRA itu dibuka di dalam kampung yang berdekatan dan peserta itu dibuka kepada masyarakat yang ada di persekitaran, mereka itu haruslah diberi keutamaan, bukan kita bawa peserta daripada luar yang tidak tahu hujung pangkal penderitaan masyarakat persekitaran yang berkenaan. Jadi mereka memohon untuk menjadi peserta dan haruslah diberikan keutamaan kepada penduduk yang berada di dalam kawasan persekitaran FELCRA itu dibuka.

Jadi inilah saranan saya dan saya berharap, keseluruhan sekim FELCRA yang ada di Jelebu itu akan dapat dipercepatkan pengisian pesertanya demi untuk memberikan faedah kepada masyarakat yang ada dan tambahan pula sekim itu telah lama berjalan dan hasil telahpun banyak keluar dan dengan itu saya ucapkan terima kasih dan mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Kementerian menjawab.

8.30 mlm.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Jerantut dan juga Jelebu.

Berkenaan dengan temuduga FELCRA, temuduga ini dipengerusikan oleh pegawai daerah. Kuasa temuduga dan menetapkan pemilihan peserta adalah di tangan kerajaan negeri, walaupun wakil daripada kementerian saya ada dalam jawatankuasa temuduga ini, oleh sebab itu peserta-peserta dipilih dan lain-lain iaitu isteri dan suami dapat jadi peserta itu terpulang kepada - ini bukan kesalahan kementerian saya tetapi ini orang tempatan, dia duduk sebagai pengerusi jawatankuasa dan hak keputusan adalah dibuat oleh kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, saya menerima cadangan Yang Berhormat pada masa akan datang kita boleh cadangkan kepada pihak jawatankuasa yang memilih peserta ini beri peluang kepada wakil rakyat tempatan untuk duduk dalam jawatankuasa.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Pengerusi, saya faham dari segi prosesnya, maknanya pegawai yang terlibat iaitu kuasa kerajaan negeri itu saya faham. Masalahnya, kalau kita hendak beri FELCRA, kita hendak beri kepada mereka yang betul-betul miskin, mereka yang memerlukan pembelaan dan mereka ini ramai. Kalau kita hendak beri isterinya, suaminya, anaknya, maka kita ada tiga tempat dua tempat sudah rugi - orang lain tidak dapat. Sebagai contoh, berikan senarai kepada ADUN kawasan ataupun berikan kepada Ahli Parlimen, kita boleh go through the list dan

kita tengok sama ada mereka ini suami isteri dan - beri masa sedikitlah, takkan bagi pada pagi ini petang hendak, kita boleh selidik dengan lebih baik supaya ada keadilan dari segi pemberian dan perkara ini saya bincang dengan pegawai FELCRA di peringkat negeri tetapi malangnya dia telah pun bertukar daripada negeri Pahang.

Jadi, kita minta itu sahaja untuk keadilan supaya jangan dipolitikkan isu ini. Ada sipolan dapat yang ini tidak dapat padahal keadaannya sama, itu sahaja yang saya pohon, terima kasih.

Dato' K. Kumaran: Latar belakang peserta ini diputuskan oleh pegawai daerah, oleh sebab itu saya cadangkan bahawa dalam jawatankuasa ini, wakil rakyat boleh duduk sebab senang lagi boleh tapiskan permohonan-permohonan itu. Saya boleh cadangkan dan berkaitan dengan - saya habiskan dahulu perkara ini - berkaitan dengan yellow book, tentang tender itu. Saya siasatlah, saya tidak tahu memberi satu jawapan mengenai dengan kelewatan jambatan itu dan selain daripada itu pada petang ini saya telah membentangkan satu akta untuk mengkorporatkan FELCRA ini. Apabila kita mengkorporatkan FELCRA ini, maka bukan juga peserta-peserta akan mendapat pendapatan berlipat ganda tetapi kita boleh mengemaskini pentadbiran FELCRA ini. Apabila Dato' Menteri akan bentangkan akta ini bacaan kedua, maka Ahli-ahli Yang Berhormat boleh kemukakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan.

Berkaitan dengan penyelia kemas. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Jelebu. Penyelia Kemas ini adalah telinga dan mata di akar umbi kepada kerajaan. Oleh sebab itu saya dapat juga banyak penyelewengan berlaku di kampung-

kampung ini. Mereka tidak menjalankan tugas mereka, mereka main politik sepenuh masa ada juga. Saya pun telah terima banyak aduan tentang perkara ini. Oleh sebab itu, pada masa dahulu mereka dilantik dan digajikan terus oleh kementerian saya, pada masa kini mereka dilantik oleh SPA di mana mereka ada peraturan-peraturan tertentu mesti mereka ikut.

Selain daripada itu, kementerian juga mempunyai rancangan-rancangan untuk melatih mereka dalam satu Institusi Kemahiran di Bangi di masa depan. Apabila mereka dapat latihan, mereka akan menjadi penyelia yang berguna dan saya juga bersetuju dengan - ada juga penyelia-penyelia *devide and role*, dengan izin. Mereka pecah belahkan penduduk kampung, dia bagi pihak satu persatuan, itu saya setuju semua. Perkara ini kerajaan telah meneliti sekarang dan akan memperbaiki keadaan tidak beberapa lama lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ah, faham ya? *[Ketawa]* Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM18,677,620 untuk maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM18,677,620 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.49 [Jadual] -
Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4)1996] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.49 dan P.49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

8.41 mlm.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.49 di mana saya tertarik dengan permohonan peruntukan tambahan sebanyak RM491,000 untuk membiayai kos menjalan kajian gangguan bekalan elektrik yang berlaku pada 3hb. Ogos 1996. Di sini, saya ingin bertanya adakah keadaan telah bertambah baik selepas gangguan bekalan elektrik secara besar-besaran yang berlaku pada masa itu kerana sungguhpun Tenaga telah diambil alih oleh pengurusan yang baru, saya rasa dari segi akar umbi keadaan tidak bertambah baik. Masih berlaku gangguan bekalan elektrik yang boleh dianggap kerap di pelbagai tempat, contohnya di kawasan saya.

Saya ingin bertanya perkara ini kerana Tenaga pernah menyatakan bahawa mereka akan membuat satu laporan kepada pihak pengurusan teratas setiap hari tentang tempoh dan kekerapan gangguan bekalan elektrik berlaku. Bolehkah saya tahu, apakah tempoh kekerapan dari segi hari atau jam gangguan bekalan elektrik berlaku dan juga dari segi kekerapannya setiap hari, adakah ia bertambah baik tahun ini berbanding dengan tahun yang lepas.

Dan pada masa yang sama, adakah pihak kementerian sedar bahawa di kawasan Parlimen saya Kota Melaka dan juga di bandaraya Melaka masih terdapat gangguan bekalan elektrik dan saya tidak tahu sama ada ini berpunca daripada pengagihan (distribution) atau berpunca daripada kontrak-kontrak atau pembinaan atau kerja-kerja yang sedang dijalankan di mana kabel mungkin terputus oleh kerja-kerja tersebut sama

ada tersentuh sedikit tetapi enam bulan kemudian bekalan elektrik terputus. Tetapi, saya rasa pihak kementerian mesti ada satu rancangan yang jelas untuk mengatasi perkara ini. Kita tidak boleh selama-lamanya menyalahkan kontraktor-kontraktor atau pemaju-pemaju kerana kalau mereka melakukan kesalahan tersebut, mereka haruslah dihukum dan saya rasa kegagalan tindakan diambil untuk mereka yang bertanggungjawab ke atas gangguan bekalan elektrik tidak akan mengatasi masalah bekalan elektrik.

Pada masa yang sama sebagai kementerian yang bertanggungjawab ke atas MSC, pernah dinyatakan bahawa pihak kementerian akan melaksanakan “no dig, no hack policy” untuk menjayakan MSC. Kalau perkara yang asas ini tidak boleh diatasi seperti yang saya syorkan tadi tentang kajian gangguan bekalan elektrik, saya tidak tahu macam mana kita boleh menjayakan MSC. Kerap kali kita tengok apabila satu projek jalan raya disiapkan, mungkin enam bulan kemudian ia akan digali semula sama ada untuk meletakkan kabel elektrik ataupun telefon dan saya rasa kalau amalan ini masih berterusan, sungguhpun kita telah merdeka, saya rasa hampir 40 tahun, saya rasa “no dig, no hack policy” akan menjadi satu impian yang tidak akan terlaksana.

Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya rasa selagi kerajaan tidak ada satu matlamat jangka panjang yang jelas, tegas dan terang, tidak ada dasar telekomunikasi pun, tidak ada pelan induk telekomunikasi saya rasa “no dig, no hack policy” akan terus menjadi “digging and hacking policy” dan saya rasa “dig and hack policy” yang menjadi amalan selama ini, saya rasa adalah satu budaya di semua pihak kementerian dan sebagai

kementerian di mana “dig and hack” ini selalu berlaku selepas sesuatu jalan raya atau sesuatu projek siap.

Pihak kementerian memainkan peranan yang amat penting sebagai satu penyelia dan penyelar. Kegagalan pihak kementerian menyelar semua perkara ini, saya rasa adalah satu kelemahan yang amat ketara dan di sini saya ingin mendapat sedikit maklum balas daripada pihak kementerian macam mana masalah ini boleh diatasi.

Di samping itu, saya juga ingin bertanya tentang manfaat yang diberikan oleh kakitangan-kakitangan yang bekerja di Tenaga dan juga Telekom dari segi ESOS yang ditawarkan kepada mereka, adakah pihak kementerian merasa ini adalah adil kepada pekerja-pekerja kerana sungguhpun ada pelarasan gaji dan imbuhan, saya rasa ini adalah satu jumlah yang agak kecil kalau berbanding dengan ESOS yang mereka boleh perolehi dan pada masa yang sama apabila Tenaga dan Telekom ingin membuat “restructuring, - down sizing” - mereka telah dengan secara tidak langsung menawarkan pekerja-pekerja tersebut untuk meletakkan jawatan dengan pelbagai manfaat dan faedah tetapi ini merupakan satu usaha memaksa mereka meletak jawatan kerana kalau tidak jika ditawarkan akan memindahkan mereka ke tempat-tempat lain di kawasan pedalaman yang jauh daripada tempat kerja asal mereka.

Oleh sebab itu, adakah pihak kementerian peka dan sedar tentang masalah ini kerana sebilangan pekerja yang tidak tahu sama ada untuk menerima atau tidak tawaran meletak jawatan atau berhenti kerja dengan Tenaga dan kalau perkara ini tidak diatasi, adalah dikhuatiri mereka akan menjadi mangsa dan saya rasa ini adalah berlawanan dengan prinsip penswastan kerana sungguhpun kita perlukan “down sizing” tetapi dengan era MSC kita perlu melatih mereka supaya dapat memenuhi aspirasi MSC.

Sebenarnya saya rasa Tenaga dan Telekom patut faham bahawa “down sizing” semata-mata bukanlah matlamat akhir kerana apa yang mereka perlu amalkan ialah “right sizing” bukan semata-mata “down sizing”. Kadangkala kita perlu tambah pekerja dan pada masa yang lain kita patut kurangkan mereka, bukanlah setakat mengurangkan pekerja sahaja kerana ini, saya rasa hanya untuk mengurangkan kos semata-mata tanpa meningkatkan produktiviti badan-badan yang sudah diswastakan dan sepanjang masa ini, saya hendak tahu apakah peningkatan produktiviti oleh Tenaga, Telekom dan Pos Malaysia selepas mereka diswastakan? Adakah dari segi produktiviti sudah meningkat dan kalau tidak adakah ini menunjukkan bahawa penswastakan sudah gagal mencapai sebahagian besar daripada matlamat mereka? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Sipitang.

8.44 mlm.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian sedikit di bawah pecahan Kepala ini, iaitu mengenai bekalan elektrik di kawasan saya iaitu di Parlimen Sipitang yang mana sering berlaku bekalan elektrik di situ, yang dikatakan, kurang kuasa, dengan izin, under power. Bekalan elektrik yang datang daripada generator dari pekan Sipitang tidak pula selalu mengalami kerosakan ataupun under power tetapi bekalan elektrik yang datang daripada sistem hidro Pangi, ini selalu underpower yang mana lampu, kalau lampu jenis putih kalimantang selalunya tidak boleh menyala tetapi kalau lampu jenis bulat, ia menyala tetapi merah sedikit sahaja, tidak boleh menerangkan rumah.

[Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Ini berlaku berjam-jam, kadang-kadang sampai satu hari suntuk. Jadi, akibat daripada kerosakan ataupun under power ini maka banyak rumah yang tidak mendapat lampu dan banyak aduan daripada orang ramai bahawa terdapat kerosakan alat-alat

elektrik mereka, misalnya peti ais, komputer, televisyen dan lain-lain alat elektrik apabila mereka gunakan, ia tidak cukup kuasa ini.

Jadi, masalah di sini timbul apakah mereka ini perlu meminta ganti rugi daripada Lembaga Letrik Sabah khususnya ataupun Jabatan Tenaga ataupun kementerian apabila peralatan mereka yang rosak akibat daripada under power ini. Jadi, saya mohon penjelasan daripada kementerian apakah langkah-langkah yang diambil untuk membetulkan keadaan ini dan bagaimanakah ini boleh berlaku? Jadi, seolah-olah kuasa itu susut dalam perjalanan sebelum sampai ke rumah. Ini teknikalnya saya tidak begitu faham.

Yang kedua, mengenai dengan kerosakan sistem talian elektrik ataupun cut of power akibat daripada bila sedikit sahaja hujan lebat, sedikit sahaja angin, bencana alam, selalu bekalan elektrik ini terputus dan ini lama masanya. Saya ingin minta penjelasan daripada kementerian, apakah sistem kawal selia ataupun sistem pembaik pulih ini dapat diperbetulkan secepat mungkin kerana selalunya lama. Bila kita bertanya kepada pegawai elektrik, dia kata, sistem pemutusan yang sensitif. Bila ada sedikit sahaja bencana, dia putus secara automatik, jadi ini perlu mengambil masa. Jadi, kalau boleh janganlah terlalu sensitif sehingga ada kerosakan sedikit pun putus. Jadi, ini yang menyebabkan terputusnya bekalan elektrik terlalu kerap.

Begitu juga dengan sistem talian telefon, Tuan Pengerusi, selalunya ada kerosakan oleh kerana banjir, tiangnya patah oleh kerana ribut ataupun kerosakan-kerosakan lain, selalunya lambat diperbaiki, khususnya di rumah-rumah. Bila kita beritahu kepada

Jabatan Telekom ataupun Syarikat Telekom, dia lambat membaiki, tetapi sewa sama juga. Kalau lambat baiki, sepatutnya sewa dipotonglah, berapa hari dia tidak dibaiki, satu bulan misalnya RM17, kena potonglah, kalau 5 hari, 5 harilah tidak payah bayar sewa kerana telefon ini tidak boleh digunakan.

Begitu juga dengan pondok-pondok telefon di mana pondok-pondok telefon ini bila saya cuba gunakan satu, dua pondok telefon di kawasan luar bandar khususnya, selalu rosak. Bila kita angkat gagang telefon, dia tulis di situ, 'panggilan kecemasan sahaja' sedangkan kadang-kadang kita perlu membuat panggilan untuk perkara-perkara yang penting. Jadi, ini menimbulkan kemarahan, khususnya belia-belia bila dia ada temu janji mungkin dengan girl friend dia, dengan boy friend dia, tiba-tiba telefon 'panggilan kecemasan sahaja'. Ini menimbulkan kemarahan dan terus disentak telefon. Selalunya mula-mula bila duit dimasukkan dan tidak keluar semula, dia pukul telefon; bila duit tidak keluar, dia tumbuk telefon. Bila tumbuk telefon dan duit tak keluar, dia putuskan talian telefon, dia kata, "apa guna ada telefon kalau telefon tidak boleh pakai?" Jadi, kita mintalah pihak kementerian khususnya Telekom untuk membuat rondaan secepat mungkin. Mungkin di kawasan itu sehari dua kali atau dua hari sekali atau tiga hari sekali untuk melihat keadaan pondok-pondok telefon di luar bandar.....

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Jelebu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan saranan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat dari Sipitang. Saya ingin bertanya apakah ada cadangan Yang Berhormat untuk mencadangkan kepada kementerian agar masalah pembaikan kerosakan-kerosakan ini dapat dibaiki dalam tempoh yang singkat dengan adanya pejabat-pejabat telekom di daerah-daerah kerana terdapat sekarang ini antara dua daerah dan kadang-kadang tiga daerah di bawah pengawasan satu pejabat. Jadi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya Telekom mewujudkan pejabat-pejabat mereka di setiap daerah di negara kita ini?

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat dari Jelebu. Saya memang bersetuju di atas cadangan beliau supaya kalau boleh tiap-tiap daerah ada sistem ataupun kemudahan untuk memperbaiki telefon ini dan jikalau boleh lagi, ada perkhidmatan 24 jam. Kalau pegawai-pegawai telekom tidak boleh standby 24 jam, mungkin diswastakan kepada kontraktor tertentu atau mekanik tertentu yang boleh dipanggil supaya telefon yang rosak ini dapat diperbaiki dengan cepat. Jadi, ini dapat membantu supaya telefon-telefon di luar bandar ini baik. Kerana kalau perkhidmatan telefon itu baik, dia bukan dipanggil 'free', dia guna, dia pakai dan dia ada bil. Jadi, ini juga akan menambah pendapatan telekom. Kalau lama telefon tidak dipakai, maka lamalah tidak ada duit masuk.

Jadi, saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Mersing dahulu.

8.50 mlm.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang hendak saya sentuh, terutamanya berkenaan dengan elektrik. Sejak akhir-akhir ini saya lihat selalu berlaku gangguan bekalan elektrik di Mersing, khususnya di Endau dan di kawasan Mersing itu sendiri. Kadang-kadang berlaku gangguan hingga 3, 4 jam, nasib baiklah tidaklah lama sangat seperti apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat dari Sipitang sebentar tadi.

Keadaan ini sudah berlarutan begitu lama dan saya juga pernah bawa perkara ini pada peringkat mesyuarat pembangunan, tetapi tidak banyak perubahan yang berlaku. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah puncanya berlaku keadaan ini dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian? Kerana saya difahamkan pentadbiran TNB Mersing diletak di bawah pentadbiran TNB Kluang. Jadi, kalaulah berlaku kerosakan bekalan elektrik di Mersing, pihak TNB Mersing terpaksa merujuk perkara ini kepada TNB Kluang dan jarak di antara Mersing dengan Kluang lebih kurang 106 kilometer. Jadi, kalau kita terpaksa rujuk kepada TNB Kluang untuk mendapatkan juruteknik, kalau juruteknik hendak datang ke Mersing sekurang-kurangnya dia mengambil masa satu jam setengah. Hendak cari juruteknik, satu hal lagi. Jadi, sekurang-kurangnya makna dua hingga tiga jam barulah kita dapat juruteknik, dan selepas itu datang ke Mersing hendak cari masalah yang dihadapi oleh TNB.

Saya difahamkan bahawa TNB merancang untuk memisahkan pentadbiran TNB Kluang dengan Mersing. Saya tidak pasti bila, tetapi saya berharap proses ini akan dapat

dijalankan secepat yang mungkin kerana pada masa ini kita di Mersing terdapat sebuah kawasan industri yang hendak dibangunkan oleh pihak SEDC Johor ataupun Perbadanan Johor dan tapak ini belum fully operational. Jadi, kalaulah belum beroperasi, Mersing sudah menghadapi masalah kekurangan bekalan elektrik dan ini kalaulah dioperasi kemudian hari besok, tentulah masalah ini akan lebih berat. Bukanlah senang untuk membawa pelabur datang ke Mersing memandangkan keadaan yang jauh dan kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, ia juga berkaitan dengan bekalan elektrik di Tenggaroh. Penduduk FELDA Tenggaroh telah dijanjikan beberapa kali tentang kemudahan bekalan elektrik ini dan seingat saya bulan Jun 1996 mereka telah dijanjikan dengan bekalan elektrik. Dan satu lagi janji diberikan pada 1.1.1997, tetapi kedua-dua janji ini tidak dapat disempurnakan dan khabarnya pada bulan Jun ,1997 ini. Jadi, saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak kementerian sama ada janji ini akan dapat ditunaikan atau tidak, sebab kita sebenarnya tidak tahu apa sebenarnya berlaku dengan kerja-kerja yang dijalankan oleh TNB kerana TNB tidak menghubungi pihak ADUN ataupun pihak Ahli Parlimen.

Selain daripada itu, berkenaan dengan bekalan telefon, saya juga hendak tahu oleh kerana FELDA Tenggaroh ini akan memperolehi bekalan elektrik, jadi bilakah kawasan ini akan dibekalkan dengan talian telefon ke rumah, sebab kawasan ini adalah besar dan agak jauh juga dari Mersing dan tanpa kemudahan telefon sudah tentulah sukar bagi wakil rakyat khususnya untuk menghubungi penduduk di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara berkenaan dengan telefon juga, ini di Endau, di satu kawasan atau tempat dipanggil Triang. Saya ingat kawasan tradisi ini telah wujud sejak saya kecil lagi, tetapi baru ini saya dapati kawasan ini daripada Sekolah Kebangsaan Triang hinggalah ke kawasan penyambung berhampiran dengan pantai masih tidak dibekal dengan talian telefon ke rumah. Saya tidak tahu fasal apa, tetapi kalau hendak dibandingkan orang kawasan ini dengan kawasan baru seperti FELDA di Nita, mereka baru sahaja tinggal di kawasan Nita lebih kurang 8 tahun, tetapi mereka telah dibekalkan dengan perkhidmatan telefon ke rumah. Jadi, saya harap pihak kementerian buat sedikit penyiasatan berkenaan hal ini kenapa dan saya harap juga bilakah kemudahan ini akan disediakan bagi penduduk di kawasan tersebut.

Begitu juga dengan penempatan telefon solar. Bagi tempat-tempat yang tidak mempunyai talian telefon, pihak TNB menyediakan perkhidmatan telefon menggunakan solar tetapi perkhidmatan ini selalu rosak, khususnya di kawasan pulau-pulau. Ini susah sedikit kalau hendak pergi selalu. Yang Berhormat dari Tanjong Karang beritahu saya kena pergi ke situlah, tetapi bukan senang. Kalau hendak pergi ke sana naik bot, tiga, empat jam, bukan boleh naik kereta. Jadi, kalau telefon ini rosak, kita susah hendak menghubungi mereka dan begitu juga sebaliknya. Kalau berlaku kematian ataupun hal-hal yang memerlukan mereka berhubung dengan kita, amatlah sukar.

Jadi, saya harap pihak kementerian akan melihat perkara ini dan menentukan supaya maintenance ini sentiasa dijalankan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang, dan selepas ini kementerian menjawab.

8.58 mlm.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan perbekalan Maksud B.49. Saya hendak menyentuh dua perkara sahaja. Yang pertama mengenai tiang elektrik

Tuan Pengerusi, kalau kita pergi ke beberapa tempat di Tanjong Karang, kita rasa hairan kerana tiang elektrik ini berada di tengah-tengah jalan. Perkara ini berlaku kerana semasa tiang elektrik itu dibuat, jalannya kecil ataupun jalan JPS ataupun jalan PLB. Tetapi apabila jalan ini dilebarkan, maka terjadilah tiang-tiang elektrik ini letaknya di tengah-tengah jalan. Saya difahamkan oleh pihak TEN di Kuala Selangor bahawa memang tidak ada peruntukan disediakan untuk mengubah tiang-tiang elektrik ini. Kalau benar perkara ini berlaku, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, sampai bila tiang elektrik ini hendak berada di tengah-tengah jalan? Saya khawatir kalau perkara ini boleh berlaku kemalangan di waktu tengah malam orang memandu kereta ataupun motosikal kalau tidak diletakkan papan tanda (signboard) yang begitu terang, mereka boleh melanggar tiang-tiang elektrik ini.

Begitu juga di kawasan sawah padi menyebabkan mesin-mesin padi yang dahulunya pesawah di Tanjong Karang tidak guna mesin padi, sekarang sudah mengguna mesin-mesin padi, maka mengganggu perjalanan mesin-mesin padi ini dan menyebabkan perjalanan menuai padi di Tanjong Karang ini kurang selesa. Itu yang pertama.

Yang kedua, mengenai tiang elektrik juga, saya mengucapkan terima kasih kepada TNB Kuala Selangor menggantikan tiang-tiang elektrik di tepi-tepi jalan dengan tiang-

tiang simen. Tetapi malangnya tiang-tiang elektrik yang masuk ke rumah-rumah masih lagi menggunakan tiang-tiang kayu. Di Tanjong Karang sudah pernah berlaku di mana seorang pelajar mati dihempap oleh tiang telefon, kerana tiang itu patah, dan kebetulan dia lalu di bawah tiang telefon, maka tertindih tiang telefon dan dia pun meninggal. Saya sudah bangkit perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini. Saya difahamkan sehingga sekarang kes ini pun belum selesai. Orangnya sudahlah miskin, tunggu pampasan daripada pihak Telekom, sampai sekarang masih belum dapat lagi pampasan tersebut.

Jadi, kalau masalah ini tidak boleh diatasi, kita kluatir makin ramai lagi mangsa-mangsa di Tanjong Karang kena hempap tiang elektrik pula. Jadi, kita harap dapat perhatian daripada pihak kementerian.

Yang ketiganya ialah mengenai talian telefon. Setakat ini saya berpuas hati dengan kerjasama yang diberi oleh pihak pengurusan Telekom daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Walau bagaimanapun, di kawasan saya dan saya percaya juga di mana-mana kawasan, telefon pada hari ini bukan lagi merupakan barang yang mewah, tetapi merupakan alat keperluan. Jadi, di kawasan saya di Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang dalam daerah Sabak Bernam masih lagi tidak mendapat talian telefon. Masalah lain seperti jalan, jambatan kita boleh atasi. Tetapi bila berjumpa dengan rakyat, dia tanya fasal telefon, saya angkat kedua-dua tangan, memang tidak pandai hendak jawab. Kerana kita dapati perkara ini sudah terlampau lama kita beritahu pada penduduk supaya bersabar. Jadi, kita hendak janji pun sudah tidak berani, melainkan pihak Telekom begitu serius untuk memberikan talian ini di luar-luar bandar.

Di Sungai Panjang, Tuan Pengerusi, terasing lebih kurang 30 batu daripada pekan. Pada tahun lepas ada berlaku kebakaran. Bila berlaku kebakaran, sudah tentu pihak Bomba tidak dapat dihubungi dan juga panggilan-panggilan kecemasan yang lain. Jadi, saya harap pihak Telekom dapat memberikan keutamaan di kawasan Sungai Panjang ini supaya rakyat di kawasan ini dapat menikmati pembangunan yang sedia ada. Sekian, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila Kementerian menjawab.

9.02 mlm.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Pertama sekali, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat dari Kota Melaka, Sipitang, Mersing dan Tanjong Karang yang sudi mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai tajuk B.49 dan P.49.

Secara ringkas, keempat-empat orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah tentang gangguan bekalan elektrik di beberapa tempat dan ketidakadaan kemudahan bekalan elektrik dan perkhidmatan telefon di beberapa tempat yang spesifik.

Tuan Pengerusi, sebenarnya selepas berlakunya gangguan bekalan elektrik di Semenanjung pada tahun lepas, pada tahun 1995 pihak kerajaan telah pun menjalankan satu kajian yang terperinci, dan penemuan-penemuan kajian ini telah pun dikemukakan kepada pihak Kabinet, dan segala cadangan yang dikemukakan oleh pihak perunding ini telah pun diberikan perhatian yang cukup serius oleh pihak Tenaga Nasional dan telah

pun dijalankan kesemua cadangan yang dicadangkan itu berperingkat-peringkat. Selepas ini saya merasa amat gembira untuk memberitahu kepada Dewan yang mulia ini kekerapan gangguan telah pun dikurangkan. Tetapi saya tidak dapat memberikan angka yang tepat kepada Dewan yang mulia ini. Tetapi pada keseluruhannya angka berlakunya gangguan bekalan telah pun menurun dengan satu keadaan yang boleh dikatakan memuaskan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya kebanyakan gangguan bekalan berlaku tidak disebabkan oleh sesuatu yang dilakukan oleh pihak Tenaga Nasional. Tetapi dekat separuh ataupun 50% gangguan yang berlaku adalah disebabkan oleh kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor yang tidak ada kaitan kadang-kadang dengan pihak Tenaga Nasional. Mereka tidak berapa mengambil berat tentang perkara ini. Oleh kerana itu, pihak kementerian selain daripada telah pun memulakan satu kempen kesedaran kepada mereka yang menjalankan kerja kontrak ini, pihak kementerian juga sedang memberikan pertimbangan yang cukup serius supaya dapat memberikan hukuman yang lebih berat kepada kontraktor yang menyebabkan gangguan-gangguan yang berlaku, bukan sahaja gangguan bekalan elektrik, tetapi terputusnya hubungan dalam aspek telekomunikasi.

Tentang 'no take, no track, no hack policy' yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, dengan sukacitanya kalau sekiranya dalam kawasan MSC, kita telah pun memberikan jaminan bahawa dalam jaminan ataupun secara bertulis dalam gerenti kita kepada mereka yang akan melaporkan dalam MSC ini, world class infrastructure akan dibekalkan kepada mereka yang melaporkan dalam MSC ini. Di seluruh negara

pihak kerajaan telah pun mengambil satu keputusan supaya mewujudkan common trenching, iaitu kita akan mewujudkan saluran yang sama diberikan kepada kabel elektrik dan kabel telekomunikasi. Maka dengan cara ini ataupun dasar ini, haraplah kita akan mengurangkan kerja-kerja taking dan sebagainya pada masa yang akan datang.

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya, common trenching yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, adakah ia boleh dilaksanakan sekarang, kerana nampaknya ada banyak masalah sehingga banyak kerja tidak boleh dijalankan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan berapa syarikat yang terlibat dalam kerja-kerja common trenching ini, dan daripada syarikat tersebut mana yang telah berhenti kerja kerana tidak boleh capai persefahaman dan berapa ramai yang masih menjalankan kerjanya.

Yang kedua, tentang common trenching yang berlaku di Pulau Pinang, kerana Pulau Pinang ada satu program yang bernama Penang Net. Adakah benar bahawa common trenching di Pulau Pinang menghadapi masalah, kerana dengan izin, it cannot cross over the bridge, kerana tersangkut di tengah-tengah Jambatan Pulau Pinang, dan macam mana masalah ini boleh diatasi supaya common trenching boleh berlaku di keseluruhan bukan sahaja di pulau Pulau Pinang, tetapi juga di bahagian Semenanjung

supaya semua isi rumah, 'house hold' boleh dengan satu 'plug in', dengan izin, boleh 'hook on' dan 'lock on' ke atas Penang Net ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, pihak kerajaan memang sedar bahawa menjalankan common trenching ini bukan merupakan satu perkara yang mudah. Keputusan telah pun diambil tidak lama sebelum ini, dan keputusan ini telah pun dibincangkan dalam Jawatankuasa Kemudahan Asas, Jawatankuasa Kabinet dan ianya akan dibentangkan kepada Majlis Menteri-menteri Besar yang akan datang. Untuk menjalankan dasar common trenching, kita memerlukan kerjasama dari semua pihak, termasuk kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan juga pengusaha-pengusaha telekomunikasi dan juga pihak TNB. Walau bagaimanapun, sekiranya kita ada 'very strong will', dengan izin, pihak kementerian yakin bahawa ia akan dapat dijalankan dalam beberapa peringkat.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menyentuh dengan down sizing TNB atau Telekom Malaysia. Semasa down sizing ada juga pekerja-pekerja diminta meletakkan jawatan ataupun diberikan pilihan sama ada hendak meneruskan pekerjaan mereka ataupun meletakkan jawatan. Beliau berpandangan bahawa kebanyakan mereka adalah dipaksa untuk meletakkan jawatan. Kalau sekiranya mereka tidak meletakkan jawatan, mereka akan dihantar ke kawasan pedalaman. Saya hendak memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat pandangan ini merupakan satu pandangan yang langsung tidak berasas sama sekali, kerana banyak juga mereka yang memilih untuk meneruskan khidmat dengan

agensi-agensi kerajaan, seperti Telekom Malaysia ataupun Tenaga, mereka Mereka memang dikekalkan dalam jawatan mereka dan tempat perkhidmatan mereka.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menyuarakan bahawa setakat ini kementerian gagal mengemukakan satu rancangan jangka panjang ataupun satu dasar telekomunikasi sendiri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Dasar Telekomunikasi Negara telah pun dilancarkan pada 17hb. Mei 1994 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kementerian juga sedang menyediakan pelan induk telekomunikasi dan dijangka siap dalam bulan Jun tahun ini juga. Kementerian juga telah menyediakan garis panduan untuk menggunakan lorong telekomunikasi sepertimana yang saya sebutkan tadi dalam masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sipitang, Mersing dan Tanjong Karang telah menyentuh tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk dalam kawasan mereka. Saya harap pegawai dalam kementerian dan juga jabatan atau agensi telah pun mengambil catatan. Saya memberikan jaminan di sini bahawa saya sendiri akan memberikan perhatian yang serius. Saya sendiri akan....

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu bangun.

Dato' Chan Kong Choy:selepas ini, saya akan beri jalan. Saya sendiri akan mengambil perhatian yang serius kepada semua perkara yang telah pun disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat, dan akan memberikan jawapan secara bertulis tentang

perkembangan dan apa-apa rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan bekalan api dan juga telefon kepada tempat-tempat yang spesifik yang telah pun disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan tentang kerja-kerja yang dibuat oleh kontraktor bagi mengenal pasti kerosakan-kerosakan dan juga membaiki kerosakan. Ingin saya mendapat penjelasan, adakah kerja-kerja penebangan pokok dan juga pemotongan dahan-dahan yang sentiasa menjadi punca kepada masalah terputusnya bekalan api dan juga talian telefon ini, juga diberikan kepada mereka untuk menyelesaikannya. Kerana terdapat banyak kali masalah ini berlaku disebabkan oleh pokok-pokok ataupun dahan-dahan pokok yang tumbang. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan sama ada kontraktor yang diberikan tugas ini juga diberikan tanggungjawab bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, adakah kementerian bercadang ataupun merancang sesuatu bagi mempertimbangkan walaupun dasar TNB dan juga Telekom ini berniaga sekarang, tentunya mereka memerlukan keuntungan, tetapi oleh kerana begitu banyak dan baiknya sambutan kepada permintaan elektrik dan juga telefon ini, apakah ada cadangan kementerian untuk memberikan bekalan percuma kepada pusat-pusat ibadah, pusat-pusat keagamaan seperti masjid, balai raya, kuil, tokong dan sebagainya supaya mereka ini diberikan bekalan percuma, tak payah hendak bayar apabila menggunakan bekalan ini sebagai sumbangan syarikat kepada pusat-pusat sedemikian.

Tuan Pengerusi, begitu juga pembekalan lampu-lampu di persimpangan jalan, kebanyakan jalan-jalan di luar bandar banyak selekoh yang merbahaya dan sebagainya, apakah ada rancangan TNB untuk membekalkan lampu-lampu jalan di kawasan-kawasan merbahaya dan juga di persimpangan jalan supaya mereka juga dapat memberi sumbangan kepada keselamatan penunggang dan pengguna-pengguna jalan raya. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, setakat ini pihak Telekom Malaysia dan juga Tenaga Nasional Berhad tidak ada cadangan untuk memberikan bekalan percuma kepada tempat-tempat seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Walau bagaimanapun, saya akan mengemukakan saranan ini kepada kedua-dua pihak yang berkenaan supaya memberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Tentang mendirikan lampu jalan di tempat-tempat seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, biasanya ini merupakan tanggungjawab pihak berkuasa tempatan, memang pihak Tenaga Nasional Berhad selalu memberikan sokongan kepada pihak berkuasa tempatan supaya berbuat demikian.

Tuan Pengerusi, tentang tiang kayu yang masih ada sekarang ini, dengan sukacitanya saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini pihak Tenaga Nasional Berhad memang ada rancangan untuk menukar, menggantikan semua tiang kayu ini dengan tiang simen, tetapi ini kena mengikut peringkat-peringkat dan pada satu masa yang akan datang, saya harap semua tiang kayu di dalam negara ini dapat digantikan dengan tiang simen.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan, saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang akan mengambil tindakan tentang keluhan yang disuarakan tadi. Tetapi mengenai dasar ini tadi, apakah benar TNB ini tidak ada peruntukan untuk menggantikan dan mengalih tiang-tiang elektrik yang ada di tengah-tengah jalan ini. Seandainya benar tidak ada, bagaimanakah perkara ini hendak diselesaikan? Adakah kementerian akan menambah peruntukan kepada TNB untuk mengubah tiang elektrik ini, kalau tidak diubah tiang elektrik ini, kalau tidak ada peruntukan maka seperti yang telah saya nyatakan tadi, ini amat merbahaya.

Yang kedua, saya hendak sambung cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jelebu. Memang benar, lampu-lampu di simpang-simpang jalan yang berada di dalam kawasan majlis tempatan memang tidak menjadi masalah kerana bilnya dibayar oleh majlis tempatan. Persoalannya kita dapati lampu-lampu di simpang-simpang jalan yang diluar kawasan majlis tempatan.

Mengenai pemasangan lampu ini memang benar dipasang oleh JKR dan apabila JKR memasang lampu-lampu ini di simpang-simpang jalan di luar kawasan majlis tempatan, maka TNB akan menyalurkan api, soalnya sekarang siapa yang hendak bayar api yang disalurkan oleh TNB ini?

Jadi, ini kadang-kadang yang kita dapati lampu yang di tepi jalan di luar bandar ini dipasang sebulan sahaja, lepas itu kerana tidak ada siapa yang hendak bayar bil elektrik ini, maka TNB memotong lampu-lampu ini dan tinggallah tiangnya sahaja. Jadi, minta penjelasan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, mengenai dasar sama ada pihak TNB tiada peruntukan untuk mengalihkan tiang-tiang yang terletak di tengah-tengah jalan ini, saya pun kurang pasti tentang sama ada ada dasar ini, saya akan memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis, tetapi tentang keadaan tiang yang didirikan di tengah jalan di kawasan Ahli Yang Berhormat ini di Tanjong Karang, saya akan mengarahkan TNB supaya berbincang dengan Ahli Yang Berhormat untuk mencari jalan untuk mengalihkan

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah, TNB telah bersetuju untuk memindahkan tiang ini, masalahnya saya dimaklumkan dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah, tidak ada peruntukan khas untuk mengalihkan tiang elektrik ini. Saya difahamkan satu tiang elektrik ini hampir RM1,000 belanja untuk mengalihkannya. Jadi, itulah saya hendak minta penjelasan, saya rasa peruntukan memang tidak ada, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Chan Kong Choy: Saya memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat, saya kurang pasti sama ada, ada dasar sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Sekiranya ada dasar yang tertentu, bolehlah kita bincangkan lagi untuk mencari jalan mengatasi perkara ini.

Saya yakin mesti ada cara untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang ini. Saya yakin mesti ada jalan untuk menyelesaikannya. [*Tepuk*] Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,464,000 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,464,000 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalah-nya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM27,400,100 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM27,400,100 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1996.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh satu juta, enam ratus enam belas ribu, lapan ratus lapan puluh satu (RM491,616,881) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh satu juta, enam ratus enam belas ribu, lapan ratus lapan puluh satu (RM491,616,881) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):

mempengerusikan Mesyuarat]

BACAAN KALI YANG KETIGA

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiuasaha Parlimen Kementerian Kewangan [Datuk Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh satu juta, enam ratus enam belas ribu, lapan ratus lapan puluh satu (RM491,616,881) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh satu juta, enam ratus enam belas ribu, lapan ratus lapan puluh satu (RM491,616,881) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

hendaklah disetujui.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli

Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul sepertimana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh satu juta, enam ratus enam belas ribu, lapan ratus lapan puluh satu (RM491,616,881) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh satu juta, enam ratus enam belas ribu, lapan ratus lapan puluh satu (RM491,616,881) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli

Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.25 malam.